



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

LAPORAN TAHUNAN

2023

**INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN
AGROMAKANAN RAKYAT**





INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT

ISIKAN DUNGAN

PERUTUSAN MENTERI

Menteri Pertanian
dan Keterjaminan Makanan _____ **03**

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Menteri Pertanian
dan Keterjaminan Makanan _____ **05**

MAKLUMAT KORPORAT

Misi , Visi dan Objektif KPKM _____ **09**

Piagam Pelanggan _____ **10**

Fungsi KPKM _____ **11**

Carta Organisasi KPKM _____ **13**

PENCAPAIAN SETIAP BAHAGIAN/UNIT MENGIKUT SEKTOR

PENCAPAIAN SETIAP BAHAGIAN

SEKTOR (PEMBANGUNAN)

Bahagian Sekuriti Makanan (BSM)	17
Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP)	27
Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT)	31
Bahagian Pembangunan (BPEM)	43
Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)	49

SEKTOR (DASAR)

55	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS)
77	Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP)
93	Bahagian Antarabangsa (AB)
115	Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI)
129	Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP)

SEKTOR (PENGURUSAN)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	137
Bahagian Kewangan (K)	155
Bahagian Akaun (BA)	163
Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD)	173
Bahagian Pentadbiran (T)	179

UNIT-UNIT DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA

185	Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
189	Unit Komunikasi Korporat (UKK)
193	Unit Audit Dalam (UAD)
203	Unit Integriti (UI)

LENSA HPPNK 2023	211
------------------	-----

LENSA AMAF 2023	213
-----------------	-----

SIDANG EDITORIAL	215
------------------	-----

216	INDEKS
-----	--------



Perutusan MENTERI KPKM

**YB DATUK SERI
HAJI MOHAMAD BIN SABU**
Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan



**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Malaysia
MADANI,**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah berjaya melaksanakan fungsi dan tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2023 dengan cemerlang dan turut berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2023 yang merekodkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian KPKM. Ia membuktikan komitmen warga Kementerian ini dalam mentadbir urus dan memperjuangkan kepentingan petani, penternak, nelayan dan usahawan agro.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi fokus terhadap 4 dimensi keterjaminan makanan merujuk kepada Food and Agriculture Organization (FAO) iaitu ketersediaan (availability), akses (accessibility), penggunaan (utility) serta kestabilan dan kemampunan (sustainability) sejajar dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021- 2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Cabaran kepada Kementerian adalah memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang dan sistem makanan negara perlu diperkukuhkan supaya lebih mampan bagi



INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT

persediaan menangani ancaman krisis makanan peringkat global dan domestik seperti pertambahan populasi, pemanasan global dan persaingan guna tanah.

Dalam hal ini, KPKM telah menggariskan 5 hala tuju dan fokus utama Kementerian mulai tahun 2023 iaitu memperkasakan industri akuakultur, memperluas penternakan lembu secara fidlot, penanaman jagung bijian (grain corn), peningkatan penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan serta pertanian pintar dan memperkasakan institut latihan pertanian supaya negara mempunyai sumber makanan yang lestari, tersedia di samping memastikan kebolehcapaian makanan yang cukup dengan

kestabilan harga bekalan makanan dalam negara.

Secara keseluruhan, langkah tranformasi keterjaminan makanan negara sedang giat dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan tinggi kepada makanan import sejajar dengan usaha untuk mempertingkatkan sekuriti makanan dan memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan pada jangka masa panjang.

Saya berharap Kementerian ini terus komited, cekap dan berdaya tahan mengukuhkan rantaian bekalan bagi sektor agromakanan untuk terus kekal lancar dan berdaya saing bagi menghadapi cabaran global krisis makanan pada abad ini.

Sebagai penutup bicara, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga KPKM yang telah bersama-sama berusaha memberi sumbangan ke arah kecemerlangan dan kejayaan Kementerian ini dalam memperkasakan sektor agromakanan negara. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku Laporan Tahunan KPKM 2023. Semoga KPKM terus melakar kejayaan demi kejayaan sebagai peneraju transformasi sektor pertanian. Insyaa-Allah.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan



Perutusan
**KETUA
 SETIAUSAHA**

**YBHG. DATUK
 LOKMAN HAKIM ALI**

Ketua Setiausaha Menteri Pertanian Dan
 Keterjaminan Makanan



**Assalamualaikum WBT dan Salam
 Malaysia MADANI,**

Alhamdulillah dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2023 telah berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli sidang redaksi serta warga KPKM, jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang komited dalam merealisasikan penerbitan Laporan Tahunan KPKM 2023 ini sebagai satu

wadah bermaklumat untuk tatapan semua. Sebagai salah satu kementerian yang amat penting dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat menerusi inisiatif keterjaminan makanan negara, saya dan semua ahli pengurusan tertinggi kementerian mahupun jabatan serta agensi di bawah KPKM menzahirkan rasa syukur dan bangga dengan terhasilnya penerbitan Laporan Tahunan KPKM 2023. Laporan ini diyakini sangat penting sebagai rujukan rangkuman gerak kerja yang telah kita semua curahkan sepanjang tahun 2023. Ia tentu sahaja menjadi bukti usaha keras kita dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa



INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT

terpelihara dengan menikmati kualiti hidup yang baik melalui bekalan sumber makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat sepanjang masa. Berdasarkan iltizam jitu dan tanggungjawab, laporan ini merupakan manifestasi pencapaian yang menyeluruh serta mencerminkan sifat akauntabiliti seluruh warga kementerian, jabatan dan agensi dalam usaha memenuhi aspirasi rakyat.

Laporan ini bukan sahaja merupakan satu pendedahan terhadap pencapaian kementerian, tetapi juga sebagai medium untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai inisiatif

dan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Melalui maklumat yang teliti dan mudah difahami, kami berharap agar masyarakat dapat memahami sepenuhnya sumbangan kementerian dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.

Saya dengan penuh rasa tulus mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian yang telah bekerja keras untuk mencapai kejayaan ini. Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan dedikasi anda semua. Saya juga mengalu-alukan sebarang maklum balas daripada pihak berkepentingan untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap agar Buku Laporan Tahunan ini dapat memberikan gambaran yang lengkap dan jelas mengenai perjalanan kementerian kita. Semoga ia menjadi sumber inspirasi dan panduan untuk kita sebagai satu pasukan kementerian terus mengorak langkah jitu untuk mencapai lebih banyak kejayaan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali
Ketua Setiausaha KPKM

Maklumat Korporat

Objektif KPKM	10
Visi Misi dan Objektif	10
Piagam Pelanggan	11
Fungsi KPKM	12



OBJEKTIF KPKM

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan penggabungan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara.

VISI KPKM

Peneraju Transformasi Pertanian



MISI KPKM

- Mentransformasi sektor pertanian supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif.
- Malaysia kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia.
- Pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.



PIAGAM PELANGGAN

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan penuh tekad dan iltizam berjanji akan memastikan :

- Memberi maklum balas ke atas permohonan maklumat agromakanan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh menerima permohonan;
- Merancang, memantau dan menilai pelaksanaan projek-projek pembangunan kementerian supaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Laporan pemantauan dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas lawatan projek;
- Menguruskan urusan hal ehwal berkaitan perkhidmatan (pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat dan persaraan) dalam tempoh empat (4) minggu di peringkat kementerian;
- Memproses pelantikan ahli lembaga pengarah bagi badan berkanun di bawah kementerian dan agensi serta pelantikan pegawai diberi kuasa di bawah akta dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima;
- Permohonan kuantum Import Keluaran Pertanian – Keputusan akan dikemukakan kepada jabatan/ agensi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas keputusan daripada Pejabat YB Menteri diperolehi;
- Memastikan aplikasi kritikal berada di tahap ketersediaan sekurang-kurangnya 95%.
- Memproses bayaran gaji bulanan anggota kementerian satu (1) minggu sebelum bayaran gaji.
- Mengeluarkan surat tawaran permohonan kemasukan baru dan naik tahap pelatih Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan;
- Menyelaras dan pemudah cara penglibatan dan sumbangan Kementerian di arena antarabangsa termasuk bidang ekonomi dan hubungan diplomatik;
- Menyelaras, mengkaji dan pemudah cara di dalam hubungan dua hala terutama bidang pertanian;
- Mengeluarkan keputusan permohonan baru dan pembaharuan Lesen Runcit Beras dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- Mengeluarkan keputusan permohonan baru dan pembaharuan Lesen Borong Beras, Lesen Import dan Lesen Eksport dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- Pengeluaran permit pemindahan padi dan beras serta hasil sampingan antara negeri dalam tempoh satu (1) jam;
- Menguruskan hal ehwal berkaitan industri tanaman, ternakan, perikanan dan herba dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja di peringkat kementerian setelah permohonan berkaitan adalah lengkap diterima; dan
- Melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah kerjasama strategik dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima kelulusan dan pertimbangan daripada Jawatankuasa Teknikal Kerjasama Strategik.

FUNGSI KPKM

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan penggembleran seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara.







KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



KETUA PENGARAH

INSTITUT PENYELIDIKAN &
KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA (MARDI)

DATO' DR. MOHAMAD
ZABAWI BIN ABDUL GHANI



KETUA PENGARAH

JABATAN PERTANIAN (DOA)

DATO' NOR SAM
BINTI ALWI



KETUA PENGARAH

LEMBAGA PERTUBUHAN
PELADANG (LPP)

DATO' AZULITA BINTI
SALIM



KETUA PENGARAH

JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR (DVS)

DR. AKMA BINTI NGAH
HAMID



KETUA PENGARAH

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (FAMA)

ENCIK ABDUL RASHID
BIN BAHRI



KETUA PENGARAH

JABATAN PERIKANAN (DOF)

DATO' ADNAN BIN
HUSSAIN



KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN
MALAYSIA (LKIM)

ENCIK HAMDAN BIN
MAMAT



KETUA PENGARAH

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN
& PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

ENCIK SHAMSUL
AKBAR BIN SULAIMAN



PENURUS BESAR

LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN MUDA (MADA)

TUAN HAJI KAMARUDIN
BIN DAHULI



PENURUS BESAR

LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN KEMUBU (KADA)

ENCIK MOHD FAIZUL
BIN MUSTAFA



TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)

DATUK BADRUL
HISHAM BIN MOHD



SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN SEKURITI
MAKANAN

ENCIK MAZLAN BIN
OTHMAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN
INDUSTRI PADI

DATUK AZMAN BIN
MAHMOOD



SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN &
ASAS TANI

ENCIK MUHAMMAD
AMMIR BIN HARON



SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN
PEMBANGUNAN

ENCIK NORAZLI
BIN INDZAM



PENGARAH

BAHAGIAN PENGAIARAN &
SALIRAN PERTANIAN

ENCIK MOHAMAD RADZI
BIN ABDUL TALIB



KETUA PENGARAH

LEMBAGA PERINDUSTRIAN
NANAS MALAYSIA (LPPNM)

ENCIK MOHD KHAIRUZAMRI
BIN M.SALLEH



PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

BANK PERTANIAN (AGROBANK)

YM DATO' TENGGU AHMAD
BADLI SHAH BIN
RAJA HUSSIN, JP

CARTA ORGANISASI



MENTERI

YB DATUK SERI HAJI
MOHAMAD BIN SABU



**TIMBALAN
MENTERI**

YB DATUK CHAN
FOONG HIN



**KETUA
SETIAUSAHA**

DATUK LOKMAN
HAKIM BIN ALI



**TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA (DASAR)**

DATUK AZAH HANIM
BINTI AHMAD



**SUB KANAN
(PENGURUSAN)**

PUAN NORAHIZA
BINTI ABDUL RAHMAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN DASAR &
PERANCANGAN STRATEGIK**

ENCIK SHAHRIL FAIZAL
BIN ABDUL JANI



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**

PUAN HIDAYATUL
SHUHaida BINTI
KAMARUDIN



PENASIHAT UNDANG-UNDANG

**PEJABAT PENASIHAT
UNDANG-UNDANG**

MOHD MAZRAN BIN
DATO' MOHAMAD MAZLAN



PENGARAH

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI
& LATIHAN PERTANIAN**

PUAN HIZATUL HALIZA
BINTI HASHIM



SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN KEWANGAN

PUAN MISJIAH BINTI
MARUL



KETUA UNIT

**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT**

ENCIK MOHAMMAD EZRI
BIN SHAMSUDDIN



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN
ANTARABANGSA**

KOSONG



KETUA AKAUNTAN

BAHAGIAN AKAUN

PUAN HAWARIAH
BINTI IDRIS



KETUA UNIT

**UNIT AUDIT
DALAM**

DR. ZAHARUDDIN BIN
ZAINAL ABIDIN



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN DAN PELABURAN**

ENCIK KHALID BIN
IBRAHIM



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT**

PUAN FADLILAHTON
BINTI ISMAIL



KETUA UNIT

UNIT INTEGRITI

PUAN SALWA BINTI
MUHARAM



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN PEMODENAN
PERTANIAN**

ENCIK ROSHIDI BIN
MAT MOOR



SETIAUSAHA BAHAGIAN

**BAHAGIAN
PENTADBIRAN**

PUAN AZURA BINTI
ABDULLAH

TARIKH KEMASKINI : 8 DISEMBER 2023

Pencapaian Setiap Bahagian / Unit Mengikut Sektor

Sektor (Pembangunan)	18
Sektor (Dasar)	56
Sektor (Pengurusan)	138
Unit-unit di bawah Ketua Setiausaha	186



BAHAGIAN SEKURITI MAKANAN (BSM)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Meningkatkan sumbangan sektor tanaman, ternakan dan perikanan kepada KDNK;
- b. Meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan melalui penggunaan sumber-sumber pengeluaran secara optimum; dan
- c. Meningkatkan penglibatan golongan sasaran dalam rangkaian nilai pengeluaran.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Menggubal, mengemaskini serta memantau dasar dan strategi berkaitan dengan industri tanaman, ternakan dan perikanan;
- b. Menyelaras, memantau dan memudahcara pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek berkaitan industri tanaman, ternakan dan perikanan;
- c. Menyelaras dan memudahcara permohonan cadangan (proposai) bagi sektor tanaman, ternakan dan perikanan; d). Mengkaji dan memperakukan program pembangunan Rancangan Lima Tahun, Kajian Separuh Penggal serta keperluan peruntukan termasuk belanjawan;
- e. Melaksanakan tugas sekretariat bagi jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan pembangunan industri tanaman, ternakan dan perikanan;
- f. Menyedia input bagi Kertas Dasar/Memorandum/Nota Makluman/maklumbalas berkaitan industri tanaman, ternakan dan perikanan;
- g. Meningkatkan hubungan, jaringan dan kerjasama antara kementerian, jabatan/agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO);
- h. Menyelaras dan memantau pengurusan dua (2) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) bukan padi iaitu IADA Kalaka-Saribas-Betong dan IADA Samarahan dan Taman Kekal Pengeluaran Pertanian (TKPM); dan
- i. Menyelaras isu-isu sekuriti makanan di peringkat pengeluaran pertanian.

SESI LIBAT URUS BERSAMA PENTERNAK BABI MENGENAI MASALAH PEREBAKAN WABAK PENYAKIT AFRICAN SWINE FEVER (ASF) DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Penyakit African Swine Fever, ASF merupakan penyakit rentas sempadan (*transboundary animal diseases*) (TADs) berkepentingan ekonomi yang menjangkiti ternakan babi domestik dan babi hutan. Penyakit sangat cepat merebak dan boleh menyebabkan sehingga 100% kematian pada babi yang dijangkiti.

Kebanyakan negara di Asia telah dilanda wabak ASF sejak 3 Ogos 2018 yang bermula di China. Dalam tempoh setahun, ASF telah disahkan merebak ke 10 buah negara lain di benua Asia seperti Thailand, Vietnam dan beberapa negara lain. Semenjak itu, Malaysia telah menjalankan langkah-langkah pencegahan melalui kempen kesedaran awam, kerjasama inter-agensi dalam menguatkuasakan larangan import babi dan produk babi dari negara berisiko ASF dan mengetatkan kawalan masuk babi dan produk babi di pintu masuk negara.

Walaupun langkah-langkah pencegahan yang agresif telah diambil semenjak bulan Disember 2018, kejadian ASF telah dikesan di Sabah pada 8 Februari 2021 dan menjadi kes pertama ASF di negara ini. Kemudiannya, ASF dikesan dalam babi hutan di Bidor, Perak pada 5 Disember 2021. Akhirnya pada 20 Disember 2022 Penyakit ASF telah disahkan berlaku dalam babi komersil di Melaka, Perak, Pulau Pinang, Pahang dan Johor. Ini telah menyebabkan banyak ladang-ladang babi komersial terpaksa ditutup dan ternakan terpaksa dilupuskan.

Sekiranya wabak ASF tidak dikekang dengan pantas dan berkesan, penularan penyakit ini akan melumpuhkan ekonomi industri penternakan babi yang bernilai sekitar RM3 bilion. Ini akan memberi impak ekonomi yang besar dan menjejaskan jaminan bekalan makanan berasaskan haiwan dalam negara. Apabila berlaku kekurangan sumber daging babi, rakyat akan beralih kepada sumber-sumber protein yang lain seperti daging ayam dan ruminan. Ini akan menyebabkan berlakunya lonjakan harga daging ayam dan ruminan di pasaran akibat kekurangan bekalan daging babi.

Bagi mengekang rebakan penyakit ASF, tindakan kawalan dan pembasmian penyakit yang berkesan perlu dilaksanakan dengan pantas dan bersistematik. KPKM melalui DVS telah melaksanakan intervensi melalui polisi kawalan dan pembasmian ASF secara '*stamping out*' mengikut Protokol Veterinar Malaysia (PVM) bagi penyakit ASF dan mematuhi garis panduan Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Susulan daripada itu, beberapa sesi libat urus dengan para penternak babi yang terkesan dengan serangan wabak penyakit ASF telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

Bil	Nama	Tarikh	Tempat	Pengerusi	Kehadiran
1.	Sesi Libat Urus Bersama Persatuan Penternak Babi Mengenai Isu African Swine Fever (ASF).	15 Februari 2023	Bilik Gerakan, Aras 7, Wisma Tani, KPKM.	YB Chan Foong Hin, YB Timbalan Menteri KPKM.	60 orang penternak dan wakil persatuan penternak.
2.	Sesi Lawatan Rasmi ke Perkampungan Valdor Pulau Pinang Bersama Ketua Menteri Pulau Pinang.	19 Februari 2023	Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.	YB Chan Foong Hin, YB Timbalan Menteri KPKM dan YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.	50 orang penternak.
3.	Sesi Libat Urus YBTM Bersama Persatuan Penternak.	1 April 2023	Pejabat Persatuan Penternak-Penternak Melaka, Paya Mengkuang, Melaka.	YB Chan Foong Hin, YB Timbalan Menteri KPKM.	50 orang penternak.
4.	Sesi Libat Urus Bersama Penternak Babi Mengenai Cadangan Pembinaan Fasilitas Biogas	6 November 2023	Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.	YB Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor.	50 orang penternak.

Sesi Libat Urus dan Lawatan Rasmi KPKM mengenai perebakan ASF



SESI LIBAT URUS BERKAITAN ISU AYAM DAN TELUR

a. SESI LIBAT URUS SESI LIBAT URUS BEKALAN AYAM DAN TELUR DI MUSIM PERAYAAN

Tarikh : 15 April 2023

Tempat : Bilik Gerakan, Aras 7, Wisma Tani.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM bersama penternak, pemborong, peruncit dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM). Sebanyak 17 buah syarikat terdiri daripada penternak, pemborong dan peruncit yang menghadiri sesi libat urus ini antaranya Lay Hong Berhad, Huat Lai Resources, Dindings Tyson, Mydin, AEON, Econsave dan Lotus.

Tujuan sesi libat urus ini diadakan bagi mendapatkan semua pandangan dan jaminan daripada semua pemegang taruh dalam rantai industri ayam dan telur bagi memastikan bekalan ayam dan telur adalah mencukupi bagi musim perayaan kelak. Dalam masa yang sama, mesyuarat turut menyusun gerak kerja melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membekalkan ayam dan telur segera ke lokasi yang berhadapan dengan isu kekurangan bekalan ayam dan telur.



b. TAKLIMAT ISU STRATEGIK KPKM: BEKALAN AYAM DAN TELUR AYAM BERSAMA AHLI-AHLI PARLIMEN KERAJAAN PERPADUAN

Tarikh : 13 JUN 2023

Tempat : BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA

Pada 13 Jun 2023 KPKM telah mengadakan Taklimat Isu Strategik KPKM: Bekalan Ayam dan Telur Ayam kepada Ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan (BBC) di Bangunan Utama, Parlimen Malaysia. YB Menteri KPKM telah memberikan kata alu-aluan dan seterusnya taklimat disampaikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM. Sesi ini dihadiri oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Timbalan Menteri KPKM, YB Timbalan Menteri KPDN, YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Pengerusi Penyokong Kerajaan Perpaduan (BBC) dan ahli-ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan.

Antara perkara yang dibentangkan ialah situasi terkini ayam dan telur ayam dalam negara serta tindakan dan perancangan yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi menjamin sumber tersebut mencukupi dan mudah untuk diperolehi oleh rakyat. Sebanyak empat (4) isu utama berkaitan ayam dan telur ayam telah dibangkitkan dalam sesi tersebut di antaranya berkaitan pemberian subsidi kepada segmen lain selain penternak ayam dan telur, kelewatan pembayaran subsidi, bantuan peningkatan teknologi penternakan ayam dan telur ayam dan memperkasakan industri jagung bijian dalam negara.



c. MESYUARAT PENAMATAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR DAN KAWALAN HARGA

Tarikh : 10 Oktober 2023

Lokasi : Bilik Gerakan Aras 7, Wisma Tani.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU KPKM dan dihadiri oleh wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Tujuan mesyuarat ini diadakan untuk mendapatkan pandangan daripada semua pihak berkepentingan mengenai isu penamatan subsidi serta kawalan harga ayam dan telur ketetapan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Oktober 2023.

d. MESYUARAT BERSAMA PEMAIN INDUSTRI PENTERNAK AYAM DAN TELUR BERKAITAN KEPUTUSAN PENAMATAN KAWALAN HARGA SERTA SUBSIDI AYAM DAN TELUR

Tarikh : 16 Oktober 2023

Tempat : Bilik Gerakan, Aras 7, Wisma Tani.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU KPKM dan dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian dan pemain industri penternakan ayam dan telur ayam. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memaklumkan perkembangan terkini penamatan subsidi dan kawalan harga ayam dan telur susulan daripada pemakluman oleh YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 dan mendapatkan pandangan pemain industri mengenai isu keputusan penamatan kawalan harga dan subsidi ayam dan telur ayam.



e. MESYUARAT BERSAMA PEMAIN INDUSTRI (PEMBORONG DAN PERUNCIT) BERKAITAN KEPUTUSAN PENAMATAN KAWALAN HARGA SERTA SUBSIDI AYAM DAN TELUR

Tarikh : 18 Oktober 2023

Tempat : Bilik Mesyuarat Bahagian Pembangunan (BPP) Aras 12, Blok 4G1, Wisma Tani.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk TKSU(P) dan dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian dan pemain industri pemborong dan peruncit yang terlibat dalam rantai bekalan ayam dan telur ayam. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memaklumkan perkembangan terkini penamatan subsidi dan kawalan harga ayam dan telur susulan daripada pemakluman oleh YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 dan mendapatkan pandangan pemain industri mengenai isu keputusan penamatan kawalan harga dan subsidi ayam dan telur ayam.



f. SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMAIN INDUSTRI AYAM DAN TELUR BAGI ISU PENAMATAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR

Tarikh : 22 Oktober 2023

Lokasi : Bilik Gerakan Aras 7, Wisma Tani.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan bersama wakil kementerian dan pemain industri penternakan ayam dan telur. Tujuan mesyuarat diadakan bagi mendapatkan input bagi cadangan penamatan kawalan harga dan subsidi ayam dan telur. Pemain industri telah memberikan komitmen kepada Kerajaan bahawa bekalan mencukupi dan harga ayam pada kekal pada harga yang berpatutan dan di bawah harga siling semasa.



e. **PENAMATAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI AYAM OLEH YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

Tarikh : 30 Oktober 2023

Lokasi : Menara LPP Kuala Lumpur.

Selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa, Kerajaan telah bersetuju agar subsidi dan kawalan harga bagi ayam ditamatkan sepenuhnya pada 1 November 2023. Subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Penamatan subsidi ayam ini telah mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam telah mula stabil, yang menyumbang kepada harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling. Dalam hal ini, Kerajaan akan memastikan harga jualan bagi ayam yang akan diapungkan terus berada pada kadar yang munasabah.



PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN (PKPN)

Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) adalah program yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberi bantuan kepada nelayan yang berpendapatan rendah dengan membantu mereka membaik pulih, membina rumah baru dan membangun penempatan semula bagi nelayan. Tujuan utama PKPN ini adalah untuk memberi kesejahteraan kepada keluarga nelayan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. PKPN ini terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu baik pulih rumah nelayan, bina rumah baru nelayan dan Penempatan Semula Nelayan (PSN).

Untuk program bina rumah baru nelayan, Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan untuk membina rumah di setiap lokasi dengan kos maksimum RM70,000 sebuah bagi Semenanjung dan RM90,000 sebuah bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam usaha memastikan kejayaan pelaksanaan program ini, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang berkaitan telah dilantik sebagai Peneraju Projek berdasarkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Satu lawatan kerja ke PSN Pangkor yang diketuai oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha telah diadakan pada 7 hingga 8 April 2023. Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah LKIM, pegawai pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan/Agensi di bawah KPKM dan Kerajaan Negeri.

Lawatan ini melibatkan 4 lokasi projek/program yang berkaitan Kementerian iaitu PSN Teluk Baharu, PSN Pasir Bogak, cadangan pembangunan semula Kompleks Terminal Jeti Penumpang dan Kargo Pulau Pangkor serta Pusat Jualan Bersubsidi Diesel PNK Pangkor. Lawatan kerja ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan projek/program dan mengenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi.



Lawatan ke Jeti Penumpang dan Terminal Kargo, Pangkor.



Lawatan ke Pusat Jualan Diesel Bersubsidi PNK Pangkor.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEPADA NELAYAN DI PENGERANG, JOHOR

Majlis Penyerahan Bantuan Kepada Nelayan di Pengerang, Johor telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 15 Mac 2023. Majlis turut dihadiri YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) merangkap Ahli Parlimen Pengerang.

Program penyerahan bantuan ini merupakan salah satu inisiatif dan keprihatinan KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk membantu masyarakat nelayan bagi meringankan bebanan dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan peningkatan kos sara hidup dan musibah.

Jenis bantuan yang telah disampaikan kepada Nelayan semasa majlis tersebut adalah seperti berikut:

- Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada 408 nelayan dari kawasan Pengerang sebanyak RM 122,400.00;
- Lesen sampan khas kepada 47 orang nelayan kategori A.
- Bantuan banjir sebanyak RM200 dan 'Food Basket' bagi 10 orang nelayan yang terkesan akibat banjir; dan
- Bantuan jaket keselamatan kepada 465 nelayan.

YB Menteri KPKM juga turut mengumumkan peruntukan RM29 juta untuk Kompleks LKIM Sungai Musoh Pengerang, Johor pada tahun 2023. Inisiatif ini diharap dapat membantu nelayan memperkukuhkan industri perikanan di negeri Johor.



Bantuan jaket keselamatan kepada 465 nelayan Pengerang, Johor oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said.


BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI (BPIP)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- Memastikan pengeluaran beras dalam negara sekurang-kurangnya 75 peratus tahap sara diri (SSL);
- Memastikan bekalan beras kepada pengguna mencukupi, bermutu dan mudah diperolehi pada harga yang stabil dan berpatutan pada setiap masa;
- Memastikan petani mendapat pulangan yang setimpal dan munasabah di atas usaha mereka; dan
- Menggalakkan kemajuan industri padi dan beras serta industri berasaskan padi dan beras.

FUNGSI BAHAGIAN


- Memantau prestasi program dan projek pembangunan daripada segi kewangan dan fizikal di Bahagian/Jabatan/Agensi;
- Menilai impak dan *outcome program*/projek pembangunan Bahagian/Jabatan/Agensi;
- Merancang dan menyelaraskan perkara berkaitan peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun di bawah Kementerian dengan agensi pusat iaitu Kementerian Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan Kementerian Kewangan (MOF);
- Focal point* bagi penyelarasan siling, maklumat dan skop projek pembangunan Kementerian;
- Mengurus pelaksanaan dan mengemaskini maklumat program/projek Bahagian/Jabatan/Agensi di dalam laporan sistem MyProjek; dan
- Menjadi urusetia kepada :
 - Jawatankuasa Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK);
 - Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK).
 - Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO);
 - Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah Persekutuan (JPPT);
 - Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Ruang Bangunan (JPTRB);
 - Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP); dan
 - Jawatankuasa Tuntutan Loss and Expense Tender Kerja.
 - Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Projek Fizikal KPKM (JTPPFK).



GELOMBANG PADI

Subsektor padi dan beras merupakan antara subsektor yang mudah terkesan daripada isu global dan Malaysia turut merasai impak kenaikan bahan mentah dunia sekaligus mempengaruhi harga input pertanian seperti baja dan racun di pasaran tempatan, kenaikan harga jualan beras import, perubahan iklim dan sebagainya yang mempengaruhi pengeluaran hasil.

KPKM telah menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara. Perubahan ini kita gelarkan “Gelombang Padi”.



PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB ALA SEKINCHAN)

- Model Baharu yang diperkenalkan pada Mei 2023. Ia merupakan aplikasi amalan terbaik penanaman padi di Sekinchan untuk direplikasikan ke kawasan lain.
- Menerusi program Smart SBB Ala Sekinchan, ia boleh meningkatkan hasil padi sebanyak 70 peratus berbanding kaedah biasa.



SESI LIBAT URUS (SLU) BERKAITAN PADI DAN BERAS

Bil.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Kehadiran	Objektif
1.	SLU Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) bersama pengilang dan pemborong.	27 Ogos 2023	Alor Setar, Kedah.	Pengilang dan pemborong dari Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.	Menjamin kepentingan semua pihak terutamanya pesawah dan pengguna.
2.	Sesi Dialog Belanjawan 2024 bagi subsektor industri padi dan beras.	7 Sept. 2023	MARDI, Serdang.	Ketua Jabatan, Agensi KPKM dan semua pemain industri padi dan beras negara.	Mendapatkan input berkaitan Belanjawan 2024.
3.	SLU KPKM dan Agensi bersama pemain industri beras negara.	13 Sept. 2023	Wisma Tani, Putrajaya.	KPDN, FAMA, LPP, BERNAS, lima (5) pemborong beras utama dan sebelas (11) pasar raya taraf <i>hypermarket</i> .	Pelaksanaan Program Khas Beras Putih Tempatan (PKBPT) di seluruh negara.
4.	SLU KPKM bersama persatuan restoran, pengusaha makanan dan penjaja kecil.	15 Sept. 2023	Wisma Tani, Putrajaya.	KPDN, FAMA, LPP dan BERNAS bersama Persatuan Pengusaha Restoran Muslim (PRESMA), Persatuan Sahabat Tomyam, Prihatin Malaysia (STPM), Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera WPKL (PPPBWPKL), Misi Rakyat, <i>Malaysian Food and Beverage Executives Association (MFBEA)</i> .	Mendapatkan gambaran sebenar berkenaan ekosistem peniaga makanan semakin terhimpit dengan kenaikan harga bahan mentah asas.
5.	SLU KPKM bersama Persatuan Pengilang dan Pesawah.	25 Oktober 2023	Wisma Tani, Putrajaya.	Persatuan Pengilang dan Pesawah.	Mendapatkan gambaran situasi sebenar susulan kekurangan BPT di pasaran yang menyebabkan kebimbangan dan impak kepada pengilang dan juga persatuan pesawah.
6.	Lawatan Kerja Delegasi KPKM ke Republik Indonesia.	17 - 20 Mac 2023	Indonesia	Diketuai YB Menteri KPKM, Datuk Seri Haji Muhamad bin Sabu dan turut disertai oleh SUB (PIP), MARDI dan DOA.	Meneroka teknologi dan pendekatan baharu yang diguna pakai Indonesia dalam meningkatkan pengeluaran hasil padi.
7.	Lawatan Kerja YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Jelapang Padi Selangor.	27 Ogos 2023	Sekinchan, Selangor	Diketuai YB Menteri KPKM, Datuk Seri Haji Muhamad bin Sabu dan turut disertai oleh Datuk Azman bin Mahmood, SUB (PIP).	Sekinchan yang mengaplikasi teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Internet benda-benda (IoT) bagi meningkatkan hasil tuaian.



Sesi libat urus (SLU) berkaitan padi dan beras.

BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI (IMAT)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Mendaya upaya aktiviti di peringkat pemprosesan atau nilai tambah produk berasaskan pertanian;
- b. Menambah baik kualiti produk usahawan makanan dan asas tani bagi menembusi pasaran yang lebih luas di dalam dan luar negara;
- c. Menyediakan perkhidmatan sokongan serta bimbingan kepada usahawan melalui program latihan, pemasaran, pembiayaan dan pemindahan teknologi; dan
- d. Menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur serta kualiti perkhidmatan pusat-pusat agropelancongan.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Memantau pelaksanaan dasar-dasar pembangunan industri makanan dan asas tani selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 serta Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025;
- b. Membangunkan industri hiliran (downstream) yang bernilai tambah (value-added) bagi industri tanaman, ternakan dan perikanan;
- c. Merancang dan menyelaras program bimbingan usahawan tani ;
- d. Menyelaras pembangunan industri kulineri negara;
- e. Merancang dan menetapkan hala tuju dan dasar dalam industri berasaskan pertanian (selain makanan) seperti agropelancongan selaras dengan DAN 2.0;
- f. Merancang dan menyelaras pelaksanaan pembangunan pusat pemprosesan dan pembangunan produk dan jenama;
- g. Menjadi focal point bagi Nexus Agrofood di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
- h. Merangka dan menilai program melalui kolaborasi pelbagai kementerian berkaitan;
- i. Memberi khidmat nasihat dan bimbingan berhubung pematuhan piawaian bagi bahan-bahan mentah melalui persijilan seperti Halal, Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP), Good Manufacturing Practice (GMP), Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan lain-lain;
- j. Menyelaras pelaksanaan Skim Geran Pemandaran dan Skim Pinjaman untuk pembangunan produk oleh usahawan tani;
- k. Menyelaras pengumpulan dan analisis pemprofilan data bagi semua maklumat berkaitan dengan usahawan tani yang terdapat di peringkat kementerian/jabatan dan agensi;
- l. Melaksanakan fungsi pemeriksaan ekonomi bumiputera;
- m. Merancang dan menyelaras Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) sebagai pusat penyelidikan, penyelidikan saintifik dan pemulihan bagi pembangunan botani, hortikultur, pertanian dan lain-lain bidang yang berkaitan; dan
- n. Merancang, melaksana dan memantau Program Agropreneur Muda.

PROGRAM AGROPRENEUR MUDA

Program Agropreneur Muda merupakan antara program utama KPKM yang mula diperkenalkan sejak 2016 dengan tujuan utama untuk menarik golongan muda terlibat dalam bidang pertanian dan agromakanan. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membantu golongan muda meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos memulakan projek dalam bidang pertanian dan agromakanan. Program ini diurussetiakan oleh Bahagian IMAT dengan jabatan dan agensi di bawah KPKM selaku pelaksana.

KELULUSAN GERAN 2023

Untuk tahun 2023, seramai 758 agropreneur muda telah mendapat kelulusan geran dengan nilai sebanyak RM15,075,081.70.

PECAHAN KELULUSAN MENGIKUT SKOP

Jabatan/Agensi Skop	Bilangan Kelulusan
Industri Asas Tani	273
Perikanan	65
Ternakan	127
Tanaman	293
Jumlah	758



PECAHAN KELULUSAN MENGIKUT JABATAN/AGENSI

Jabatan/Agensi	Bilangan Kelulusan
BPKLP	14
DOA	102
DOF	45
DVS	71
FAMA	108
KADA	25
LKIM	25
LPNM	66
LPP	97
MADA	41
MAFFI	40
MARDI	104
MFICORD	16
UAM	4
Jumlah	758

PECAHAN KELULUSAN MENGIKUT NEGERI

Negeri	Bilangan Kelulusan
JOHOR	65
KEDAH	99
KELANTAN	81
MELAKA	24
NEGERI SEMBILAN	41
PAHANG	49
PERAK	92
PERLIS	29
PULAU PINANG	36
SABAH	81
SARAWAK	49
SELANGOR	45
TERENGGANU	58
WP KUALA LUMPUR	7
WP LABUAN	2
Jumlah	758

PECAHAN KELULUSAN MENGIKUT JANTINA

Jantina	Bilangan Kelulusan
L	474
P	284
Jumlah	758

PECAHAN KELULUSAN MENGIKUT JULAT UMUR

Umur	Bilangan Kelulusan
18-23	59
24-29	182
30-35	270
36-40	247
Jumlah	758

STATISTIK LATIHAN/KURSUS 2023

Jabatan/Agensi	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta Sebenar
DOA	20	776
DVS	15	650
DOF	8	314
MARDI	11	332
LPP	30	977
FAMA	17	703
LKIM	6	168
MADA	10	348
KADA	10	289
LPNM	10	460
MAFFI Sabah	4	159
MFICORD Sarawak	7	211
UAM	19	599
Jumlah	176	5,986



PROGRAM PEMBANGUNAN AGROPRENUER MUDA SISWAZAH

Dalam usaha untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang lebih berimpak tinggi dan berfokus, KPKM sentiasa meneroka ruang kerjasama dengan pihak pemegang taruh yang berpotensi terutamanya untuk menarik golongan belia melalui inovasi dan teknologi dalam bidang pertanian dan agromakanan.

Untuk memperkukuhkan lagi Program Agropreneur Muda KPKM telah bersama-sama institusi pengajian tinggi, Agrobank Centre of Excellence dan juga syarikat-syarikat peneraju telah melaksanakan program kerjasama strategik melalui Prgram Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah. Seramai 96 peserta telah terpilih untuk melaksanakan projek-projek pertanian di bawah program ini.

Kriteria pemilihan peserta bagi program ini melibatkan siswazah dari institusi pendidikan tinggi yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Pemilihan ini juga diselarikan dengan kriteria dalam Garis Panduan Program Agropreneur Muda. Selain itu, kriteria pemilihan juga akan mengutamakan golongan asnaf dan kumpulan B40. Saringan peserta melalui temudugadilaksanakan bagi mengenal pasti calon yang benar-benar mempunyai potensi dan boleh memberikan komitmen sepanjang pelaksanaan program.

Bagi tahun 2023, sejumlah RM1,804,320.00 telah diperuntukkan di bawah program kerjasama strategik ini melibatkan institusi pengajian tinggi seperti yang berikut:


No.	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta Sebenar	JUMLAH PESERTA
Program Inkubator			
1.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Melon, Cili dan Puyuh	25
2.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Jagung manis	20
3.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Ternakan kambing dan tanaman fertigasi/ hidroponik	20
4.	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	Ternakan rumpai laut	6
5.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Akuakultur	10

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak usahawan, program ini dilihat telah membuka peluang untuk agropreneur meluaskan jaringan hubungan (*networking*) dalam kalangan mereka yang berkecimpung dalam subsektor yang sama. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada para agropreneur yang baharu memulakan projek kurang dari lima tahun untuk menimba ilmu dan pengetahuan dari agropreneur yang telah berjaya mengembangkan projek dan perusahaan ke peringkat lebih tinggi merangkumi aspek pemasaran produk dan juga teknologi untuk meningkatkan hasil dan kualiti produk.

HASIL TANI AGROPRENEUR MUDA SISWAZAH



PEMBANGUNAN AGROPRENEUR MUDA SISWAZAH



THE PROBEST AGROPRENEUR JOURNEY WORKSHOP @ KVPP



KONVENSYEN PEMERKASAN AGROPRENEUR MUDA 2023



PROGRAM JELAJAH AGROTOURISM DAN AGROYOUTH KPKM



PROGRAM DIALOG AGROMAKANAN DAN SESI BIMBINGAN PERMOHONAN GERAN AGROPRENEUR MUDA (AKUAKULTUR) MELALUI SISTEM TUN RAZAK, CHERAS, KUALA LUMPUR 7 FEBRUARI 2024



PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENCAPAIAN UTAMA

Matlamat utama program Program Pembangunan Modal Insan PMI ialah untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran (usahawan industri makanan) dan sumbangan dalam sektor agromakanan daripada segi penambahan pengetahuan dan kemahiran selari dengan Teras 2 Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) iaitu memperkukuh pasaran domestik, meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasikan eksport.

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAGI TAHUN 2023



Peruntukan

Pada tahun 2023, sebanyak **RM1,500,000.00** peruntukan telah disalurkan kepada jabatan dan agensi bagi pelaksanaan kursus.



Jumlah Kursus

Sebanyak **188** kursus telah berjaya dijalankan dengan penglibatan daripada 17 Agensi.



Jumlah Peserta

Seramai **5,396** peserta telah menyertai kursus yang telah dilaksanakan.

Pada tahun 2023, peruntukan yang diterima bagi Program Pembangunan Modal Insan adalah sebanyak RM1.5 Juta yang melibatkan 188 buah kursus/latihan serta dihadiri oleh 5,396 orang usahawan.

Selain melahirkan pengusaha agromakanan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, Program PMI juga dapat menghasilkan kesan langsung dan limpahan seperti berikut:

- a. Peningkatan Produktiviti: Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari kursus, peserta dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi perusahaan mereka. Ini boleh membawa kepada hasil yang lebih baik dan kos yang lebih rendah;
- b. Pemerksaan Komuniti: Kursus keusahawanan pertanian juga boleh menggerakkan pemerksaan komuniti setempat dengan menyediakan peluang untuk berkongsi pengetahuan dan sokongan antara peserta kursus dan komuniti pertanian lain; dan
- c. Peningkatan Kesejahteraan Sosial: Kursus keusahawanan pertanian juga boleh memberi kesan positif terhadap kesejahteraan sosial komuniti, dengan meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan tempatan serta menyumbang kepada kesedaran akan kelestarian alam sekitar.



PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN (3P)

Program Pusat Pemrosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) Industri Asas Tani (IAT) ini bertujuan untuk menggalakkan keusahawan dengan menyediakan akses kepada premis perniagaan, kemudahan dan infrastruktur lain berkaitan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Objektif utama program ini adalah:

- a. Membangunkan kluster IAT berasaskan makanan;
- b. Meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan; dan
- c. Meningkatkan pembangunan teknologi dan inovasi.

Program 3P IAT dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Jabatan/Agensi sebagai Jabatan/Agensi Pembimbing. Pada tahun 2023, sebanyak 28 buah Pusat 3P yang dimiliki oleh Jabatan/Agensi di bawah (KPKM) telah dinaik taraf melibatkan peruntukan sebanyak RM2,674,115.87. Bagi program ini, sebanyak 28 buah Pusat 3P telah menerima penambahbaikan melalui pengubahsuaian susun atur dan binaan bangunan bagi mematuhi kehendak pensijilan tempatan dan antarabangsa seperti pensijilan Halal, Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Analisis Mudharat dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP).



No.	Jabatan/ Agensi	Nama Pusat
1.	Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)	Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) IAT Bukit Temiang, Beseri, Perlis.
2.		Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) IAT Chabang Empat (II), Tumpat, Kelantan.
3.		Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) IAT Mawai, Johor.
4.		Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) IAT Tangkak, Johor.
5.		Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) IAT Tok Sira, Pahang.
6.		Pusat 3P IAT Melawi, Bachok, Kelantan.
7.		Pusat 3P IAT Gali, Raub, Pahang.
8.		Pusat 3P IAT Bera, Pahang.
9.		Pusat 3P IAT Padang Serai, Kulim, Kedah.
10.		Pusat 3P IAT Serdang, Selangor.
11.		Pusat 3P IAT Padang Kangar, Perak Tengah.
12.	FAMA	Lot Kedai Pemborongan Kuih Di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), FAMA Kelantan (FASA 1 dan FASA 2).
13.		Lot Gerai Usahawan, Agrobazaar Port Dickson, Negeri Sembilan.
14.		PUSPRO Merbau Kudong, Pulau Pinang.
15.		PUSPRO Kg. Selamat, Pulau Pinang.
16.		Pusat Pemasaran Pertanian FAMA Simpang Pelangai.
17.		Pusat 3P di FAMA, Pasir Puteh.
18.	LKIM	PPHP LKIM, Kemaman, Terengganu.
19.		PPHP LKIM Kiamsam, Wilayah Persekutuan Labuan PPHP LKIM, Geting, Tumpat, Kelantan.
20.		PPHP LKIM, Geting, Tumpat, Kelantan,
21.	MARDI	Test Bed teknologi pemprosesan pes dan sos, MARDI Negeri Melaka.
22.	MADA	Hub Industri Makanan MADA (LOT 2 HIM), Pendang, Kedah (FASA 1 dan FASA 2).
23.		Pusat pemprosesan Berasaskan Buah-Buahan, Kubang Pasu, Kedah.
24.	IADA Seberang Perak	Bengkel IADA Seberang Perak, Ulu Dedap, Perak.
25.		Bengkel Apperentis Sejuk Beku, IADA Seberang Perak, Perak Tengah, Perak.
26.	IADA Ketara	Bengkel IAT, Besut, Terengganu
27.		Bengkel IAT, KPA IJ, Jerneh Terengganu
28.	IADA Pulau Pinang	Kerja-kerja menaiktaraf Pusat 3P Produk Hasil Beras Di Kompleks Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang

PROGRAM REZEKI TANI

Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang selari dengan matlamat yang ditetapkan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), iaitu mensasarkan peningkatan pendapatan bulanan pengeluar makanan yang majoritinya kumpulan pendapatan B40.

Secara khususnya, matlamat program adalah untuk membolehkan peserta dipilih meningkatkan pendapatan isi rumah melalui projek-projek ekonomi seperti aktiviti pengeluaran /pemprosesan/ pendedaran/pemasaran berkaitan ataupun pertanian, penternakan dan perikanan. Projek-projek ekonomi yang dilaksana memberi tumpuan kepada jenis-jenis projek yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek (*Quick Win Project*) iaitu di antara 3 hingga 6 bulan pelaksanaan, berpotensi memberi pulangan yang baik, produk / perkhidmatan yang mudah dipasarkan, berdaya maju (*viable*), berdaya tahan (*sustainable*) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat. Program Rezeki Tani dilaksanakan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Pelaksanaan program Rezeki TANI diselaraskan oleh Bahagian IMAT dengan dibantu oleh jabatan dan agensi di bawah KPKM iaitu DOA, DOF, DVS, FAMA, LPP, LKIM, LPNM, MARDI, MADA dan KADA. Kumpulan sasaran peserta terdiri daripada golongan miskin dan isi rumah berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Kadar bantuan maksimum bagi seorang peserta adalah sebanyak RM10,000 meliputi pemberian *in-kind* dan latihan mengikut keperluan projek peserta. Jabatan dan Agensi pelaksana di bawah Kementerian sentiasa memastikan proses bancian peserta di lapangan dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam mengenal pasti calon yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan. Program ini telah memanfaatkan lebih 554 orang seperti sejak tahun 2021. Jumlah peserta bagi tahun 2021 adalah seramai 201 orang peserta, pada tahun 2022 pula seramai 198 peserta dan pada tahun 2023, seramai 181 peserta telah diluluskan untuk menerima bantuan daripada program ini. Jumlah ini melebihi sasaran awal iaitu 180 orang peserta setiap tahun.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN (BPEM)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Menyelaras bajet pembangunan Bahagian/Jabatan/Agensi selaras Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2030 dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan;
- b. Memastikan Bahagian/Jabatan/Agensi melaksanakan program/projek pembangunan Kementerian mengikut perancangan; dan
- c. Memantau pelaksanaan program/projek bagi memastikan keberhasilan tercapai.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Memantau prestasi program dan projek pembangunan daripada segi kewangan dan fizikal di Bahagian/Jabatan/Agensi;
- b. Menilai impak dan *outcome program/projek* pembangunan Bahagian/Jabatan/Agensi;
- c. Merancang dan menyelaras perkara berkaitan peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun di bawah Kementerian dengan agensi pusat iaitu Kementerian Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan Kementerian Kewangan (MOF);
- d. *Focal point* bagi penyelarasan siling, maklumat dan skop projek pembangunan Kementerian;
- e. Mengurus pelaksanaan dan mengemaskini maklumat program/projek Bahagian/Jabatan/Agensi di dalam laporan sistem MyProjek; dan
- f. Menjadi urusetia kepada :
 - Jawatankuasa Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK);
 - Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK).
 - Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO);
 - Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah Persekutuan (JPPT);
 - Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Ruang Bangunan (JPTRB);
 - Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP); dan
 - Jawatankuasa Tuntutan Loss and Expense Tender Kerja ; dan
 - Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Projek Fizikal KPKM (JTPPFK).

PRESTASI PEMBANGUNAN KPKM TAHUN 2023

KPKM telah menerima peruntukan pembangunan tahun 2023 sebanyak RM1.62 bilion bagi melaksanakan projek-projek merangkumi pelaksanaan projek fizikal seperti pembinaan infrastruktur pengairan, program-program (bukan fizikal), bantuan input pertanian dan pembiayaan kepada kumpulan sasaran.

Pada tahun 2023, KPKM telah mencatatkan prestasi perbelanjaan 97.7% atau sebanyak RM1.41 bilion dibelanjakan daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang diterima setelah mengambil kira sekatan peruntukan berjumlah RM166 juta. Terdapat 0.9% penurunan peratus perbelanjaan pada tahun 2023 berbanding 2022 yang mencatatkan prestasi perbelanjaan 98.6% sebanyak RM1.32 bilion dibelanjakan daripada RM1.53 bilion yang telah diperuntukkan. Peruntukan yang diterima ini telah dimanfaatkan melalui pelaksanaan 435 buah projek yang merentasi pelbagai sub sektor termasuk padi dan beras, perikanan, pertanian dan ternakan.

Krisis tenaga dan keterjaminan makanan masih menjadi antara ancaman utama ekonomi dunia termasuk Malaysia. Berdasarkan analisis prestasi pelaksanaan projek pembangunan sepanjang Rolling Plan (RP) 3 2023, beberapa isu telah dikenal pasti sebagai faktor penyumbang penurunan prestasi pelaksanaan projek sekaligus memberi impak terhadap status perbelanjaan Kementerian. Antaranya adalah kekangan pekerja, kelemahan pengurusan dan kewangan projek, bencana alam, bekalan bahan mentah, kenaikan harga barang dan proses perolehan.

Bahagian Pembangunan komited dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan dengan lancar agar agenda KPKM sebagai peneraju sektor pertanian dan keterjaminan makanan dapat dijayakan demi kepentingan rakyat dan negara.

PROGRAM DAN AKTIVITI

- a. Taklimat Permohonan Peruntukan Projek/Program Pembangunan RP4 RMKe12 dan Taklimat Modul Pemantauan Sistem MyProjek pada 30 hingga 31 Januari 2023 di Swiss Garden Hotel, Kuala Lumpur.



- b. Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama Badan Berkanun di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Menara (LPP), Kuala Lumpur pada 7 Mac 2023.



- c. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bil 2/2023 yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPKM di Menara LPP pada 2 Mac 2023.



- d. Bahagian Pembangunan terlibat sebagai penyelarasan dan urus setia Majlis Perjumpaan dan Penyerahan Bantuan Banjir kepada Golongan Sasar KPKM di Kawasan Parlimen Sri Gading, Johor. Majlis diadakan di Dewan Orang Ramai Parit Yaani Yong Peng, Johor pada 13 April 2023.



- e. Sesi Pemeriksaan Bajet Projek Pembangunan RP4, RMKe-12 KPKM pada 9 hingga 17 Mei 2023



- f. Lawatan Pemantauan dan Penilaian Bahagian Pembangunan KPKM Bersama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Kluang, Johor 1 Jun 2023.



- g. Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 1 hingga 2 Jun 2023.



- h. Sesi Libat Urus Penyelarasan Terma Rujukan Pelantikan Jurukur Tanah Bagi Pengambilan Balik Tanah, Pemberimilikan dan Perizaban Tanah Persekutuan Peringkat KPKM 12 hingga 14 Julai 2023.



- i. Lawatan Intervensi Projek Pembangunan Kerajaan Bersama ICU ke Projek Naik Taraf Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) – Kerja-Kerja Fizikal Menaik taraf Bangunan dan Kemudahan Pusat Pembangunan Industri Tenusu (PPIT) Tapah, Perak pada 2 Ogos 2023



- j. Taklimat dan Bengkel Gerak Kerja Penyediaan Laporan Penilaian Outcome Projek RMKe -11 di Scapes Hotel Genting pada 8 hingga 10 September 2023



- k. Lawatan Pemantauan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke Projek Pembangunan KPKM di Sekitar Daerah Kerian, Perak



- l. Retreat Pelaksanaan Projek Pembangunan *Rolling Plan* 4 (RP4) RMKe-12 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 27 hingga 29 Oktober 2023



BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN (BPSP)

OBJEKTIF BAHAGIAN

Menerajui kepakaran teknikal di dalam infrastruktur bagi Sektor Pertanian Dan Industri Asas Tani serta produktiviti pengeluaran makanan negara.

FUNGSI BAHAGIAN

- Menyediakan dasar kriteria dan piawai bagi pelaksanaan infrastruktur pertanian;
- Merancang, melaksanakan dan menilai program-program pembangunan infrastruktur pertanian dan saliran pertanian;
- Memberi khidmat teknikal kepada jabatan/ agensi di bawah kementerian; dan
- Menyediakan dan membangunkan sistem inventori serta pangkalan data pengairan dan saliran pertanian.

PROJEK MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR PENGAIRAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) KOTA BELUD, SABAH

Projek menaik taraf infrastruktur ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengurusan air bagi sistem pengairan dan saliran di kawasan penanaman padi sedia ada IADA Kota Belud, Sabah. Infrastruktur pengairan yang telah usang menyebabkan kecekapan air pengairan telah merosot seterusnya memberi kesan kepada hasil dan pendapatan petani.

Projek ini bermula pada 20 Mac 2021 dan berjaya disiapkan pada 16 Mei 2023 dengan kos sebanyak RM24,083,991.65.

Hasilnya produktiviti padi meningkat secara komersial. Kawasan sedia ada dan baru mendapat kemudahan pengairan dan saliran dengan efisien, berkesan dan memuaskan. Projek ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemampuan dan kecekapan bekalan sumber air dan meningkatkan hasil tanaman padi di kawasan pengairan jelapang IADA Kota Belud.



Jalan pertanian, tali air dan pagar yang telah siap.



Line D -D1 yang telah siap.

PEMBINAAN STESEN PAM GUNA SEMULA DI PARIT-PARIT SALIRAN SKIM PENGAIRAN BARAT LAUT, SELANGOR

Pembinaan stesen pam guna semula ini adalah melibatkan sistem kitar semula air daripada parit-parit saluran ke tali air tersier di Kawasan Pancang Badena Timur dan Barat di dalam Skim Pengairan Barat Laut Selangor dengan keluasan 3,420 hektar bagi tujuan pengairan sawah.

Sistem yang digunakan ini mampu mengoptimumkan operasi bekalan air yang lebih efisien sekali gus dapat membekalkan air yang cukup ke sawah padi bagi memenuhi keperluan bekalan air di kawasan tersebut terutama pada musim kemarau. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 8 Disember 2023 dengan kos RM4,435,400.00.

Hasil daripada projek ini, Skim Pengairan Barat Laut Selangor di Pancang Badena Timur dan Barat telah dapat mengekalkan bekalan air bagi penanaman padi dua (2) kali setahun walaupun dalam musim kemarau. Kerajaan juga telah berjaya menjimatkan kos penyelenggaraan di mana pengurangan kekerapan penyelenggaraan pam sedia ada yang usang. Di samping itu, IADA Barat Laut Selangor tidak lagi bergantung kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Selangor bagi pengoperasian bekalan air tambahan di kawasan tersebut.



Sistem pam yang siap bersama paip agihan ke sawah.



Kedadaan semasa pam yang telah siap dan boleh digunakan.

KERJA-KERJA PENSTABILAN TEBING SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DARI OUTLET RUMAH PAM BAGAN TERAP PARIT 13 KE PARIT 10 TIMUR DAERAH SABAK BERNAM

Projek ini merupakan kerja-kerja penstabilan tebing di Terusan Sekunder yang menyambungkan Rumah Pam Bagan Terap ke kawasan Pengairan Bagan Terap yang berfungsi menyalirkan air untuk tujuan pengairan dari rumah Pam Bagan Terap keseluruh palong-palong di dalam Kawasan Pengairan Bagan Terap seluas 2,715 hektar.

Keadaan tali air sedia ada adalah dari jenis tali air tanah yang dahulunya semakin cetek dan melebar telah menjejaskan kestabilan tebing dan menyebabkan risiko tebing runtuh dan mengalami hakisan. Projek ini telah menaik taraf tali air tanah dengan penggunaan u-drain sepanjang 1,225 meter bagi tujuan menstabilkan tebing, memulihkan halaju air dan memastikan sumber air pengairan yang berkesan kepada petak sawah. Projek ini siap sepenuhnya pada 29 Mei 2023 dengan kos RM2,626,426.14.

Projek ini telah berjaya mengatasi masalah kekurangan air di kawasan pertanian Bagan Terap Parit 13 ke Parit 10 Timur seterusnya membantu pengeluaran hasil pertanian yang efektif secara tidak langsung boleh meningkatkan taraf hidup para petani sekitar.



Drainage End Control (DEC) yang telah siap.



Pembinaan Tali Air Skim Bagan Terap.

PENCAPAIAN PROGRAM BERIMPAK TINGGI

PERUNTUKAN JALAN PERTANIAN DAN OPERASI PENYELENGGARAAN

Bahagian ini turut menyelaraskan pelaksanaan kerja menaik taraf dan menyelenggara jalan pertanian serta kerja penyelenggaraan dan baik pulih pelbagai infrastruktur pengairan dan saliran pertanian di kawasan jelapang dan di luar kawasan jelapang seluruh Malaysia. Pada tahun 2023, sebanyak RM30juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan kerja-kerja tersebut di seluruh negara.

KAJIAN KECEKAPAN PENGAIRAN

Sektor pertanian dan makanan yang merupakan pengguna utama air akan mengalami tekanan yang semakin tinggi daripada pengguna air lain (seperti sektor industri dan domestik) yang mampu menawarkan pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai situasi semasa pengurusan sumber air dalam skim pengairan sedia ada dan menjalankan kajian terperinci tentang ketersediaan sumber air dan penilaian keperluan air di dalam skim tersebut.

Hasil daripada kajian ini akan digunakan untuk mengenal pasti kelemahan sistem pengairan dan saliran semasa, mencadangkan cadangan dan strategi untuk menambah baik pengurusan sumber air dalam skim pengairan serta membangunkan pelan rancangan pengairan sumber di dalam skim pengairan. Projek ini akan dijalankan di kawasan jelapang padi negara. Setiap kajian akan mengambil masa selama 78 minggu yang mana merangkumi 1 musim utama dan 1 luar musim antara kawasan pertanian yang terlibat adalah MADA, KADA, IADA Pulau Pinang, IADA Kemasin Semerak, IADA Kota Belud, MADA, IADA Rompin, IADA Batang Lupar, IADA Pekan, IADA Kerian, IADA KETARA, IADA Seberang Perak, IADA Barat Laut Selangor.

KAJIAN EMPANGAN

Kajian empangan dilaksanakan bagi memastikan integriti struktur empangan pertanian di bawah KPKM berada dalam keadaan baik dan berfungsi seperti reka bentuk asal dan menjamin keselamatan struktur akibat daripada kegagalan melakukan pemeriksaan yang menyeluruh dan kerja-kerja pembaikan. Antara empangan yang telah menjalankan pemeriksaan kajian ini adalah Empangan Paya Pedu, Empangan Jelebu (Stesen MARDI), Empangan Muda, Empangan Ahning dan Empangan Pedu.

KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA)

Selain memberi fokus kepada pelaksanaan pelbagai projek teknikal, bahagian ini juga melaksanakan program pembangunan kapasiti bagi Kumpulan Pengguna Air (KPA). Objektif utama pelaksanaan program KPA adalah untuk meningkatkan penglibatan petani dalam pengurusan sistem pengairan sebagai salah satu usaha bagi menangani pelbagai isu seperti kekurangan air akibat tidak menepati jadual pengairan, penyelenggaraan skim pengairan, serta vandalisme terhadap infrastruktur dan kemudahan pengairan yang dibina oleh Kerajaan. Bagi mencapai objektif penubuhan KPA, bahagian ini telah merangka pelbagai program yang turut mencakupi aspek pembangunan modal insan serta

peningkatan keupayaan dan pengetahuan petani dalam bidang pengairan dan saliran. Program-program yang dirancang tersebut mensasarkan penyertaan atau penglibatan oleh petani daripada KPA dalam jelang dan luar jelang seluruh negara. Pelaksanaan program KPA ini juga adalah selari dengan Teras Dasar 5, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN2.0).

Pada tahun 2023, sebanyak dua (2) program Touchpoint Centralized Training KPA telah dianjurkan dengan siri pertama diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2023 di Kuala Selangor, Selangor yang melibatkan penyertaan seramai 40 orang petani. Siri kedua pula diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2023 bertempat di Bagan Lalang, Selangor yang melibatkan penyertaan seramai 40 orang petani. Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran petani berkaitan operasi dan penyelenggaraan skim pengairan dan saliran di peringkat tersier, memberikan kefahaman berkenaan pembentukan, peranan serta KPA, serta mewujudkan rasa kebertanggungjawaban dan kepunyaan terhadap kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.

PROGRAM TOUCHPOINT CENTRALIZED TRAINING KPA SIRI I DI KUALA SELANGOR, SELANGOR



Para peserta bersama Pengarah BPSD.



Sesi taklimat semasa program.

KONVENSYEN KEBANGSAAN KUMPULAN PENGGUNA AIR TAHUN 2023 DI BERTAM RESORT, PULAU PINANG

Sebagai menyokong usaha Kementerian untuk memastikan keterjaminan makanan pada masa depan, Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air Tahun 2023 yang bertemakan “Transformasi KPA, Menjamin Sekuriti Makanan” telah diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2023 bertempat Bertam Resort, Pulau Pinang dan dirasmikan oleh Pengarah BPSP. Konvensyen ini yang turut menjadi platform kepada petani untuk mengutarakan pendapat dan saling berkongsi pengalaman, telah melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada petani dan pegawai pengiring dari semua IADA, MADA, KADA dan JPS Negeri seluruh negara. Konvensyen ini sarat dengan pelbagai pengisian melibatkan pembentangan kertas kerja oleh MARDI, DOA dan BERNAS.

Konvensyen ini telah menobatkan KPA Koperasi Tanah Sawah Blok (B) Seberang Perak Berhad sebagai pemenang sulung setelah Indeks Penandaarasan Kumpulan Pengguna Air (MyKPA) dilaksanakan pada Tahun 2022. Wakil daripada KPA Koperasi Tanah Sawah Blok (B) Seberang Perak Berhad juga dijemput untuk perkongsian pengurusan KPA.



Sesi penyampaian Anugerah KPA terbaik 2022

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (BDPS)

OBJEKTIF BAHAGIAN

Merancang pembangunan strategik sektor agromakanan bagi menjayakan matlamat Dasar Agromakanan Negara serta membangun dan memperkasakan pangkalan data agromakanan secara komprehensif bagi analisis menyeluruh industri agromakanan.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Menggubal dan mengemaskini dasar-dasar utama kementerian serta strategi berkaitan dengan pertanian dan industri agromakanan negara;
- b. Menetapkan hala tuju, pendirian negara dan menyelaras isu pembangunan mampan diperingkat negara dan antarabangsa;
- c. Menyelaras dasar-dasar nasional yang menyentuh isu-isu merentasi semua sub sektor pertanian dan menjadi fokus/wakil tetap/wakil gantian bagi mesyuarat dasar utama;
- d. Menguruskan data sektor agromakanan negara dan menyelaras projek-projek yang berperanan sebagai *central intelligence* (data raya statistik dan repositori maklumat strategik);
- e. Mengesan dan menilai semula pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN), Rancangan Malaysia bagi jangka masa lima (5) tahun dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara;
- f. Menyelaras urusan berkaitan Jemaah Menteri seperti penyediaan Kertas Jemaah Menteri, mengurussetiakan Mesyuarat Pasca Kabinet, menyelaras pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan badan-badan berkanun ke Mesyuarat Jemaah Menteri dan Persidangan Parlimen;
- g. Mengurussetiakan isu berkaitan urusan parlimen yang melibatkan Kementerian;
- h. Menyelaras dan menyediakan kertas, nota, ulasan, maklum balas, input dasar kepada Majlis Mesyuarat Kabinet serta sesi temu ramah dan ucapan berkaitan Dasar Agromakanan Negara;
- i. Melaksanakan tugas keurusetiaan bagi Mesyuarat Peringkat Tertinggi seperti Sekretariat Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN), Mesyuarat Pasca-Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan Kementerian;
- j. Memantau, menyelaras dan melaporkan pencapaian *Ministerial Key Performance Indicators* (MPI) dan KPI semua tier Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) di kementerian dan jabatan; dan
- k. Melaksanakan tugas keurusetiaan bagi Sekretariat Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negara.

KETERJAMINAN MAKANAN

Berdasarkan kepada takrifan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), keterjaminan makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat. Dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara, terdapat empat (4) komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu:

- a. ketersediaan makanan (*availability*) – ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import. Pengeluaran makanan tersebut mestilah mencukupi mengikut keperluan manusia;
- b. akses makanan (*accessibility*) – akses kepada sumber makanan yang mencukupi oleh individu;
- c. penggunaan (*utilization*) – penggunaan ke atas makanan yang lengkap berterusan, air yang bersih dan semua keperluan makanan dapat diperolehi; dan
- d. kestabilan (*stability*) – untuk memastikan keterjaminan makanan, individu atau isi rumah mesti mempunyai akses untuk makanan pada sepanjang masa. Mereka tidak akan menghadapi risiko untuk mengakses makanan walaupun berlakunya kejutan pasaran seperti krisis ekonomi dan sebagainya.

Bagi memastikan hala tuju dan pelaksanaan bagi memacu keterjaminan makanan, tumpuan telah diberikan ke arah kemampanan sektor agromakanan dalam mengemudi krisis global. Sepanjang tahun 2023, pertumbuhan ekonomi terus mengukuh, inflasi terkawal, pengangguran menurun dan pelaburan berkembang. Pelbagai inisiatif Kerajaan terus dipergiat, termasuk usaha menaik taraf infrastruktur asas, menambah pendapatan pengusaha agromakanan, menangani kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan intervensi keterjaminan makanan kementerian dapat diterjemahkan menerusi prestasi sektor agromakanan yang menunjukkan pertumbuhan positif bagi tahun 2023.

SUMBANGAN SEKTOR AGROMAKANAN KEPADA EKONOMI NEGARA

Prestasi ekonomi pada tahun 2023 menunjukkan aliran meningkat dengan jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM1,566.5 bilion, meningkat 3.7 peratus (2022: RM1,510.9 bilion). Nilai ditambah sektor pertanian yang meliputi agromakanan dan komoditi industri juga menunjukkan prestasi yang semakin baik pada tahun 2023 dengan mencapai RM99.8 bilion, meningkat 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 99.1 bilion). Agromakanan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi sebanyak 11.6 peratus. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan agromakanan dan tiga (3) sektor utama iaitu pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Sektor agromakanan terus memberikan sumbangan utama sebanyak 3.4 peratus atau RM53.7 bilion berbanding sektor komoditi industri, 2.9 peratus atau RM46.0 bilion. Perincian KDNK tahun 2021 hingga 2023 secara keseluruhan adalah seperti jadual di bawah:

Sektor Utama	2021		2022 ^P		2023 ^P		
	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Kadar Pertumbuhan Tahunan
Pertanian	99,000	7.1	99,073	6.6	99,791	6.4	0.7
Agromakanan	53,245	3.8	52,620	3.5	53,746	3.4	2.1
Komoditi Industri	45,755	3.3	46,452	3.1	46,045	2.9	-0.9
Perlombongan dan Pengkuarian	93,717	6.7	96,199	6.4	97,199	6.2	1.0
Pembuatan	336,830	6.7	96,199	6.4	97,199	6.2	1.0
Pembinaan	50,889	3.7	53,441	3.5	56,688	3.6	6.1
Perkhidmatan	794,552	57.1	881,310	58.3	927,826	59.2	5.3
Tambah Duti Import	15,646	1.1	16,785	1.1	18,338	1.2	9.3
KDNK Keseluruhan	1,390,644	100.0	1,510,939	100.0	1,566,547	100.0	3.7

Nota : ^P Data Provisional

Jadual 1 : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

KDNK sektor agromakanan secara terperinci adalah seperti di jadual berikut:

Sektor Utama	2021		2022 ^P		2023 ^P		
	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Kadar Pertumbuhan Tahunan
Agromakanan	53,245	100.0	52,620	100.0	53,746	2.1	100.0
Tanaman Makanan	25,501	49.7	24,578	46.7	25,531	3.9	47.5
Temakan	16,495	31.0	16,510	31.4	16,630	0.7	30.9
Perikanan	11,250	21.1	11,532	21.9	11,586	0.5	21.6

Nota : ^P Data Provisional

Jadual 2: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sektor Agromakanan

Pada tahun 2023, sektor agromakanan meningkat sebanyak 2.1 peratus dengan nilai sumbangan sebanyak RM53.7 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun sebelumnya. Ini dipacu oleh subsektor tanaman makanan yang meningkat 3.9 peratus kepada RM25.5 bilion atau 47.5 peratus daripada keseluruhan agromakanan. Manakala, subsektor ternakan dan perikanan menunjukkan peningkatan yang perlahan dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus dan 0.5 peratus pada tahun 2023.



Perdagangan sektor agromakanan mengikut komoditi adalah seperti jadual di bawah:

Komoditi	2021 2022 ^P			2023 ^P		
	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan (BOT)	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan (BOT)
Binatang Hidup (Binatang Ternakan)	887	194	693	1,095	244	851
Daging dan Sediaan Daging	1,039	6,748	-5,709	1,139	7,101	-5,963
Hasil Tenusu	693	6,258	-5,134	1,280	5,386	-4,106
Telur Unggas	686	52	634	629	47	646
Hasil Tenusu	244	6.7	96,199	6.4	97,199	6.2
Ikan, Krustasea, Moluska dan Sediaan	3,965	6,777	-2,812	4,095	6,471	-2,376
Bijiran dan Sediaan Bijirin	4,752	10,855	-6,103	5,252	11,798	-6,546
Sayur-Sayuran	1,275	6,225	-4,951	1,530	7,039	-5,508
Buah-Buahan	2,013	5,110	-3,097	2,429	4,982	-2,553
Gula, Sediaan Gula dan Madu	1,510	4,943	-3,433	1,603	6,579	-4,976
Kopi, Koko, Teh dan Rempah	10,805	9,968	837	11,171	12,182	-1,011
Bahan Makanan untuk Ternakan	3,553	9,430	-5,878	3,128	8,436	-5,309
Keluaran dan Sediaan Makanan Lain	12,945	8,982	3,963	12,966	8,431	4,535
Jumlah Agromakanan	44,551	75,541	-30,990	46,380	78,690	-32,316

Nota : ^P Data Provisional

Jadual 3 : Perdagangan Sektor Agromakanan Mengikut Komoditi

Eksport agromakanan telah meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada RM46.4 bilion pada tahun 2023 berbanding RM44.6 bilion pada tahun 2022. Import turut bertumbuh 4.2 peratus kepada RM78.7 bilion berbanding RM75.5 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan nilai import yang lebih tinggi berbanding eksport menyebabkan nilai defisit imbangan perdagangan (BOT) meningkat kepada -RM32.3 bilion pada tahun 2023 daripada -RM31.0 bilion pada tahun lalu. Peningkatan nilai defisit ini antaranya dipengaruhi oleh komoditi bijirin dan sediaan bijirin (-RM6.5 bilion), daging dan sediaan daging (-RM6.0 bilion), sayur-sayuran (-RM5.5 bilion) serta bahan makanan untuk ternakan (-RM5.3 bilion).

PRESTASI PELAN TINDAKAN DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA (DSMN) 2021–2025

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti serta pengeluaran komoditi tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Pelaksanaan setiap inisiatif diperkukuhkan menerusi pemantauan secara berkala ke atas Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021–2025 berdasarkan hala tuju yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0). Sepanjang tempoh dua setengah tahun pelaksanaan Pelan Tindakan DSMN ini (Jun 2021 hingga Disember 2023), daripada 96 inisiatif yang telah dirangka, sebanyak 41 inisiatif telah selesai dilaksanakan dan 37 inisiatif dalam pelaksanaan. Manakala baki 18 inisiatif akan diselesaikan dalam tempoh 2024 hingga 2025. Berdasarkan semakan semula Pelan Tindakan DSMN 2021–2025, keberkesanan pelaksanaan inisiatif dalam meningkatkan produktiviti komoditi tempatan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dapat dilihat, antaranya melalui:

- a. Peningkatan pengeluaran akuakultur iaitu sebanyak 493 ribu tan metrik bernilai RM3.9 bilion, iaitu melepasi sasaran sebanyak 480 ribu tan metrik yang ditetapkan pada tahun 2023. Selain itu, peningkatan pendapatan pengusaha akuakultur turut direkodkan daripada RM2,740 pada tahun 2022 kepada RM3,370 pada tahun 2023;
- b. Peningkatan produktiviti hasil padi dengan sasaran daripada 4 tan metrik kepada 7 hingga 10 tan metrik per hektar di setiap kawasan penanaman padi di kawasan jelapang dan luar jelapang. Inisiatif ini dicapai melalui pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) menerusi Model Ala Sekinchan di Kampung Lat 1000, Perlis (10.45 tan metrik per hektar), Kampung Tok Mengkula, Kedah (7 tan metrik per hektar) dan Kampung GH–Kampung Grai, Terengganu (7 tan metrik per hektar) pada tahun 2023;
- c. Pengurangan kos sara hidup rakyat menerusi pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI yang memberi penjimatan antara 10% hingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran. Pelaksanaan jualan sepanjang tahun 2023 telah berjaya mencapai nilai jualan RM93.74 juta yang melibatkan seramai 74,841 ribu usahawan. Manakala, penjimatan sebanyak RM27.8 juta dapat dinikmati oleh 2.90 juta pengunjung yang memberi manfaat kepada 11.6 juta isi rumah;
- d. Pengeluaran daging lembu dalam negara melalui ternakan lembu fidlot sebanyak 463.1 tan metrik berbanding 538.4 tan metrik yang disasarkan pada tahun 2023. Program ini akan turut diperkukuhkan dengan meningkatkan populasi induk pembiak berkualiti dalam negara antaranya melalui Program Peningkatan Ruminan yang berkonsepkan geran padanan pada kadar nisbah 50% Kerajaan: 50% penternak;
- e. Peningkatan penglibatan komuniti dalam pengeluaran agromakanan dengan tanaman sara diri seperti sayuran dan herba melalui Program Pertanian Bandar. Bagi tempoh 2021 sehingga 2023, sebanyak 2,482 komuniti yang terdiri daripada 27,695 peserta terlibat dalam program ini; dan

- f. Peningkatan pengeluaran buah-buahan direkodkan daripada 1.68 juta tan metrik pada tahun 2021 kepada 1.88 juta tan metrik pada tahun 2023. Manakala bagi sayur-sayuran, peningkatan pengeluaran dicatatkan daripada 1.31 juta tan metrik pada tahun 2021 kepada 1.47 juta tan metrik pada tahun 2023. Strategi pengeluaran agromakanan ini diperkukuhkan menerusi penambahbaikan amalan pengurusan tanaman, pengenalpastian akses tempatan yang tahan kemarau, penghasilan varieti baru melalui proses pembiakbakaan serta peningkatan aktiviti R&D bagi menghasilkan varieti benih baharu yang rintang serangan penyakit.

FOKUS LIMA (5) HALA TUJU KEMENTERIAN TAHUN 2023

Keterjaminan makanan merupakan elemen utama Kementerian dimana penumpuan empat (4) dimensi sekuriti makanan merangkumi ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampuan seiring dengan objektif Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021 – 2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).

Sehubungan itu, KPKM telah menggariskan lima (5) hala tuju dan fokus utama bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, iaitu:

- i. Perkasa industri akuakultur dengan penumpuan meningkatkan hasil akuakultur kepada 60% untuk mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semula jadi;
- ii. Perluas ternakan lembu fidlot bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport dapat mencapai Kadar Sara Diri (SSR) 50% daging negara menjelang tahun 2025;
- iii. Penanaman jagung bijian bagi mengurangkan kebergantungan kepada import bahan makanan sehingga 30%;
- iv. Penglibatan golongan belia yang merupakan kelompok utama yang cenderung dan terbuka menerima teknologi pertanian moden selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) seterusnya menjenamakan imej petani sebagai satu kerja berprofil tinggi; dan
- v. Perkasa institut latihan pertanian bagi membangunkan bakat yang mampu memenuhi permintaan pasaran dan industri.

5 HALA TUJUKPKM



Infografik 1: Lima (5) Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Lima (5) hala tuju ini telah diluncurkan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 pada 16 Januari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Wisma Tani, Putrajaya.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 Bersama Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Pada 16 Januari 2023 di Dewan Serbaguna, Wisma Tani, Putrajaya.

TADBIR URUS DAN PEMANTAUAN DASAR DAN KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

Penggubalan dasar dan pemantauan inisiatif keterjaminan makanan diselaraskan menerusi dua (2) mesyuarat utama. Mesyuarat berkenaan adalah Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan secara bersama oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, manakala Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Struktur tadbir urus semasa bagi pengurusan keterjaminan makanan seperti di **Rajah 2**.



Struktur Tadbir Urus Pengurusan Keterjaminan Makanan Negara

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 dan 2 Tahun 2023 telah bersidang pada 21 Mac 2023 dan 12 Oktober 2023 dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berperanan untuk merangka cadangan hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik serta mencadangkan strategi dan pelan tindakan Kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara. Melalui mesyuarat ini beberapa inisiatif telah diteliti seperti berikut:

- a. Mengambil perhatian terhadap status cadangan **Program Pembangunan Industri Tenusu Negara** menerusi Projek Pembangunan Ladang Tenusu Integrasi di Chuping, Perlis oleh Fresh Milk Ventures Sdn. Bhd.;
- b. Kajian semula **penggunaan baja bio dan baja organik** bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi;
- c. Kajian semula **formulasi baja NPK subsidi sedia ada** dengan cadangan memasukkan mikronutrien dan mempertimbangkan pengurangan kandungan *dipotassium oxide* (K₂O) yang berlebihan; serta pelaksanaan **analisis tanah (soil analysis)** secara berkala (5 tahun sekali) untuk menilai pH, dan kandungan N-P-K-Mg dan mikronutrien di setiap kawasan jelapang padi negara;
- d. **Penggubalan Akta Agrolojis** bagi memperkasakan program pengembangan dalam aspek amalan pertanian baik (seperti pembajaan dan kawalan penyakit);
- e. **Penggubalan Akta Baja** untuk pengawalan kualiti baja di pasaran negara;
- f. **Memudahcara akses input agroteknologi mampan pemulih tanah dan biobaja** yang dibangunkan dalam negara melalui Program Subsidi Kerajaan Kebangsaan dan melaksanakan **pembangunan agroteknologi** selari dengan prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG);
- g. Status pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dengan peruntukan berjumlah RM250 juta bagi tempoh 2023 hingga 2025; dan
- h. status pelaksanaan dan cadangan peluasan Jualan Agro Madani sebagai salah satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan kemampuan dan ketersediaan bahan makanan kepada pengguna yang melibatkan **pengurangan harga 10% hingga 30% lebih rendah dari harga pasaran** bagi komoditi terpilih.

Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN) Bilangan 1 dan 2 Tahun 2023 turut diadakan pada 9 Jun 2023 dan 25 Oktober 2023. JKSMN telah mempertimbangkan beberapa kertas kerja dan memberi penumpuan kepada inisiatif berimpak tinggi seperti berikut:

- a. Pelaksanaan **Projek Industri Tenusu Negara** melalui Projek Pembangunan Ladang Tenusu Integrasi di Chuping, Perlis serta Cadangan Pelaksanaan **Pembajaan dan Pembekalan Baja Biodan Organik** bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.
- b. **Penyusunan semula sistem galakan pasaran eksport** sedia ada untuk memupuk kecekapan dan daya saing yang lebih tinggi menerusi **Strategi Pembangunan Industri Nanas**; dan
- c. Peluasan skop **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan turut mengetengahkan komoditi bernilai tinggi seperti kelapa dan durian**. Melalui inisiatif ini, ianya dijangka membantu mengurangkan defisit perdagangan di samping memperkukuh aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi variasi benih penanaman dalam negara, meningkatkan prestasi eksport produk hiliran berasaskan pertanian dan merancang aktiviti pengeluaran makanan secara domestik.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan memastikan pendekatan proaktif sentiasa dilaksanakan dalam menganalisis dan mengenal pasti strategi, inisiatif baharu, serta merangka intervensi yang lebih komprehensif dan strategik dalam menjamin kemampunan bekalan input agromakanan dan produktiviti pengeluaran makanan negara. Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*.

Justeru, jawatankuasa ini mencerminkan komitmen padu Kerajaan dalam memperkukuh sekuriti makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penajaan pendapatan, potensi teknologi pertanian sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.



Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 2023 pada 21 Mac 2023



Mesuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 pada 12 Oktober 2023



Mesuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2023 pada 9 Jun 2023



Mesuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 pada 25 Oktober 2023

PELAKSANAAN BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 dilaksanakan bagi mendapatkan struktur dan ciri-ciri sektor pertanian yang komprehensif dan terperinci pada satu masa yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan serta pembalakan untuk pegangan pertanian iaitu pertubuhan perniagaan dan isi rumah. Objektif pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah seperti berikut:

- a. Mengumpul stok dan profil sektor pertanian meliputi dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi pegangan pertanian;
- b. Menyediakan input utama dalam merangka polisi untuk sektor pertanian oleh pelbagai pihak yang berkepentingan untuk perancangan pembangunan, penggubalan dasar sosioekonomi dan program yang berkaitan;
- c. Menyediakan penanda aras sehingga peringkat terkecil, yang diperlukan untuk merangka program pembangunan pertanian baharu dan untuk menilai kemajuannya; dan
- d. Menyediakan rangka pensampelan pegangan pertanian untuk menjalankan survei pertanian masa hadapan.

Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM230 juta bagi tempoh 2023 hingga 2024. Selaras dengan kelulusan mesyuarat tersebut dua (2) Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 iaitu Jawatankuasa Pemandu Banci (JPB) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci (JUB) yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Banci Pertanian 2024, empat (4) Jawatankuasa Teknikal telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Strategik Banci, Jawatankuasa Pengurusan Data Banci, Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi dan Jawatankuasa Pengurusan Operasi Banci.

Sebagai persediaan bagi pelaksanaan Banci Pertanian 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Gerak Kerja Persediaan Banci Pertanian Peringkat Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bilangan 1/2023 dan Bilangan 3/2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) telah diadakan pada 8 Februari dan 15 September 2023, manakala Bilangan 2/2023 yang dipengerusikan oleh SUB Bahagian DPS telah diadakan pada 18 Ogos 2023. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan perkara-perkara terperinci bagi memuktamadkan tadbir urus, fungsi dan peranan setiap kementerian dan agensi termasuk di peringkat negeri.

Banci Pertanian 2024 akan dilaksanakan sepenuhnya bermula pada 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 dengan menggunakan konsep *de jure* dan *de facto*. Memandangkan kompleksiti dalam pelaksanaan banci ini, kaedah temuramah bersemuka melalui *Paper and Pen Interview* (PAPI) akan digunakan. Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehcapaian dan kesesuaian mengikut kategori responden (pertubuhan atau isi rumah).

DIALOG BELANJAWAN 2024

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 9 Ogos 2023 telah bersetuju supaya semua kementerian turut terlibat dalam menganjurkan Dialog Belanjawan 2024 di peringkat kementerian masing-masing mulai 20 Ogos hingga 15 September 2023. Keputusan Kerajaan ini adalah bagi memantapkan lagi penyediaan dokumen Belanjawan 2024 agar lebih inklusif dan komprehensif mengambil kira input semua pihak berkaitan. Sehubungan dengan itu, KPKM telah mengadakan enam (6) sesi Dialog Belanjawan 2024 dengan melibatkan pemain industri dan pihak berkepentingan mengikut subsektor masing-masing seperti berikut:

Bil.	SUBSEKTOR	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
1.	Perikanan (Tangkapan)	23 Ogos 2023	Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor	150
2.	Ternakan	26 Ogos 2023	MAEPS, Serdang, Selangor	123
3.	Pemasaran	4 September 2023	Wisma Tani, Putrajaya	68
4.	Tanaman	5 September 2023	IDCC, Shah Alam, Selangor	94
5.	Perikanan (Akuakultur)	6 September 2023	PICC, Putrajaya	110
6.	Padi dan Beras	7 September 2023	MARDI, Serdang, Selangor	320
JUMLAH KEHADIRAN				865

Pelbagai cadangan dan pandangan telah diterima daripada golongan sasar melalui beberapa siri sesi libat urus yang dilaksanakan termasuk penambahbaikan infrastruktur, pengukuhan tenaga kerja, penyediaan insentif, sokongan pembiayaan, pemerkasaan pemasaran, pembangunan sistem data raya serta pemantapan penguatkuasaan. Input-input yang diterima telah diteliti oleh KPKM untuk diambil kira dalam penyediaan inisiatif Belanjawan 2024 untuk pertimbangan Kementerian Kewangan (MOF).



Sesi Dialog Belanjawan 2024 Subsektor Padi Dan Beras Dirasmikan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 7 September 2023 di Dewan Tan Sri Yusuf Hashim, Ibu Pejabat MARDI, Serdang.

Barisan panel terdiri daripada YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Ketua Pengarah MARDI dan Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian.



Kehadiran daripada agensi Kerajaan, ahli akademik, syarikat berkaitan industri padi dan beras serta persatuan pemborong dan pengilang beras menghadiri Sesi Dialog Belanjawan 2024 Subsektor Padi dan Beras



Sesi Dialog Belanjawan 2024 Subsektor Pemasaran diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan KPKM dengan penglibatan bersama pegawai DOF, FAMA, LKIM dan LPNM pada 4 September 2023 di Pusat Pembangunan Perniagaan (BDC), Wisma Tani.



Kehadiran secara atas talian mengikut kumpulan sasaran termasuk perikanan dan akuakultur, tanaman dan produk agromakanan serta export management company (EMC) dan pejabat penasihat pertanian (ACO).

Melalui Belanjawan 2024, KPKM telah diperuntukkan sebanyak RM6.2 bilion bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif keterjaminan makanan. Antaranya, RM400 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan seperti berikut:

- a. RM150 juta untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan dengan mengoptimumkan penggunaan tanah;
- b. RM50 juta bagi melaksanakan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka; dan
- c. RM50 juta untuk membekalkan 50 ribu pesawah dengan baja bio dan organik.

MESYUARAT YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN DENGAN EXCO-EXCO PERTANIAN NEGERI

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mempengerusikan Mesyuarat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1 Tahun 2023 secara hibrid pada 15 November 2024. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Exco Pertanian daripada 13 Negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai kanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Ketua Jabatan dan Agensi KPKM.

Agenda mesyuarat kali ini merangkumi sebelas (11) pembentangan, iaitu dua (2) Kertas Pertimbangan dan sembilan (9) Kertas Makluman. Antara kertas pertimbangan yang dibentangkan adalah mengenai Cadangan Pewujudan Kawasan Khusus Pertanian Organik di peringkat Negeri. Pewujudan kawasan yang dicadangkan ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN2.0), Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 serta Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs), di mana pertanian organik adalah salah satu aktiviti yang diberi tumpuan dalam menangani cabaran global yang kritikal melalui amalan mesra alam dan keselamatan kepada pengguna.

Mesyuarat juga telah bersetuju bahawa dalam memenuhi keperluan sekuriti makanan negara, pelaksanaan pertanian yang mampan diperlukan bagi menjamin kelangsungan sumber makanan sekaligus memastikan keseimbangan ekosistem. Dalam masa yang sama kesedaran pengguna terhadap faktor pemakanan serta gaya hidup sihat semakin menjadi perhatian dan meningkat setiap tahun. Melalui pelaksanaan pertanian organik sumber makanan yang berkualiti tinggi akan dapat dihasilkan dan keseimbangan alam sekitar dapat dikekalkan.

Selain itu, Cadangan Penggubalan Enakmen Pendaftaran Petani juga telah dibentangkan bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data yang merekodkan dan mendaftarkan petani di Malaysia untuk mengenalpasti bilangan sebenar pengusaha dan petani yang terlibat dalam sektor pertanian terutama melibatkan subsektor tanaman.

Dalam memastikan halatuju pertanian yang berdaya saing dan meningkatkan pengeluaran pertanian yang mampan, maklumat semua pihak yang terlibat disepanjang rantaian pengeluaran makanan termasuk daftar rasmi petani perlu diwujudkan sebagai rujukan semua pihak khususnya dalam merancang pembangunan sektor agromakanan serta mengelakkan berlaku ketirisan dalam pemberian bantuan kepada petani. Mesyuarat juga mengambil maklum berkenaan dengan Inisiatif Pengukuhan Data Sektor Pertanian dan Agromakanan yang memerlukan sokongan tadbir urus data daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan data pertanian yang terkini dan reliable merentas masa. Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum akan Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta Cadangan Memperkukuh Industri Penternakan Ayam Untuk Keterjaminan Makanan Negara melalui Garis Panduan Perancangan Ladang Penternakan Ayam yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Situasi bekalan beras dan benih padi negara serta status pelaksanaan Jualan Agro Madani menjadi salah satu wadah yang sangat signifikan dalam mendokong hasrat kerajaan bagi menstruktur semula ekonomi dan menyediakan kehidupan yang berkualiti kepada rakyat turut dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut. Selain itu juga, mesyuarat dimaklumkan berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara berhubung Cadangan Hasrat Penubuhan Lembaga Perindustrian Nanas, Kelapa dan Durian yang dilihat dapat memperkukuhkan komoditi tersebut di peringkat global. Mesyuarat turut mengambil maklum akan senarai *Invasive Alien Species* (IAS) di dalam Tanaman, Ternakan dan Haiwan Akuatik yang memberi impak negatif kepada sektor pertanian dan biodiversiti negara. Di samping itu, mesyuarat mengambil maklum akan cadangan KPKM untuk menambah baik Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 dengan memasukkan bubu naga atau bubu kamban (*China Prawn Net Trap*) sebagai tambahan peralatan menangkap ikan yang dilarang dalam senarai jadual kerana telah menimbulkan konflik sosial dengan nelayan berlesen yang mengoperasikan peralatan pukat hanyut disebabkan oleh kerosakan yang berlaku terhadap pukat akibat tersangkut kepada bubu naga. Kertas makluman berkenaan pelaksanaan Program Agropreneur Muda turut dibentangkan di dalam mesyuarat ini sebagai satu usaha KPKM untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian.

Mesyuarat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Exco-Exco Pertanian Negeri akan terus dijadikan platform sebagai salah satu usaha kolaboratif dengan Kerajaan Negeri yang dapat memperkasa sektor pertanian negara melalui peningkatan produktiviti, pengukuhan sistem sokongan dan perkhidmatan, pengurusan sumber secara mampan serta penggalakkan pelaburan dan penglibatan sektor swasta untuk meningkatkan sekuriti makanan, memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selari dengan DAN 2.0 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara.



Mesyuarat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1 Tahun 2023.

USAHA PENGLIBATAN KEMENTERIAN PERINGKAT ANTARABANGSA DAN SERANTAU

Bahagian DPS merupakan *focal point* dan penyelaras di peringkat KPKM bagi pertanian mampan dan pengurusan data serantau di peringkat antarabangsa melibatkan perkara-perkara berkaitan alam sekitar, perubahan iklim dan penggunaan sumber tanah. Antara platform terlibat adalah seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan *The Association of Southeast Asia (ASEAN)*.

a. PERTANIAN MAMPAN

Pada tahun 2023, Bahagian DPS telah mewakili KPKM untuk menyertai delegasi ke persidangan berkaitan pertanian mampan yang melibatkan isu-isu alam sekitar, perubahan iklim dan penggunaan sumber tanah. Antara platform melibatkan Bahagian DPS adalah seperti berikut:

- i. ***Delegasi Malaysia ke United Nations Climate Change Conference of The Parties-28*** yang turut dihadiri oleh MARDI telah diadakan pada 30 November sehingga 12 Disember 2023 di Dubai. Antara agenda persidangan ini seperti pemeriksaan stok global, penyesuaian iklim, masalah dan mitigasi dalam sektor pertanian. KPKM telah dipertanggungjawabkan untuk mengkoordinasikan dan memantau agenda pertanian serta sekuriti makanan dengan kerjasama Sharm El-Sheikh Joint Work (SESJW) on *Implementation of Climate Action on Agriculture and Food Security*; dan

- ii. **10th Meeting of the National Contact Points and 8th Steering Committee of the ASEAN Rapid Alert System for Food and Feed National Contact Point (ARASFF NCP)** telah diadakan pada 11 dan 12 April 2023 secara maya. Mesyuarat telah membincangkan berkaitan isu-isu kerangka dasar, kemajuan kerjasama keselamatan makanan serantau serta *outcome* yang perlu dicapai untuk tahun 2022 dan cadangan pencapaian utama bagi tahun 2023. Mesyuarat tersebut turut membincangkan Nota Konsep mengenai **The Development of Guidelines For Reporting Of Food Businesses To ARASFF National Contact Point** yang dibentangkan oleh Filipina. Malaysia turut memberi komen bahawa *ASEAN Member States (AMS)* sepatutnya memberi keutamaan dan tumpuan bagi memperkukuhkan mekanisme semasa sebagai panduan dengan penglibatan khusus oleh *Competant Authority (CA)* dan ARASFF NCP. Malaysia turut mencadangkan untuk melibatkan *Fixed-Base Operator (FBO)* untuk membangunkan draf garis panduan dan perlu dimuktamadkan di peringkat kebangsaan oleh AMS. Seterusnya, latihan boleh disediakan termasuk kepada FBO.



Delegasi yang menyertai United Climate change Conference of The Parties-28.

KERJASAMA PENGURUSAN DATA SERANTAU

Projek *ASEAN Food Security Information System (AFSIS)* telah dimulakan pada tahun 2003 berikutan peningkatan kesedaran terhadap keselamatan makanan dalam kalangan komuniti ASEAN melalui pengumpulan, analisis dan penyebaran maklumat yang sistematik berkaitan keterjaminan makanan. Malaysia melalui Bahagian DPS, merupakan *focal point* dalam kerjasama pengurusan data serantau untuk menyediakan maklumat bagi penerbitan di peringkat AFSIS. Selain itu, ahli AFSIS turut menyokong inisiatif dalam pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pada tahun 2023, sebanyak tiga (3) program telah dianjurkan oleh pihak AFSIS yang turut dihadiri oleh pegawai KPKM seperti berikut:

- i. ***The 21st ASEAN Food Security Information System (AFSIS) Focal Point Meeting di Vientiane, Lao PDR*** pada 17 dan 18 Mei 2023. Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk memaklumkan negara anggota tentang pencapaian AFSIS sepanjang tahun 2022. Selain itu, mesyuarat juga turut mempertimbangkan perancangan kerja pada tahun 2023. Malaysia telah dilantik mengikut penggiliran abjad untuk menjadi tuan rumah kepada *The 22nd AFSIS Focal Point Meeting* pada mesyuarat tersebut.
- ii. ***The 1st Regional Workshop on the SAFER Project*** di Bangkok, Thailand pada 29 dan 30 Ogos 2023. Objektif utama program ini adalah untuk membincangkan dan memuktamadkan komoditi tambahan yang akan diliputi dalam pangkalan data AFSIS, laporan *Agricultural Commodity Outlook (ACO)* dan *Early Warning Information (EWI)* termasuk definisi dan metodologi mengumpul data. Seramai 24 peserta dari negara ASEAN Campur Tiga telah menghadiri program ini termasuk Malaysia, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand, Vietnam dan Japan.
- iii. ***The 2nd Regional Workshop on the SAFER Project di Bangkok, Thailand*** pada 12 dan 13 Disember 2023. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan peserta kepada teori dan kemahiran praktikal berkaitan penggunaan perisian *International Asian Harvest Monitoring System for Rice (INAHOR)* yang dibangunkan oleh *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)* menggunakan satelit ALOS-2 untuk menganggarkan keluasan kawasan tanaman padi. Seramai 33 peserta dari negara ASEAN Campur Tiga telah menghadiri program ini secara fizikal dan atas talian termasuk Malaysia, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand, Vietnam, Japan, China dan Korea.

USAHA KPKM DALAM MEMPERKASAKAN KETERJAMINAN MAKANAN SERTA MEMBANTU MENGAWAL KENAIKAN HARGA

Pada 2023, Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi beberapa cabaran ekonomi khususnya inflasi makanan. Antara punca utama adalah:

- a. Gangguan rantaian bekalan global serta harga komoditi yang tinggi terutamanya gandum, minyak sayuran serta makanan ternakan;
- b. Pengukuhan Dolar Amerika Syarikat berbanding Ringgit Malaysia; dan
- c. Cuaca ekstrem yang menjejaskan pengeluaran makanan tempatan.

Susulan itu, cabaran kekurangan bekalan ayam dan telur ayam yang bermula pada 2022 masih berterusan sehingga suku tahun ketiga 2023. Kawalan harga yang berpanjangan telah memberi kesan kepada beban kewangan Kerajaan melalui pemberian subsidi sehingga RM3.67 billion serta ketidakstabilan bekalan ayam dalam pasaran. KPKM sebagai urus setia Jawatankuasa Kumpulan Kluster Makanan, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah mengambil langkah proaktif dengan mengutarakan beberapa cadangan pengapungan harga ayam dan telur dalam Majlis Tertinggi NACCOL yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Susulan daripada syor KPKM tersebut, pada 1 November 2023, Kerajaan telah bersetuju untuk mengapungkan harga ayam selari dengan situasi harga makanan ternakan dunia yang mulai turun dan stabil. Tindakan ini telah mengembalikan keyakinan penternak untuk membekalkan ayam yang mencukupi di pasaran. Manakala, telur ayam masih dikenakan harga kawalan dan diberikan subsidi bagi memastikan sumber protein termurah dapat diperolehi oleh semua lapisan masyarakat.

Selain itu, KPKM melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah menjenama semula "Jualan Terus Dari Ladang" kepada Jualan Agro MADANI sebagai tanda sokongan kepada aspirasi Keluarga MADANI Kerajaan. Program ini merupakan salah satu inisiatif KPKM di bawah Kumpulan Kluster Makanan NACCOL yang bertujuan untuk meningkatkan akses rakyat kepada makanan dengan memasarkan barangan pertanian terpilih pada harga 10% hingga 30% lebih murah daripada pasaran. Lokasi jualan juga diberi lebih tumpuan kepada kawasan yang mempunyai penduduk B40 dan berkepadatan tinggi bagi liputan yang lebih luas. Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah 5,608 sesi jualan telah dilaksanakan berbanding 5,000 sesi (112%) yang dirancang bagi tahun 2023 yang melibatkan seramai 74,841 orang usahawan. Nilai jualan yang dicatatkan adalah sebanyak RM93.7 juta dan penjimatan sebanyak RM27.8 juta.

Pada 1 September 2023, Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) telah meningkatkan harga Beras Putih Import (BPI) daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik. Keputusan berkenaan dibuat berikutan kenaikan harga pasaran dunia secara mendadak selepas larangan eksport oleh negara sumber utama dan pengeluaran hasil padi tempatan yang turut merosot atas pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim dan serangan penyakit. Justeru, corak permintaan di pasaran domestik telah berubah mengakibatkan permintaan Beras Putih Tempatan (BPT) meningkat terutamanya oleh sektor perkhidmatan seperti industri perkhidmatan hotel-restoran-katering (horecca). Ini mengakibatkan ketidakcukupan bekalan BPT bagi keperluan domestik. Lantaran itu, Kerajaan telah memutuskan pemberian subsidi BPI bagi penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak RM950 bagi setiap metrik tan. Manakala, kontrak kerajaan diputuskan supaya menggunakan BPI bagi meningkatkan bekalan BPT sebanyak 5% di pasaran.

Pelbagai usaha yang telah diambil oleh KPKM ini serba sedikit mengurangkan keresahan rakyat terutamanya golongan rentan dalam mendapatkan makanan pada harga yang mampu milik. Maju ke hadapan, KPKM akan terus memperkukuhkan strategi menstabilkan bekalan makanan bagi keterjaminan makanan negara.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN LATIHAN PERTANIAN (BPKLP)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- Melahirkan usahawan tani yang berdaya saing, moden dan kreatif; dan
- Melahirkan tenaga kerja mahir sektor pertanian meliputi semua peringkat pekerjaan iaitu pekerja mahir, penyelia dan pengurusan.


FUNGSI BAHAGIAN

- Menyedia pakej latihan, kemudahan pembelajaran dan tenaga pengajar mahir dan berpengalaman berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bidang pertanian;
- Menyedia dan menyemak kesesuaian NOSS dari semasa ke semasa;
- Menyelaras semua pusat latihan kemahiran pertanian di bawah kementerian;
- Bertindak dan berperanan sebagai badan berkuasa yang dirujuk dalam program latihan kemahiran pertanian;
- Menyelaras penyertaan syarikat pertanian bagi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN);
- Menilai keberkesanan dan menambahbaik program latihan kemahiran pertanian;
- Menyelaras dan melaksanakan latihan kemahiran teknikal Pertanian kepada tenaga pengajar dan pegawai pengembangan (upskilling); dan
- Merancang dan menyelaras kerjasama dengan pihak industri dalam pembangunan kerjaya dan keusahawanan graduan Program Latihan Kemahiran Petanian Kebangsaan (PLKPK) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) di Pusat Bertauliah.

Teras Pembangunan PLKPK



Dibangunkan bersama pihak industri



Mengaplikasikan amalan pertanian baik dan teknologi pertanian moden.



Mengambil kira permintaan semasa pasaran tenaga kerja.

Matlamat PLKPK



Menjadi usahawan tani yang berkeyakinan, berkemahiran dan berdaya saing.



Menjadi platform kepada pelatih untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.



Melahirkan tenaga kerja mahir dan profesional yang akan berkhidmat dalam sektor swasta.

SENARAI PUSAT BERTAULIAH YANG MELAKSANAKAN PLKPK

Sehingga kini sebanyak 15 Institusi Latihan Pertanian telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah (PB) di bawah BPKLP, KPKM yang melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK). Bagi Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia dengan Sepuluh (10) bidang kemahiran ditawarkan iaitu bidang tanaman, bidang pengeluaran padi, bidang ternakan ruminan, bidang ternakan poltri, bidang akuakultur marin, bidang akuakultur air tawar, bidang teknologi perikanan tangkapan, bidang pemprosesan makanan, bidang pemasaran dan Penyelenggaraan Jentera Pertanian.

Bil.	Pusat Bertauliah	Bidang Pengajian
1.	Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga, Kedah	Tanaman, Ternakan Ruminan, Akuakultur Air Tawar, Pemprosesan Makanan dan Pemasaran
2.	Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sitiawan Perak.	Akuakultur Air Tawar, Akuakultur Marin dan Teknologi Perikanan Tangkapan
3.	Institut Pertanian Kuala Lipis, Pahang.	Tanaman
4.	Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor.	Tanaman
5.	Institut Pertanian Titi Gantung, Perak.	Tanaman
6.	Institut Pertanian Bumbung Lima, Pulau Pinang	Tanaman
7.	Institut Pertanian Serdang, Selangor.	Tanaman
8.	Institut Pertanian Sarawak, Kuching, Sarawak.	Tanaman
9.	Institut Veterinar Malaysia, Kluang Johor.	Ternakan Ruminan
10.	Institut Teknologi Unggas, Masjid Tanah, Melaka.	Ternakan Poltri
11.	Institut Latihan FAMA, Kota Bharu, Kelantan.	Pemasaran
12.	Pusat Latihan MARDI, Serdang Selangor.	Pemprosesan Makanan
13.	MADA Rice Training Center, Alor Setar, Kedah.	Pengeluaran Padi
14.	Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu.	Teknologi Perikanan Tangkapan
15.	Institut Latihan Mekanisasi dan Automasi Peladang (ILMAP), Panji, Kelantan	Penyelenggaraan & Baik Pulih Jentera Kecil dan Peralatan Pertanian

Pusat Bertauliah (PB) di bawah BPKLP, KPKM yang melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK)

SENARAI PUSAT BERTAULIAH YANG MELAKSANAKAN PLKPK

Pelaksanaan program-program promosi bagi menarik minat golongan muda menyertai Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK). Pendekatan yang digunakan bagi mempromosikan program-program tersebut dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu secara bersemuka (pameran dan taklimat) dan media sosial. Bagi tahun 2023 sebanyak tujuh (7) program yang melibatkan taklimat, dua puluh satu (21) program pameran dan promosi telah disertai BPKLP di bawah anjuran Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, Program Sekolah dan Unit Agropreneur Muda. Manakala, promosi melalui medium media sosial di platform ialah Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Tik tok dan e-mel.

Bil.	Nama Program/Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Program Jelajah Agrotourism & Agroyouth KPKM 2023 (Peringkat Negeri Selangor) *Taklimat PLKPK	03 - 05 Februari 2023	Pekarangan Parkir SACC Mall, Shah Alam, Selangor.
2.	Kursus Pengenalan DITMS kepada Kakitangan MAQIS (MAQIS Putrajaya) *Taklimat PLKPK	22 Februari 2023	Bilik Latihan ICT, Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP)
3.	Taklimat Khas Pengajian Pekerja Asing Sektor Pertanian 2023.	15 Februari 2023	Dewan Serbaguna KPKM, Wisma Tani, Putrajaya
4.	Program Jelajah Agrotourism & Agroyouth KPKM 2023 (Peringkat Negeri Pulau Pinang) *Taklimat PLKPK	25 - 26 Februari 2023	Pekarangan Padang Kota Lama, Pulau Pinang.
5.	Karnival Belia Orang Asli 2023 (Jabatan Kemajuan Orang Asli - JKOA)	28 Februari dan 01 Mac 2023	Hotel Tenera, Bangi, Selangor.
6.	Program Anjung Syawal Sempena Festival Ramadan Putrajaya 2023 (Perbadanan Putrajaya)	23 Mac hingga 22 April 2023	Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.
7.	Program Kesedaran myGAP Peringkat Jabatan Perikanan Negeri Selangor 2023 (Jabatan Perikanan Negeri Selangor) *Taklimat PLKPK	11 Mei 2023	Dewan Orkid PKPS Shah Alam, Selangor.
8.	Jom Masuk U 2023 Zon Selatan (UTM) (Jabatan Pendidikan Tinggi) *Taklimat PLKPK	20 - 21 Mei 2023	Stadium Tertutup Arena Larkin, Johor Bahru
9.	Jom Masuk U 2023 Zon Sarawak (UPM), Sarawak. (Jabatan Pendidikan Tinggi) *Taklimat PLKPK	20 - 21 Mei 2023	Time Square Megamall, Bintulu, Sarawak.

10.	Jom Masuk U 2023 Zon Sabah (UMS), Sabah. (Jabatan Pendidikan Tinggi)	27 – 28 Mei 2023	Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, Universiti Sabah Malaysia (UMS), Sabah.
11.	Jom Masuk U 2023 Zon Utara (UiTM), Kedah. (Jabatan Pendidikan Tinggi)	27 – 28 Mei 2023	Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Kedah.
12.	Jom Masuk U 2023 Zon Timur (UMT), Terengganu. (Jabatan Pendidikan Tinggi)	03 – 04 Jun 2023	Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.
13.	Jom Masuk U 2023 Zon Tengah (UM), Kuala Lumpur (Jabatan Pendidikan Tinggi)	03 – 04 Jun 2023	Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya Kuala Lumpur
14.	Pameran Kerjaya Sekolah, (SMK Redang Panjang)	08 Jun 2023	Sekolah Model Khas Redang Panjang, Ijok, Perak.
15.	Pameran Kerjaya, Sekolah Menengah Chocrane. (SM Chocrane)	04 Julai 2023	Sekolah Menengah Chocrane, Kuala Lumpur.
16.	Promosi Bergerak (Edaran Leaflet) Hari Peneroka Malaysia 2023 (FELDA)	07 Julai 2023	MAEPS, Serdang, Selangor
17.	Hari Bertemu Pelanggan DOF (Jabatan Perikanan Malaysia)	20 Julai 2023	BDC, Wisma Tani, Putrajaya.
18.	World Rabies Day & Hari Kebajikan Haiwan 2023 (Jabatan Perkhidmatan Veterinar)	02 September 2023	Amanjaya Mall, Sungai Petani, Kedah.
19.	Program Karnival TVET MADANI Jom Pilih Kemahiran Zon Tengah 2023. (Jabatan Pembangunan Kemahiran)	19 -20 September 2023	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam
20.	Karnival Agrotek MADANI KV @ Kpm 2023. (Kementerian Pendidikan Malaysia) *Taklimat PLKPK	06 - 08 Oktober 2023	Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan
21.	Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023. (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi)	06 - 08 Oktober 2023	Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka.
22.	Hari Peladang Penternak & Nelayan 2023 • Pavilion Agro Millenia • Klinik Orang Muda • Peluang Belajar Dan Peluang Pekerjaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	10-12 November 2023	Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak
23.	Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI, Reruai KPKM (Jabatan Perdana Menteri) Demonstrasi Inovasi Pertanian oleh Institut Teknologi Unggas, Melaka.	8-10 Disember 2023	Pekarang Stadium Nasional Bukit Jalil,

Program Promosi Melalui Pameran dan taklimat bagi mempromosikan PLKPK

PROGRAM PROMOSI PLKPK



Program Promosi PLKPK melalui pameran jom masuk U di UiTM Sg Petani, Kedah.



Program Promosi PLKPK melalui pameran jom masuk U di UiTM Sg Petani, Kedah.



Program Promosi PLKPK melalui pameran jom masuk U di UTM Johor Bahru.



Program promosi PLKPK melalui pameran program setahun kerajaan MADANI di Stadium Bukit Jalil.



Program Promosi PLKPK melalui pameran Jelajah Agrotourism dan Agroyouth.



Program Promosi PLKPK melalui pameran karnival belia orang asli.

PENGURUSAN PELATIH DAN PUSAT BERTAULIAH

Bagi tempoh 2023, aktiviti yang melibatkan kursus nilai tambah pelatih, pentauliahan Pusat Bertauliah (PB), kursus pembangunan soalan peperiksaan akhir, kursus kepada Pegawai Hal Ehwal Pelatih (HEP) serta taklimat kepada pelatih yang akan menjalani Latihan Industri (LI) telah dilaksanakan. Program untuk memantapkan kefahaman dan kredibiliti tenaga pengajar seperti berikut:

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh Kursus	Tempat Kursus
1.	Kursus Rekabentuk Landskap dan Hands-On Penghasilan Hardscape berserta Sistem Solar.	1 - 4 Ogos 2023	Kolej Pertanian Malaysia
2.	Kursus Asas <i>Food Truck</i> .	09 Oktober 2023	Kolej Pertanian Malaysia
3.	Kursus Teknik Pemprosesan Hasil Daging Dalam Industri.	30 Julai 2023 & 06 Ogos 2020	IKBN, NAKA
4.	Pembungkusan Dan Pelabelan Makanan.	4- 5 Julai 2023	Kolej Pertanian Malaysia
5.	Latihan Pengendalian Makanan (LPM).	16 Oktober 2023	Kolej Pertanian Malaysia
6.	Kursus Asas Latihan Keselamatan Perikanan di Akademik Perikanan Malaysia.	28 Mei 2023 - 1 Jun 2023	Akademi Perikanan Malaysia
7.	Kursus Pembenihan Ikan Air Tawar di Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok Pahang.	11 - 15 Jun 2023	PPA, Jitra, Kedah
8.	Kursus Menyediakan Makanan Rumusan (Pelet) di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Pulau Sayak, Kedah.	11-13 September 2023	Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Pulau Sayak
9.	Kursus Menjahit dan Membaiki Pukat di Akademi Perikanan Malaysia (APM) , Kuala Terengganu, Terengganu.	28 Mei 2023 - 1 Jun 2023	Akademi Perikanan Malaysia
10.	Kursus Aplikasi Reka Bentuk dan Automasi Ladang Poltri Untuk Produktiviti Optimum.	7 November 2023	Institut Teknologi Unggas (ITU), Masjid Tanah, Melaka
11.	Kursus Aplikasi Pemantauan Operasi Produksi Poltri Melalui <i>Web Service</i> Bagi Pengurusan Ladang Yang Efektif Dan Efisien.	9 Oktober 2023	Institut Teknologi Unggas (ITU), Masjid Tanah, Melaka
12.	Kursus Pengurusan dan Perekodan Data Ladang Ayam Komersial Secara Digital Menggunakan <i>Cloud Base</i> .	26-27 Oktober 2023	Institut Teknologi Unggas (ITU), Masjid Tanah, Melaka
13.	Kursus <i>Basic Training</i> (BT)	22-27 Okt 2023	Ranaco Maritime Sdn. Bhd, Kemaman
14.	Kursus Hands-on Penghasilan <i>Plant Booster</i> dan <i>Effective Microbe</i> (EM)	21-22 Julai 2023	MADA Rice Training Center
15.	Kursus Sistem Maklumat Geografi (GIS - Geographic Information System).	03 - 04 November 2023	MADA Rice Training Center
16.	Kursus Dandanan Haiwan (<i>Grooming</i>).	6 -7 Oktober 2023	<i>Purrfection Cats Grooming Academy</i> , Serdang

17.	Kursus Aplikasi <i>Green Technology</i> berasaskan <i>Useful Microbes</i> (UM) dalam pengurusan ternakan.	22-23 September 2023	Institut Veterinar Malaysia
18.	Kursus Aplikasi Teknologi Pemprosesan Produk Berasaskan Hasilan Tenusu.	29-30 September 2023	Pusat Latihan Teknologi Veterinar, Kluang
19.	Teknologi Ternakan Udang Putih Superintensif dan Teknologi Biofloc.	28 Mei - 1 Jun 2023	Fri, Gelang Patah
20.	Kursus <i>Basic Training</i> (BT).	29 Mei-3 Jun 2023	<i>Meta Training</i>
21.	Kursus <i>Out-Board</i> Motor Enjin Sangkut.	11-14 Oktober 2023	KPSN
22.	Kursus Pasaran Pertanian Komersil dan Bernilai Tinggi.	19 Mei - 21 Mei 2023	BPIT, Serdang
23.	Kursus Perisian <i>Autocad</i> (Pengkususan Landskap).	22 Jun - 23 Jun	UPM, Serdang
24.	Kursus Pembiakan Ikan Secara Aruhan (Pengkhususan Ternakan).	31 Mei - 1 Jun	UPM, Serdang
25.	Kursus Pengurusan Perladangan (Pengkhususan Estet).	20 Jun - 22 Jun	Johor
26.	Kursus Lanjutan Asas Menolong Kaunseling dan Psikologi kepada pegawai HEP di Pusat Bertauliah.	29 - 31 Mei 2023	Dorsett Hartamas, Kuala Lumpur
27.	Kursus Pembangunan Soalan Peperiksaan Akhir (PA) di bawah sistem berasaskan kredit dan COPTPA.	24-26 Julai 2023	Mudzaffar Hotel, Melaka
28.	Kursus Pemantapan Penyediaan Soalan Penilaian Kerja Kursus (PKK) di bawah sistem berasaskan kredit dan COPTPA.	12 - 15 Mei 2023	Heritage Hotel, Cameron Highlands
29.	Neuro Lingustik Psiko Terapi (NLP) untuk pegawai HEP di Pusat Bertauliah	11-13 Sept 2023	E-red Hotel

Kursus nilai tambah pelatih, pentauliahan PB, kursus pembangunan soalan peperiksaan akhir dan kursus kepada Pegawai Hal Ehwal Pelatih (HEP).

Sepanjang tahun 2023, terdapat satu (1) pusat bertauliah telah mendapat kelulusan pentauliahan pusat dan program di bawah Sijil Kemahiran Malaysia berasaskan Kod Amalan pentauliahan program TVET (COPTPA).

Bil.	PB	Program	Tahap	Tarikh Kuatkuasa	Kapasiti
1.	APM	Perikanan Tangkapan	3	1/2/2023-31/1/2026	50

Kelulusan pentauliahan pusat dan program di bawah Sijil kemahiran Malaysia berasaskan kod amalan pentauliahan program TVET (COPTPA)

PEMBANGUNAN STANDARD dan KURIKULUM

Bermula 1 Januari 2011, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) secara rasminya melantik BPKLP sebagai Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body-ILB) bagi bidang pertanian dan industri makanan. Antara peranan utama ILB adalah melaksanakan Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis*) bidang pertanian, membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) serta Bahan Pengajaran Bertulis (Written Instructional Material-WIM) dalam bidang latihan kemahiran pertanian.

BPKLP bertanggungjawab dalam membangunkan dan menyelaraskan NOSS dan WIM dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KESUMA. Input bagi pembangunan NOSS adalah daripada panel pakar industri dan swasta manakala input WIM adalah daripada panel pakar Jabatan/Agensi terlatih dan berpengalaman mengikut bidang kepakaran masing-masing. Secara umumnya, NOSS dan WIM akan dikaji semula jika ada keperluan lain seperti penambahan teknologi baharu dan keperluan industri.



Pemantauan pelatih yang menjalani Latihan Industri

PEMBANGUNAN/ KAJI SEMULA STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (NOSS) BIDANG PERTANIAN

Sepanjang tahun 2023/2024, sebanyak empat (4) NOSS, dua (2) WIM dan satu (1) Modul Penyedia TVET telah dibangunkan/ dikaji semula oleh BPKLP, KPKM. Perincian adalah seperti berikut:-

Bil.	Tajuk WIM	Tahun NOSS Dibangunkan/ Kaji Semula	Pusat Bertauliah yang Menggunakan
1.	Penyelenggaraan Dan Baik pulih Jentera Kecil dan Peralatan Pertanian Tahap3 (C331-014-3:2017)	2023/2024	Institut Latihan Mekanisasi dan Automasi Panji (ILMAP), Kelantan.
2.	Operasi Pengeluaran Tanaman Tahap 3 (A016-001-3:2016)	2023/2024	<ul style="list-style-type: none"> • Institut Pertanian Serdang (IPS), Selangor. • Institut Pertanian Kuala Lipis (IPKL), Pahang. • Institut Pertanian Bumbung Lima (IPBL), Pulau Pinang. • Institut Pertanian Titi Gantung (IPTG), Perak. • Institut Pertanian Ayer Hitam (IPAH), Johor. • Institut Pertanian Semanggok (IPSS), Sarawak.
3.	Penyelarasan Teknologi Tanamann Tahap 4 (A016-001-4:2016)	2023/2024	Kolej Pertanian Malaysia (KPM), Kedah.
4.	Penyelarasan Teknologi Tanamann Tahap 5 (A016-001-5:2016)	2023/2024	Kolej Pertanian Malaysia (KPM), Kedah.
5.	Latihan Pengendalian Makanan (LPM).	16 Oktober 2023	Kolej Pertanian Malaysia.
6.	Penyelenggaraan Vesel Penangkapan Ikan Tahap 3 (C331-011-3:2019)	2023/2024	Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzudin Shah (KPSN) dan Akademi Perikanan Malaysia (APM).
7.	Modul Penyedia TVET Modul Pengurusan dan Ekonomi Pertanian.	2023/2024	Semua Pusat Bertauliah di bawah KPKM.

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN 2023

Pada 16 Mac 2023 (khamis), (BPKLP) telah mengadakan Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 Tahun 2023 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Majlis ini bagi meraikan seramai 575 orang graduan yang terdiri daripada 50 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 307 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 154 orang graduan Sijil Pertanian Malaysia, 45 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 19 orang graduan Sijil Perikanan. Kesemua graduan ini adalah mereka yang telah menamatkan pengajian bagi tahun 2022.



Sesi susunan perarakan graduan ke pentas utama Majlis Konvokesyen Pertanian.

KURSUS UPSKILING

Reskilling Pegawai Pengembangan/ Tenaga Pakar Kakitangan Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Dan Kumpulan Sasar

BPKLP merupakan penyelaras kursus dan latihan jangka pendek (upskilling) bagi kumpulan Pegawai Pengembangan/ Tenaga Pakar (kakitangan KPKM) dan kumpulan sasaran (usahawan, penternak, petani, peladang dan nelayan) setiap Jabatan/ Agensi yang berada di bawah KPKM. Latihan/ kursus bagi Pegawai Pengembangan/ Tenaga Pakar adalah merupakan satu platform penyediaan latihan bagi meningkatkan kepakaran teknikal di kalangan pegawai pengembangan berdasarkan matlamat yang telah ditetapkan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Manakala, latihan/kursus bagi kumpulan sasaran yang disediakan bertujuan untuk memenuhi keperluan golongan sasaran dengan memberi fokus kepada kategori sasaran yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU), Wanita, Transformasi, Siswazah, Komuniti Orang Asli dan selaras dengan matlamat Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Pelaksanaan kursus bagi tahun ini telah diselaraskan dengan matlamat yang telah ditetapkan di dalam DAN 2.0. Melalui pelaporan yang dikemukakan oleh Jabatan dan Agensi berkenaan, BPKLP dapat menilai keberkesanan kursus disamping mengenalpasti keperluan dan menangani masalah yang timbul bagi memenuhi matlamat yang disasarkan.

Jabatan /Agensi	Kursus Pegawai Pengembangan			
	Bil. Peserta (Sasaran)	Bil. Peserta (Pencapaian)	Bil. Kursus (Sasaran)	Bil. Kursus (Laksana)
DOA	304	235	10	9
DOF	40	36	2	3
DVS	595	407	24	17
MAQIS	410	483	14	15
MARDI	0	0	0	0
FAMA	455	172	13	5
LPP	0	0	0	0
LPNM	200	104	5	4
LKIM	100	91	4	4
MADA	359	249	10	7
BPKLP	25	33	1	1
JUMLAH	2,488	1,810	83	65

Pelaksanaan kursus teknikal pertanian bagi kategori pegawai pengembangan jabatan dan agensi di bawah KPKM Tahun 2023.

Jabatan /Agensi	Kursus Golongan Sasaran			
	Bil. Peserta (Sasaran)	Bil. Peserta (Pencapaian)	Bil. Kursus (Sasaran)	Bil. Kursus (Laksana)
DOA	345	291	9	9
DOF	604	590	29	30
DVS	80	80	4	2
MAQIS	0	0	0	0
MARDI	90	50	5	3
FAMA	405	286	11	3
LPP	510	392	17	12
LPNM	0	0	0	0
LKIM	0	0	0	0
MADA	165	150	4	4
BPKLP	0	0	0	0
JUMLAH	2,199	1,839	79	68

Pelaksanaan kursus teknikal pertanian bagi kategori kumpulan sasaran Jabatan dan Agensi di bawah KPKM tahun 2023.

Bermula Januari 2023, kursus *upskilling* dilaksanakan dengan menggunakan sistem **Digital Training Information & Management System (DTIMS)**. Melalui sistem ini perolehan pelaporan data adalah lebih tepat dan komprehensif. Maklumat berkaitan status permohonan, kategori umur dan jantina peserta, penilaian penceramah serta penilaian fasiliti bagi setiap kursus yang dilaksanakan juga boleh diperolehi.

KURSUS PERANTIS PERTANIAN (TALENT POOL)

Reskilling Pegawai Pengembangan/ Tenaga Pakar Kakitangan Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kumpulan Sasar

KPKM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara bagi merangka pelan komprehensif bertujuan untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara di samping memantau pelaksanaan tindakan-tindakan intervensi yang telah ditetapkan. Justeru, Program Perantis Pertanian (*Talent Pool*) telah diperkenalkan sebagai salah satu (1) Pelan tindakan intervensi jangka pendek yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara pada tahun 2022.

Program Perantis Pertanian (*Talent Pool*) dilaksanakan dengan kerjasama strategik jabatan atau agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Program ini bertujuan untuk membangunkan bakat baru serta tenaga kerja berkemahiran dalam bidang pertanian melalui penganjuran kursus bersasar yang melibatkan empat kategori seperti berikut:

- a. Golongan Sasar 1: Bakal pesara dari kalangan tentera dan penjawat awam.
- b. Golongan Sasar 2: Graduan bukan siswazah pertanian.
- c. Golongan Sasar 3: Graduan daripada siswazah pertanian, graduan daripada Pusat Bertauliah BPKLP, KPKM dan Kolej Vokasional (KV) Pertanian.
- d. Golongan Sasar 4: Kumpulan sasaran berfokus seperti lepasan sekolah, bekas banduan, OKU dan golongan B40.

Bil.	Kursus	Kategori Sasaran	Pelaksana	Tarikh Laksana	Jumlah Peserta
1.	Kursus Penternakan Ayam Komersial (Siri 1) Nota: Teori secara dalam talian menggunakan platform Microsoft Team.	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Institut Teknologi Unggas (ITU), Melaka	25 – 27 Julai 2023	192
2.	Kursus Penternakan Ayam Komersial (Siri 2) Nota: Amali secara fizikal.	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Institut Teknologi Unggas (ITU), Melaka	6 – 7 September 2023	24
3.	Kursus Penternakan Ayam Komersial (Siri 3) Nota: Amali secara fizikal	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Institut Teknologi Unggas (ITU), Melaka	19 – 20 September 2023	27
4.	Kursus Tanaman Hidroponik NFT (Sayuran Berdaun)	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	PPK Tampin (Tanggamas), Gemencheh, Negeri Sembilan	25 – 26 Julai 2023	32
5.	Kursus Tanaman Hidroponik NFT (Sayuran Berdaun)	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	PPK Tampin (Tanggamas), Gemencheh, Negeri Sembilan	21 – 22 Ogos 2023	23
6.	Kursus Pembenihan Ikan Air Tawar Siri 1	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Pusat Pengembangan Akuakultur Jitra, Kedah	22-24 Oktober 2023	32
7.	Kursus Pembenihan Ikan Air Tawar Siri 2	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Pusat Pengembangan Akuakultur Jitra, Kedah	29 – 31 Oktober 2023	38
8.	Kursus Pembenihan Ikan Air Tawar Siri 3	Golongan Sasaran 1,2,3 & 4	Pusat Pengembangan Akuakultur Jitra, Kedah	5 – 7 November 2023	32

Perincian pelaksanaan kursus *Talent Pool* KPKM tahun 2023.

PROGRAM PEMADANAN KERJAYA – AGRO JOB FAIR SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11

Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) telah melaksanakan Program Pemadanan Kerjaya (Agro Job Fair) dengan jayanya pada 15 Mac 2023, bersempena dengan Majlis Konvokosyen Pertanian kali ke -11. Program yang bertempat di Dewan A, Putrajaya International Convention Centre (PICC), ini menyediakan peluang pekerjaan dan padanan kerja antara majikan dan pencari kerja secara temuduga terbuka (*walk in interview*).

Program Pemadanan Kerjaya (Agro Job Fair) ini melibatkan penyertaan sebanyak 20 syarikat agromakanan dengan penyediaan 293 peluang pekerjaan. Berikut adalah pencapaian keseluruhan program ini:

Item	Bil	Catatan
Bilangan Jawatan kosong yang ditawarkan	293	
Bilangan yang mendaftar	498	Bilangan mendaftar berbanding dengan jawatan yang ditawarkan.
Bilangan hadir temuduga	498	Bilangan yang hadir berbanding yang mendaftar.
Bilangan berjaya temuduga	20	Bilangan yang berjaya berbanding yang ditemuduga.
Bilangan calon simpanan	101	Bilangan yang disenarai pendek berbanding yang hadir temuduga.
Jangkaan pelaburan (RM)/tahun	360,000	Pelaburan dalam bentuk gaji (Gaji minimum RM1500 sebulan).

PROGRAM KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS SEMPENA HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) 2023

Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) dengan kerjasama PERKESO telah mengadakan Karnival Kerjaya MYFUTUREJOBS sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 selama 3 hari pada 10 November hingga 12 November 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak. Program ini menyediakan peluang pekerjaan dan padanan kerja antara majikan dan pencari kerja dengan kerjasama PERKESO secara:

- Temuduga terbuka (*Walk In Interview*).
- Padanan kerja yang akan dibuat melalui pendaftaran MYFutureJobs.

Program ini melibatkan penyertaan sebanyak 15 syarikat daripada pelbagai sektor ekonomi seperti perkhidmatan, peruncitan, makanan, kewangan, insurans, kejuruteraan, perladangan, perkilangan/ industri, hartanah dan farmaseutikal dengan 300 peluang pekerjaan. Berikut adalah pencapaian keseluruhan Program Karnival Kerjaya MYFUTUREJOBS sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023.



GERAN AGROPRENEUR MUDA (GAM)

Geran Agropreneur Muda (GAM) adalah bantuan daripada Kerajaan kepada usahawan muda bagi membantu mereka meminimalkan kos kewangan dalam menjalankan perniagaan. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksimum RM20,000 per individu) dan tidak perlu dibayar balik. Geran Agropreneur Muda dipanjangkan kepada graduan pertanian dari Pusat Bertauliah di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) sebagai pemangkin untuk menggalakkan lepasan graduan pertanian menggunakan ilmu yang dipelajari di Pusat Bertauliah untuk membangunkan perniagaan berasaskan pertanian bagi menjana sumber pendapatan.

Bagi tahun 2023, BPKLP telah diperuntukkan sebanyak 20 unit kuota Geran Agropreneur Muda untuk dipohon oleh lepasan graduan. Sebanyak 14 permohonan telah diluluskan meliputi sektor tanaman, penternakan, perikanan dan industri asas tani. Berikut adalah pencapaian Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi tahun 2023 mengikut Pusat Bertauliah di bawah KPKM.

Pusat Bertauliah	Jumlah Kelulusan GAM
Kolej Pertanian Malaysia	-
Kolej Perikanan Sultan Nazrin	-
Institut Veterinar Malaysia	-
Institut Teknologi Unggas	-
Institut Pertanian Ayer Hitam	2
Institut Pertanian Bumbung Lima	1
Institut Pertanian Sarawak Semongok	2
Institut Latihan FAMA Kota Bahru	3
MADA Rice Training Centre	1
Pusat Latihan Mardi Serdang	-
Institut Pertanian Titi Gantong	3
Institut Pertanian Serdang	2
Institut Pertanian Kuala Lipis	-
Akademi Perikanan Malaysia	-

Jadual 13 : Pencapaian Geran Agropreneur Muda 2023 dari Pusat Bertauliah seliaan KPKM.

BAHAGIAN ANTARABANGSA (AB)

OBJEKTIF BAHAGIAN ANTARABANGSA

- Mengoptima dan memanfaatkan hubungan dan kerjasama dengan negara-negara / organisasi luar negara bagi membangunkan dan memartabatkan imej sektor agromakanan negara di peringkat antarabangsa; dan
- Menerokai pasaran global bagi produk-produk agromakanan dan industri asas tani.

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN ANTARABANGSA

- Memperkukuh hubungan Malaysia dengan negara/ organisasi luar di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala dalam bidang agromakanan bagi pembangunan sektor agromakanan negara agar berdaya maju, moden dan dinamik;
- Mengadakan perundingan bagi memperolehi akses pasaran global bagi produk agromakanan Malaysia agar menjadi negara pengesport produk makanan terkemuka dunia;
- Menjaga kepentingan negara dari segi dasar agromakanan di peringkat antarabangsa; dan
- Mengadakan kerjasama teknikal di peringkat antarabangsa untuk pemindahan teknologi terkini, pertukaran maklumat dan program / projek kerjasama dalam bidang agromakanan.

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE REPUBLIK RAKYAT CHINA, 25 HINGGA 29 APRIL 2023

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China dari 25 hingga 29 April 2023 sempena menghadiri *ASEAN China Year of Agricultural Development and Food Security Cooperation* in Beijing and Shandong Province, RRC dan seterusnya mengadakan Lawatan industri ke Jinan, *Shandong Province* dan *Hulunbuir Agricultural Reclamation Group Information Center* di *Inner Mongolia Autonomous Region*, RRC.


Program ASEAN – *China Year of Agricultural Development and Food Security Cooperation 2023* merupakan inisiatif Kerajaan China untuk terus memberi fokus kepada aktiviti pembangunan pertanian dan bidang-bidang yang menjadi tumpuan antarabangsa dan serantau. YB Menteri telah menyampaikan ucapan dan bertemu dengan TYT Ma Youxiang, Timbalan Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar (MARA), China bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama pertanian Malaysia – China dengan mengoptimumkan kelebihan platform ASEAN. YB Menteri telah dijemput oleh *Chinese Academy of Sciences (CAS)* dan syarikat Spacegen untuk melawat *Hulunbuir Agricultural Reclamation Information Center*, yang turut menempatkan pasar raya *Hulunbuir State Farm*. Pasar raya di pusat berkenaan turut memasarkan pelbagai hasil pertanian termasuklah produk ternakan lembu tenusu, telur, minyak kanola,

buah-buahan dan sayur-sayuran yang diusahakan di Hulunbuir serta menempatkan pusat kawalan teknologi pertanian digital Agricultural Information Integrated Management Platform (AIIMP) yang berteraskan kecerdasan buatan (AI) dan data raya yang dibangunkan bersama oleh CAS dan syarikat *Spacegen*.

Sistem ini telah digunakan untuk menggerak dan memantau operasi ladang seluas satu juta hektar. Hulunbuir State Farm juga menggunakan teknologi 3S yang menggabungkan sistem penderiaan jauh (remote sensing), sistem maklumat geografi (GIS) dan sistem satelit navigasi global (GNSS) yang merangkumi teknologi penderiaan di angkasa, udara dan darat. Bagi pengoperasian di ladang, sistem ini turut melibatkan penggunaan teknologi dron dan *Driverless Guided Tractor System*.



YB Menteri KPKM menyampaikan ucapan di ASEAN – China Year of Agricultural Development and Food Security Cooperation.



YB Menteri KPKM mengadakan Kunjungan hormat ke atas TYT Ma Youxiang, Timbalan Menteri Pertanian dan Hal Ehwat Luar Bandar (MARA).



YB Menteri KPKM dan delegasi mengadakan lawatan ke Hulunbuir Agricultural Reclamation Information Center.

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE RUSIA, 15 – 22 MEI 2023

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengetuai delegasi Malaysia bagi mengadakan lawatan kerja ke Rusia dan menyertai *The 14th International Economic Forum "Russia – Islamic World: KazanForum"* 2023 dari 15 hingga 22 Mei 2023. Penganjuran *KazanForum* 2023 ini julung kalinya diadakan setelah diangkat menjadi salah satu forum ekonomi peringkat Persekutuan Rusia dan menjadi forum terbesar bagi diskusi antara Rusia dan negara-negara Islam. YB Menteri telah mengadakan pertemuan dengan SS Ravil Gaynutdin, Mufti Besar Rusia dan telah dianugerahkan *Medal of Spiritual Unity* oleh SS Ravil Gaynutdin yang juga merupakan Pengerusi Muslim *Spiritual Board*, Rusia. Anugerah ini merupakan manifestasi penghargaan masyarakat Muslim Rusia ke atas usaha YB Menteri dalam meningkatkan perpaduan ummah sekali gus memperkukuh kerjasama antara Malaysia dan Rusia dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang pertanian, keterjaminan makanan dan potensi kerjasama industri halal.



Perjumpaan YB Menteri KPKM dengan SS Ravil Gaynutdin, Mufti Besar Rusia dan telah dianugerahkan dengan *Medal of Spiritual Unity*.

Seterusnya, YB Menteri telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya iaitu TYT Dmitry Patrushev, Menteri Pertanian Persekutuan Rusia di Bangunan Kementerian Pertanian Persekutuan Rusia pada 17 Mei 2023 di mana kedua-dua buah negara menyatakan komitmen untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan melalui Memorandum Persefahaman (MoU).



Mesyuarat Dua Hala antara YB Menteri KPKM dan TYT Dmitry Patrushev, Menteri Pertanian Rusia.

YB Menteri diberikan penghormatan menyampaikan ucaptama semasa Sesi plenary: Ekonomi Teras – Kerjasama antara Rusia dan Negara-Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 19 Mei 2023. Sesi plenary ini diadakan bersama Timbalan-Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Rusia, Ketua Republik Tatarstan dan pemimpin negara OIC. Beliau berkongsi mengenai kepentingan industri halal negara dan kepentingan bekerjasama dengan semua pihak terutamanya dalam bidang R&D dan digitalisasi pertanian. Lawatan kerja di Rusia diteruskan lagi dengan mesyuarat dua hala dengan Menteri Pertanian dan Makanan Republik Tatarstan di bangunan ikonik Kementerian Pertanian dan Makanan, Republik Tatarstan. Republik Tatarstan merupakan pengeluar utama produk tenusu, input makanan haiwan serta antara peneraju utama digitalisasi pertanian di Persekutuan Rusia



Mesyuarat Dua Hala Antara YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia dan Menteri Pertanian dan Makanan Republik Tatarstan.

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BAGI MENGHADIRI PERSIDANGAN FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION (FAO) SESI KE-43 DI ROM, ITALI, 3 HINGGA 5 JULAI 2023

YB Menteri memulakan jadual lawatan kerja dengan menghadiri Persidangan Ke-43 *Food and Agriculture Organization*, Rom, Itali yang bertemakan “*Water Resources Management for the Four Betters: Better Production, Better Nutrition, Better Environment and Better Life, to achieve Agenda 2030 and The Sustainable Development Goals*”. Persidangan FAO yang diadakan setiap dua tahun sekali ini telah membincang dan merumuskan agenda FAO melalui tiga sesi utama iaitu *Plenary Session (Ministerial Level)*, *Commission I (Working Group Level)* dan *Commission II (Working Group Level)*.

Semasa sidang Plenary, YB Menteri telah menyampaikan kenyataan negara di bawah tajuk “*Integrated Water Resources Management*” di mana beliau telah menyatakan pendirian dan komitmen Malaysia terhadap agenda yang dibawa oleh FAO pada kali ini khasnya tadbir urus air yang baik bagi mencapai kelestarian pengurusan sumber air dan pengurusan risiko banjir yang berkesan dan berdaya tahan.

Lawatan kerja YB Menteri di Itali diteruskan dengan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya iaitu TYT Francesco Lollobrigida, Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali di Ibu Pejabat FAO pada 3 Julai 2023 dan seterusnya dengan TYT Dr. Qu Dongyu, Ketua Pengarah FAO di Ibu Pejabat FAO.



YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyampaikan kenyataan negara di bawah tajuk “*Integrated Water Resources Management*”



Mesyuarat Dua Hala antara YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia dengan Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali.



Sesi Kunjungan Hormat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan TYT Dr. Qu Dongyu, Ketua Pengarah Food and Agriculture Organization (FAO).

Kementerian pada masa yang sama juga turut menganjurkan promosi produk agromakanan dan buah-buahan tempatan dengan kerjasama dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kedutaan Malaysia di Rom. Program ini dianjurkan sebagai salah satu usaha berterusan Kementerian untuk meningkatkan eksport produk dan hasil bersasar, selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) di bawah Teras Dasar 2 iaitu Meningkatkan Hasil Keluaran yang Mempunyai Permintaan Tinggi dan Produk Berorientasikan Eksport.



YB Menteri KPKM memberikan kata alu-aluan semasa program Promosi Pemasaran Produk Agromakanan dan Buah-buahan Tempatan dengan Kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Program promosi yang bertemakan “An Evening with Malaysia’s Agroproducts in Rome” ini telah diadakan di perkarangan Kedutaan Besar Malaysia di Rom pada 4 Julai 2023. Program ini turut dihadiri oleh tetamu kehormat yang terdiri daripada komuniti diplomatik termasuk Duta-duta Negara ASEAN, Wakil-wakil Tetap di FAO, komuniti diaspora Malaysia serta pihak swasta di Itali.



YB Menteri KPKM bergambar bersama komuniti diplomatik termasuk Duta-duta Negara ASEAN, Wakil-wakil Tetap di FAO, komuniti diaspora Malaysia serta pihak swasta di Itali.

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE HUNGARY, 6 HINGGA 8 JULAI 2023

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta delegasi telah mengadakan lawatan kerja ke Hungary dan mengadakan kunjungan hormat ke atas rakan sejawatnya TYT Dr. István Nagy, Menteri Pertanian Hungary pada 6 Julai 2023 di Budapest. YB Menteri mengalu-alukan kerjasama dengan Hungary dalam sektor pertanian terutamanya bagi akses pasaran produk pertanian kedua-dua negara serta dalam bidang R&D serta teknologi pertanian. Sesi perbincangan tersebut selanjutnya diteruskan dengan sesi menandatangani MoU dalam bidang pertanian antara Malaysia dan Hungary oleh kedua-dua pemimpin. Dengan termeterainya MoU ini, ia akan menjadi platform yang kukuh untuk kerjasama bidang pertanian dan keselamatan makanan yang lebih meluas dengan membolehkan aspek teknikal terutamanya dalam bidang R&D, sains dan teknologi, pengukuhan kemahiran dan kepakaran sumber manusia, pendidikan serta akses pasaran dapat dibincangkan di bawah platform rasmi membolehkan kedua-dua negara merangka program-program pengukuhan dan kerjasama baharu yang bersesuaian.



Sesi menandatangani MoU dalam bidang pertanian antara Malaysia dan Hungary.

Selain itu, YB Menteri berkesempatan mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas TYT István Jakab, Timbalan Yang di-Pertua Parlimen Kerajaan Hungary di mana kedua-dua pemimpin itu berkongsi pandangan akan kepentingan usaha sama kedua-dua negara dalam bidang latihan, pendidikan serta R&D.



YB Menteri KPKM mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas TYT István Jakab, Timbalan Yang di-Pertua Parlimen Kerajaan Hungary.

LAWATANKERJA OLEH YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE SINGAPURA, 26 HINGGA 28 JULAI 2023

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyetujui delegasi Malaysia bagi mengadakan lawatan kerja ke Singapura dari 26 hingga 28 Julai 2023. Beliau memulakan jadual lawatan kerja dengan mengadakan perbincangan bersama SFA, A*STAR dan Enterprise Singapore di Kementerian Luar Negeri, Singapura yang turut dihadiri oleh TYT Dato' Dr Azfar Mustafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura.



YB Timbalan Menteri KPKM mengadakan sesi Perbincangan Meja Bulat dengan Singapore Food Agency (SFA), A*Star dan Enterprise Singapore

Seterusnya, YB Timbalan Menteri telah merasmikan Malaysia Fest 2023 di Changi Expo, Singapura pada 27 Julai 2023 yang disertai seramai 278 usahawan dari Malaysia. Malaysia Fest merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh FAMA bagi mempromosikan produk pertanian dan makanan tempatan di pasaran Singapura. Malaysia Fest 2023 telah berlangsung selama empat hari bermula dari 27 hingga 30 Julai 2023 dan telah mencatat nilai jualan langsung sebanyak RM17.8 juta iaitu 128% melebihi jualan pada tahun 2022 sebanyak RM7.8 juta. Ini merupakan penganjuran terbesar ekspo tersebut sejak penganjuran pertama pada tahun 2016.



YB Timbalan Menteri KPKM menyampaikan ucapan semasa Majlis Perasmian Malaysia Fest 2023 di Changi Expo, Singapura.

YB Timbalan Menteri juga telah bertemu TYT Dr Koh Poh Koon, Menteri Kanan Kelestarian dan Alam Sekitar, Singapura. Perkara yang dibincangkan termasuk pengalaman pihak Singapura dalam menangani krisis makanan global serta keupayaan negara tersebut untuk bersaing dalam sektor pertanian dan makanan dengan negara luar.



Perjumpaan YB Timbalan Menteri KPKM dengan TYT Dr. Koh Poh Koon, Menteri Kanan Kelestarian dan Alam Sekitar, Singapura.

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan delegasi turut berpeluang melawat industri pertanian moden yang mempromosikan dan meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran domestik di Singapura.



YB Timbalan Menteri KPKM dan delegasi mengadakan lawatan ke Industri Pertanian Moden.

LAWATAN YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE EIGHTH ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION FOOD SECURITY MINISTERIAL MEETING, SEATTLE, WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT, 3 OGOS 2023

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan delegasi telah menghadiri *The Eighth Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (APEC)* pada 3 Ogos 2023. APEC merupakan forum ekonomi serantau yang dibentuk pada tahun 1989 bertujuan memanfaatkan kesalingbergantungan di rantau Asia Pasifik. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Jabatan Pertanian Amerika Syarikat, TYT Thomas J. Vilsack. Amerika Syarikat adalah tuan rumah bagi mesyuarat APEC 2023 dengan tema "*Creating a Resilient and Sustainable Future for All*".

Semasa mesyuarat tersebut, YB Menteri telah menyatakan sokongan Malaysia terhadap empat prinsip di dalam Principles Document. Prinsip tersebut adalah selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) yang memberi penekanan sepenuhnya terhadap sistem agromakanan yang mampan dan berdaya tahan ke arah pengukuhan keterjaminan makanan serta nutrisi yang berterusan untuk rakyat.



YB Menteri KPKM di Eighth Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (8th FSMM).



YB Menteri dan Ketua Setiausaha KPKM di Eighth Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (8th FSMM).

YB Menteri juga telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan Setiausaha Pertanian Amerika Syarikat di Hotel Sheraton Grand Seattle di mana beliau telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Amerika Syarikat dalam sektor pertanian terutamanya dalam bidang robotik, dron dan kaedah memanjangkan jangka hayat produk pertanian.



Mesyuarat Dua Hala antara YB Menteri KPKM dengan Setiausaha Pertanian Amerika Syarikat, TYT Thomas J Vilsack.

Seterusnya, YB Menteri turut mengadakan lawatan ke *Salmon Education Center di Ballard Locks Fish Ladder* yang merupakan sebuah struktur binaan empangan di Teluk Salmon, Seattle yang mempunyai fungsi seperti mengekalkan paras air tawar Tasik Washington dan Tasik Union, mengelakkan percampuran air laut dengan air tawar (pencerobohan air masin) dan memindahkan bot atau kapal dari paras air di tasik ke paras air laut dan sebaliknya.



Lawatan Lapangan ke Salmon Education Center, Ballard Locks Fish Ladder



Joint Working Group - JWG yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM.

MESYUARAT KETIGA KUMPULAN KERJA BERSAMA (JOINT WORKING GROUP - JWG) MALAYSIA-DENMARK DALAM BIDANG PERTANIAN COPENHAGEN, DENMARK 22 HINGGA 24 OGOS 2023

Di bawah rangka kerja Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Kerjasama Pertanian antara Malaysia dan Denmark yang ditandatangani pada 21 September 2016 di Copenhagen, Denmark, kedua-dua negara bersetuju untuk menganjurkan mesyuarat tahunan Kumpulan Kerja Bersama (*Joint Working Group*-JWG) Malaysia-Denmark dalam bidang pertanian secara bergilir. Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk membincangkan kerjasama pertanian antara Malaysia dan Denmark seperti yang digariskan dalam MoU. Mesyuarat pada kali ini memfokuskan kepada industri ternakan dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar).

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE REPUBLIK RAKYAT CHINA, 14-18 SEPTEMBER 2023

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China (RRC) susulan jemputan daripada GACC untuk menghadiri Persidangan Kerjasama Keselamatan Makanan Import dan Eksport di bawah Inisiatif *Belt and Road* (BRI). Persidangan ini merupakan julung kalinya diadakan bertujuan untuk mempromosikan pengiktirafan bersama kepada konsep pengurusan keselamatan makanan import dan eksport di kalangan negara BRI melalui perkongsian pengalaman dan cabaran selain potensi kerjasama yang boleh dijalinkan pada masa hadapan antara GACC dan negara di bawah BRI.

Selain itu, YB Timbalan Menteri telah menghadiri *7th China ASEAN Agricultural Cooperation Forum* pada 16 September 2023 di mana beliau telah membentangkan kertas perkongsian Malaysia bertajuk "*Policy and Investing in Malaysia's Agrofood Sector*" dalam forum ini yang turut dihadiri Menteri-Menteri Pertanian dan pegawai-pegawai kanan daripada negara-negara ASEAN.



YB Timbalan Menteri KPKM membentangkan kertas perkongsian Malaysia bertajuk "*Policy and Investing in Malaysia's Agrofood Sector*"

YB Timbalan Menteri seterusnya mengadakan mesyuarat dua hala bersama Mr. Zhou Wenyi, Ketua Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa, GACC pada 15 September 2023 di Hotel Shangri-La Nanning. Semasa mesyuarat tersebut, Mr. Zhou Wenyi telah menyatakan kesediaan GACC untuk bekerjasama erat dengan KPKM dalam sanitari dan fitosanitari (SPS). Kerjasama ini melibatkan akses pasaran untuk buah-buahan tropika, sarang burung walet dan minyak sawit serta lain-lain komoditi yang berpotensi dengan syarat komoditi tersebut hendaklah memenuhi kriteria keselamatan makanan yang ditetapkan GACC. Komitmen kerjasama ini telah diterjemahkan oleh GACC melalui pemeteraian protokol akses pasaran buah nangka dan makanan akuakultur yang telah ditandatangani pada 1 April 2023.




YB Timbalan Menteri KPKM dan delegasi mengadakan mesyuarat dua hala bersama GACC di Hotel Shangri-la Nanning.

YB Timbalan Menteri turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya iaitu TYT Ma Youxiang, Timbalan Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, China pada 16 September 2023 di Wuxiang Resort, Nanning. Beliau menyatakan kesediaan Kementerian Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar (MARA) untuk bekerjasama dengan Malaysia ke arahmencapai keterjaminan makanan.

Mereka seterusnya mengunjungi Pameran Perdagangan China-ASEAN Expo (CAExpo) 2023 di Nanning, Guangxi, China pada 16 dan 17 September 2023. Pejabat Perwakilan Pertanian (PPP) di Beijing, China turut terlibat dengan penyertaan sebanyak lima buah syarikat berkaitan agromakanan iaitu Greenstone R&D Biotech Sdn. Bhd., Regalmart International Sdn. Bhd., JL Food Industries Sdn. Bhd., Nest World Sdn. Bhd. dan Tastiway Sdn. Bhd. di bawah reruai KPKM.



YB Timbalan Menteri KPKM dan delegasi Malaysia di booth KPKM di Pavilion Malaysia di CAExpo 2023



YB Timbalan Menteri KPKM mengadakan mesyuarat dua hala bersama TYT Ma Youxiang, Timbalan Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, RRC.

Selain itu, YAB Perdana Menteri telah merasmikan Pavilion Malaysia pada 17 September 2023 dan seterusnya melancarkan Program Percubaan Eksport Buah Nangka Malaysia ke RRC di reruai KPKM bersama-sama YB Timbalan Menteri. Majlis pelancaran tersebut turut dihadiri oleh YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dan Timbalan Menteri Luar Negeri serta wakil pegawai-pegawai China.



YAB Perdana Menteri melancarkan pengeksportan percubaan pertama nangka Malaysia ke China di reruai KPKM sempena CAExpo 2023.

YB Timbalan Menteri dan delegasi telah mengadakan lawatan industri ke China–Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP) pada 18 September 2023. CMQIP merupakan kolaborasi penting antara China dan Malaysia dalam bidang pembangunan industri yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.



Delegasi Malaysia bergambar bersama barisan Pengurusan China–Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP)

PENGANJURAN MESYUARAT ANTARABANGSA SEPERTI BERIKUT :

- a. Mesyuarat Kali Ke-45 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN dan Mesyuarat Lain Berkaitan, 2 – 6 Oktober 2023, Kuala Lumpur;
- b. Mesyuarat Kali Ke-23 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Campur Tiga dan Mesyuarat Lain Berkaitan, 2 – 6 Oktober 2023, Kuala Lumpur;
- c. Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN-Jepun, 4 Oktober 2023, Kuala Lumpur; dan
- d. Mesyuarat Kali Ke-8 Peringkat Menteri-Menteri ASEAN-China mengenai Sanitari dan Fitosanitari, 6 Oktober 2023, Kuala Lumpur.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat kali ke-45 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (*The 45th ASEAN Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry – AMAF*) dan mesyuarat lain berkaitan di Kuala Lumpur dari 2 hingga 6 Oktober 2023, Mesyuarat kali ke-23 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Campur Tiga (*The 23rd AMAF Plus 3 Meeting*), Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN – Jepun (*The 1st ASEAN – Japan Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry – The 1st AJMAF*) dan Mesyuarat kali ke-8 Peringkat Menteri-Menteri ASEAN – China mengenai Sanitari dan Fitosanitari.

YB Menteri telah dilantik sebagai Pengerusi AMAF, manakala YB Timbalan Menteri telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai delegasi Malaysia seramai 40 orang pegawai. Selain pegawai daripada KPKM dan agensi di bawahnya, pegawai daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim turut menyertai delegasi Malaysia.



YB Menteri KPKM telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Kali Ke-8 Peringkat Menteri-Menteri ASEAN-China Mengenai Kerjasama SPS dengan TYT Zhao Zenglian, Ahli Jawatankuasa CPC GACC

Majlis Perasmian Mesyuarat kali ke-45 AMAF dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan telah disempurnakan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri pada 4 Oktober 2023. Dalam ucapan perasmian sebagai wakil Pengerusi AMAF, beliau telah menekankan kepentingan untuk AMS menjaga kemampanan sektor pertanian dan perhutanan, demi kesejahteraan sosioekonomi komuniti ASEAN serta kemajuan pembangunan mampan di rantau ini.



Timbalan Menteri KPKM merasmikan Mesyuarat kali ke-45 AMAF dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan.

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, selaku Pengerusi SOM AMAF telah membentangkan Laporan dan Syor Pengerusi SOM AMAF. Laporan ini mengesyorkan supaya Kumpulan Kerja Badan Sektoral ASEAN (ASWG) terus melaksanakan keutamaan pencapaian dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan (*food, agriculture and forestry* – FAF) bagi memastikan sektor tersebut terus mampan dan berdaya tahan. Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN – Jepun (AJMAF) yang diadakan pada 4 Oktober 2023 telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri selaku Pengerusi AMAF dan TYT Miyashita Ichiro, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Jepun. Mesyuarat julung kali ini bertujuan untuk membincangkan mekanisme pelaksanaan Pelan Kerjasama Midori ASEAN – Jepun.

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga telah mempengerusikan Mesyuarat kali ke-23 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Campur 3 yang melibatkan 10 AMS, Setiausaha Agung ASEAN, Timor Leste selaku pemerhati dan tiga rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun dan Korea pada 6 Oktober 2023. Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar, Korea, serta Menteri Kesatuan, Pertanian, Penternakan dan Saliran, Myanmar telah hadir secara atas talian.

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan selaku Pengerusi AMAF telah mempengerusikan Mesyuarat kali ke-8 Peringkat Menteri-Menteri ASEAN – China mengenai SPS secara bersama dengan TYT Zhao Zenglian, Ahli Jawatankuasa *Communist Party of China (CPC) General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC)* pada 6 Oktober 2023 di Kuala Lumpur. Dalam ucapan alu-aluan, Pengerusi AMAF menyampaikan penghargaan kepada pihak GACC di atas sokongandan kerjasama dalam bidang SPS, antaranya fasiliti perdagangan produk pertanian ASEAN-China serta pembangunan laman web *China-ASEAN SPS Cooperation*.

Selain mesyuarat-mesyuarat AMAF, KPKM turut mengadakan acara dan aktiviti sampingan dengan penglibatan seramai 168 orang delegasi. YB Menteri selaku Pengerusi AMAF telah menyambut Pemimpin AMAF bersama delegasi semasa lawatan ke Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA). Pemimpin AMAF serta delegasi telah menyaksikan aktiviti penanaman padi menggunakan jentera transplanter, penyemburan racun menggunakan dron dan penghasilan baja kompos daripada jerami padi bagi mempromosi pertanian moden, teknologi pendigitalan dan kitaran ekonomi industri padi. Pemimpin AMAF Campur 3 diraikan dalam Majlis Makan Malam Gala.

Selain itu, KPKM turut menganjurkan Majlis Makan Malam Gala pada 5 Oktober 2023 untuk meraikan pemimpin AMAF, Menteri Pertanian dari negara Campur 3, rakan dialog, Duta Timor-Leste ke Malaysia, semua delegasi AMS, wakil dari badan antarabangsa, Majlis Perdagangan ASEAN-EU dan Majlis Perdagangan ASEAN-US. Antara pengisian utama majlis adalah persembahan kebudayaan yang turut menampilkan bakat kanak-kanak dan promosi makanan tempatan.



Pemimpin AMAF dan Pemimpin negara Campur 3 bergambar cara ASEAN sempena Mesyuarat kali ke-23 AMAF Campur 3.



Demonstrasi aktiviti penanaman padi menggunakan jentera transplanter oleh YB Menteri.



Pemimpin AMAF dan Pemimpin negara Campur 3 bergambar cara ASEAN sempena Mesyuarat kali ke-23 AMAF Campur 3.

PENGANJURAN MAJLIS APRESIASI AMAF 2023 BERSAMA PETUGAS DAN SEKRETARIAT SEMPENA PENGANJURAN MESYUARAT AMAF TAHUN 2023

Penganjuran Mesyuarat AMAF Kali ke-45 dan mesyuarat lain berkaitan yang bertemakan *Growing Together. Advancing ASEAN Agriculture and Forestry for Sustainable Development* telah disertai negara-negara anggota ASEAN bersama China, Jepun serta Korea Selatan telah berlangsung dengan jayanya pada 2 hingga 5 Oktober 2023 di Kuala Lumpur. Sehubungan dengan hal itu, Majlis Apresiasi AMAF yang diadakan di Dewan A, MAEPS, Serdang pada 23 November 2023 ini diadakan bagi memberi pengiktirafan dan meraikan pegawai-pegawai KPKM dan kementerian luar yang terlibat dalam penganjuran Mesyuarat AMAF Kali ke-45 dan mesyuarat lain berkaitan.

YB Menteri yang diiringi oleh YB Timbalan Menteri KPKM, Datuk Chan Foon Hin, dan YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) telah meraikan serta menyampaikan sijil penghargaan kepada 15 orang wakil Jawatankuasa Kerja Mesyuarat AMAF kali ke-45 dan mesyuarat lain berkaitan yang telah hadir ke majlis tersebut. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan rasa berbangga dengan komitmen yang dipamerkan oleh para petugas dan barisan urus setia induk dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan serta jasa para petugas sepanjang tempoh 5 hari mesyuarat berlangsung. Beliau juga memaklumkan bahawa KPKM khususnya dan Malaysia amnya telah menjalankan tugas sebagai tuan rumah untuk penganjuran Mesyuarat kali ke-45 AMAF dan mesyuarat lain berkaitan dan sebagai Pengerusi AMAF dengan sangat cemerlang.



YB Menteri KPKM menyampaikan kata alu-aluan sempena Majlis Apresiasi AMAF 2023.



YB Menteri dan YB Timbalan Menteri KPKM bergambar bersama semua wakil Jawatankuasa Mesyuarat AMAF Kali ke-45.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PELABURAN (BDI)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Melaksanakan program-program penggalakan pelaburan dalam dan luar negara bagi meningkatkan pelaburan dalam bidang pertanian;
- b. Melaksanakan program-program promosi, pemasaran dan galakan pasaran bagi meningkatkan saiz pasaran produk pertanian dan agromakanan;
- c. Merangka dan menyelaras pelaksanaan fasilitasi aktiviti pengimportan dan pengeksportan produk pertanian;
- d. Merangka strategi serta menyelaras pelaksanaan program-program pembangunan perniagaan bagi membangunkan perniagaan tani yang maju dan berdaya saing;
- e. Mengawalselia serta menyelaras dana pembiayaan kerajaan kepada Agrobank; dan
- f. Mengurusetia dan memantau projek penswastaan di peringkat kementerian.

FUNGSI BAHAGIAN


- a. Menyelaras dan memantau urusan pelaburan *Foreign Direct Investment (FDI)* dan *Domestic Direct Investment (DDI)*;
- b. Menyelaras permohonan ke National Committee on Investment (NCI);
- c. Menyelaras pelaksanaan kawalan import serta fasilitasi protokol dan akses pasaran eksport produk pertanian;
- d. Merangka dan menyelaras pelaksanaan dasar berhubung perlindungan takaful untuk petani;
- e. Menyelaras peruntukan dan penyaluran dana, subsidi, insentif serta pembiayaan;
- f. Merangka sokongan kredit industri termasuk pembiayaan alternatif syarikat sektor agromakanan.
- g. Menentukan produk dan pasaran eksport yang berpotensi untuk diteroka serta strategi untuk meneroka pasaran baharu dan mengukuhkan pasaran.;
- h. Melaksanakan program promosi, penjenamaan, kerjasama perdagangan, risikan pasaran dan kolaborasi teknikal dalam sektor pertanian;
- i. Menyelaras pelaksanaan program pemasaran dan pengedaran dalam negara agar berjalan dengan lebih berkesan melalui outlet jualan jabatan/agensi;
- j. Merangka, menyelaras dan menyelia aktiviti di Agri Business Development Centre (BDC) bagi menyampaikan maklumat dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan pertanian dan makanan di Malaysia bagi golongan sasaran;
- k. Menyelaras perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program-program pembangunan perniagaan dalam bidang pertanian dan industri makanan; dan
- l. Memudahcara pelaksanaan projek Kerjasama Awam Swasta yang melibatkan kementerian/jabatan/agensi di bawah KPKM.

PENCAPAIAN UTAMA

PENGUKUHAN EKSPORT PRODUK AGROMAKANAN

Pada tahun 2023, Malaysia mencatatkan nilai eksport agromakanan berjumlah RM46.38 billion, peningkatan sebanyak 4.1% berbanding tahun 2022. Antara produk eksport Malaysia yang premium dan dikenali di peringkat antarabangsa adalah seperti Durian Musang King, Nanas MD2, Nangka Madu, Mangga Harum Manis, Sarang Burung Walit, produk ikan dan hasil ikan beku, lada hitam, kopi, teh, coklat dan sediaan koko. Pecahan eksport bahan makanan dari Malaysia pada tahun 2022 adalah seperti di **Carta 1**.

PECAHAN EKSPORT BAHAN MAKANAN DARI MALAYSIA PADA TAHUN 2023 (%)



Negara destinasi utama eksport produk agromakanan Malaysia pada tahun 2022 adalah Singapura, China, Indonesia, Thailand, Amerika Syarikat, Filipina, Jepun, Australia, Hong Kong dan Korea Selatan seperti di Jadual 1. Singapura merupakan destinasi eksport terpenting produk agromakanan Malaysia dengan nilai eksport sebanyak RM9.19 bilion pada tahun 2023 iaitu hampir satu perlima daripada keseluruhan eksport agromakanan negara. Ini diikuti rapat oleh China sebanyak RM6.24 bilion dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 12.69% berbanding Singapura sebanyak 7.95%.

10 NEGARA TERATAS DESTINASI EKSPORT PERTANIAN DARI MALAYSIA TAHUN 2022 DAN 2023 (RM JUTA)

NEGARA	2022	2023
Singapura	8,514.7	9,191.9
China	5,542.6	6,246.1
Indonesia	2,597.9	2,720.7
Thailand	2,477.8	2,709.2
Amerika Syarikat	1,883.0	1,960.0
Filipina	1,956.9	2,055.5
Jepun	1,686.8	1,628.8
Australia	1,582.1	1,558.2
Hong Kong	1,228.0	1,245.7
Korea Selatan	1,465.2	1,406.6
Negara-Negara Lain	13,594.3	15,656.9
JUMLAH	44,551.3	46,379.6

Secara amnya, terdapat dua kategori negara bagi pengeksporan produk agromakanan Malaysia iaitu kategori pertama, negara yang mengenakan syarat yang kurang ketat seperti Singapura, Hong Kong, Eropah, Timur Tengah, Kanada, Brunei dan Taiwan, manakala kategori kedua, negara yang mengenakan syarat yang ketat dan memerlukan rundingan dua hala untuk memersetujui protokol import seperti Amerika Syarikat, China, Australia, Korea Selatan, New Zealand dan Jepun.

Bagi pasaran ke China, antara produk yang telah mendapat akses pasaran adalah seperti durian sejuk beku, sarang burung walit (*raw and clean edible bird nest*), buah-buahan segar (betik, rambutan, manggis, longan dan tembikai), kelapa, bunga keratan serta produk sejuk beku ikan dan hasilan ikan. Mulai April 2023, China telah memberikan akses pasaran kepada dua produk dari Malaysia iaitu nangka segar dan makanan akuakultur. Dengan akses baharu ini, nilai eksport dijangka akan meningkat sebanyak RM50 juta setahun. Bagi pasaran eksport ke Jepun, produk-produk yang telah mendapat akses pasaran antaranya ialah buah-buahan (seperti durian, nanas, pisang, kelapa, mangga Harum Manis serta buah-buahan lain yang disejukbeku), sayur-sayuran (seperti bendi, salad, kobis serta sayur-sayuran lain yang disejukbeku), bunga keratan, produk ayam, itik, telur serta produk tenusu dan makanan yang sedia untuk dimasak/dimakan. Sementara itu, pasaran eksport ke Australia turut mendapat laluan untuk komoditi buah-buahan seperti durian, kelapa, nanas, nangka (yang diproses minima) dan juga keratan bunga serta makanan sedia untuk dimasak/dimakan.

PENINGKATAN NILAI PELABURAN

Bagi merealisasikan strategi di bawah DAN 2.0 untuk memperkukuh peranan Kementerian dalam menerajui pelaburan pertanian, usaha bagi memudahcara pelabur yang berpotensi telah dilaksanakan dan dipergiat merangkumi aspek panduan teknikal dan bantuan dana dengan kerjasama jabatan dan agensi berkompeten, serta menawarkan insentif galakan cukai.

Menyedari cabaran pihak swasta dalam menceburi sektor agromakanan terutama berkaitan keperluan modal yang tinggi selain risiko-risiko berkaitan, KPKM telah menawarkan Insentif Cukai Galakan Pengeluaran Bahan Makanan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 sebagai suntikan kepada syarikat pelaksana dan pelabur swasta dari dalam atau luar negara ke dalam bidang agromakanan. Bagi tahun 2023, fasilitasi secara terus kepada 31 syarikat yang memohon insentif galakan cukai telah dilaksanakan dengan penjana sejumlah RM575.9 juta potensi pelaburan baharu. Daripada jumlah tersebut, subsektor tanaman merekodkan nilai potensi pelaburan tertinggi sejumlah RM329.0 juta, diikuti subsektor akuakultur RM136.0 juta dan subsektor ternakan sejumlah RM110.9 juta. Selain memberi impak dalam memastikan keterjaminan makanan negara dan mewujudkan industri agromakanan yang berdaya saing, insentif galakan cukai ini juga secara langsung merangsang pembangunan sektor agromakanan yang diterajui oleh pihak swasta melalui penggunaan teknologi moden dan perkongsian kepakaran.

EXPORT MANAGEMENT COMPANY (EMC)

Usaha berterusan bagi memperkukuhkan luang pasaran global kepada produk-produk keluaran usahawan pertanian dan agromakanan bernilai tinggi sentiasa dilaksanakan secara agresif bagi menggalakkan produktiviti yang mampan di sepanjang rantai nilai perbekalan. Inisiatif ini merupakan kolaborasi strategik awam-swasta (*Public-Private Initiative*) dengan penglibatan pemain industri berkaitan yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengesport, pengimport luar negara dan pemasar di luar negara bertujuan untuk mengatasi permasalahan *market entry*, pemasaran dan promosi produk Industri Asas Tani di sesebuah negara pengimport.

Pembangunan Export Management Company (EMC) sebagai *market linker* dan *enabler* pemasaran produk pertanian dan agromakanan Malaysia bernilai tinggi di luar negara akan diberi fokus dan tumpuan pada tahun ini supaya pemasarannya lebih berfokus dan terarah di segmen pasaran yang mendatangkan pulangan yang berbaloi kepada pengusaha terlibat.

Sepanjang tahun 2023, inisiatif ini telah memberikan impak yang sangat signifikan kepada landskap pemasaran eksport industri makanan negara dengan pembangunan jenama tunggal di tiga negara sebagai payung kepada kepelbagaian jenama produk yang diperkenalkan di sesuatu pasaran memungkinan impak yang signifikan dan terarah kepada kemampuan dan daya tahan produk berkenaan di pasaran. Usaha pemasaran, publisiti dan penjenamaan produk Malaysia dikonsolidasikan sebagai jenama tunggal di pasaran-pasaran yang telah dikenal pasti yakni MyKitchen di Jepun, Natharvest di Amerika Syarikat dan Malay Aroi di Thailand. Sebanyak 115 *stock keeping unit* (SKU) produk tempatan telah dipasarkan melalui jenama ini yang melibatkan 21 usahawan pengeluar yang memperoleh manfaat pemasaran di tujuh (7) outlet perniagaan dan 12 platform jualan dalam talian.

Satu contoh program, semasa lawatan kerja Menteri KPKM ke Seattle, Washington, Amerika Syarikat pada 2 Ogos 2023, Menteri KPKM telah terlibat dalam pepadanan lapan (8) *stock keeping unit* (SKU) produk Peladang bersama EMC Malaysia di Amerika Syarikat (Syarikat Enescorp International). Hasil daripada pepadanan perniagaan tersebut, satu (1) penghantaran pertama lapan (8) SKU berkenaan telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2023 dan 13 SKU pada penghantaran kedua. Sehingga Disember 2023, sebanyak 50 SKU produk agromakanan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah berjaya dipasarkan di pasaran Amerika Syarikat di samping 12 syarikat IKS telah berjaya didaftarkan di bawah US Food & Drugs Administration (US FDA) bagi pematuhan keperluan standard regulatori Amerika Syarikat.

Inisiatif pengukuhan EMC ini telah dilaksanakan secara berterusan melalui agensi pemasaran produk pertanian bersama Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di luar negara. Sepanjang tahun 2023, 30 program perdagangan di luar dan dalam negara telah dilaksanakan dengan nilai jualan RM335.98 juta nilai jualan. Sepanjang tahun tersebut juga 1,167 SKU baharu diperkenalkan di pasaran global daripada 326 syarikat tempatan.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Program Khidmat Pemasaran KPKM (Program Ladang Kontrak 2.0) merupakan program sambungan dalam RMKe-12 yang menggantikan Program Ladang Kontrak MOA. Program ini merupakan satu program kerjasama di antara pemasar dengan pengeluar yang dipemudahcarakan oleh agensi/jabatan pembimbing KPKM. Sebagai balasan kepada persetujuan kerjasama tersebut, pihak pemasar dan pengeluar yang didaftarkan sebagai peserta program layak untuk menerima insentif/ kemudahan pemasaran yang ditawarkan melalui program ini. Program ini diwujudkan untuk memberi tumpuan kepada aktiviti khidmat pemasaran dengan membantu peserta bimbingan jabatan/agensi KPKM memasarkan hasil pertanian mereka. Bagi tujuan itu, sebanyak RM7.8 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2023 untuk diagihkan kepada empat agensi pemasaran KPKM iaitu FAMA, LPP, LPNM dan LKIM.

Objektif Program Khidmat Pemasaran KPKM (Program Ladang Kontrak 2.0) adalah seperti berikut:

Perkara	Pencapaian 2022
Bilangan Peserta	1,618
Bilangan Pemandanan/Perjanjian/Program jualan	4,833
Kuantiti Pemandanan/Perjanjian/Jualan (MT)	57,146
Nilai pemandanan/perjanjian/Jualan (RM)	153.69 juta

SKIM PEMBIAYAAN MIKROKREDIT OLEH AGROBANK - PEMBIAYAAN DANA PEMBIAYAAN AGROMAKANAN 3 (DPA 3)

Pada tahun 2023, DPA3 telah mendatangkan impak positif terhadap perkembangan sektor agromakanan negara dengan manfaat terus kepada usahawan-usahawan mengikut subsektor pertanian dalam negara seperti yang dicatatkan di Jadual berikut:

Sektor	Usahawan	Jumlah (RM juta)
Tanaman	4	5.25
Ternakan	4	4.90
Perikanan	1	0.25
Lain-lain	3	5.80
JUMLAH	12	16.2

Dengan adanya dana pembiayaan ini yang lebih spesifik, ia telah dapat membantu para petani, penternak, nelayan dan pengusaha dalam meningkatkan produktiviti tanaman/ternakan agar pengeluaran bahan makanan kekal stabil dalam memastikan keterjaminan makanan negara di paras selamat.

Sebanyak RM150 juta telah disalurkan kepada Agrobank pada 17 Oktober 2023. DPA3 telah meluluskan pembiayaan yang tinggi bagi **perusahaan kecil RM10.3juta (64%), perusahaan mikro sebanyak RM400,000 (2%) dan Perusahaan sederhana sebanyak RM5.5 juta (34%)** daripada jumlah keseluruhan kelulusan pembiayaan berjumlah RM16.2 juta. Lain-lain sektor diluluskan pembiayaan tertinggi sebanyak RM5.8juta (36%) dan diikuti oleh Sektor Tanaman (RM5.25 juta – 32%). Dengan penawaran kos pembiayaan yang lebih rendah berbanding DPA1 iaitu 3% termasuk 6 bulan moratorium, DPA3 dilihat telah membantu lebih banyak syarikat dari Perusahaan Mikro dan Kecil untuk menampung keperluan peningkatan kos perniagaan dan mengekalkan pengeluaran, seterusnya menyumbang kepada ketersediaan bekalan makanan.

PROGRAM/AKTIVITI BERIMPAK TINGGI

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI (SEKYEN MV)

Program Jualan Agro MADANI merupakan penjenamaan semula kepada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan Jualan Agro RAHMAH yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui tiga Agensi Pelaksana:

- a. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
- b. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); dan
- c. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Melalui program ini, ia adalah bukti keprihatinan Kerajaan dalam memastikan nasib golongan yang memerlukan sentiasa terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi; dan merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan akses dan ketersediaan bekalan produk makanan asas terpilih kepada pengguna pada harga berpatutan. Jualan Agro MADANI adalah salah satu program “quick win” KPKM dalam membantu para pengeluar memasarkan produk secara terus kepada pengguna dengan mengurangkan lapisan perantara pasaran dari sumber pengeluaran kepada pengguna melalui penglibatan Peserta Projek Bimbingan Agensi melalui program jualan di samping memberi ruang pasaran tambahan dan meningkatkan pendapatan Peserta Program Ladang Kontrak dan Usahawan dengan konsep jualan secara terus kepada pengguna.

Program Jualan Agro MADANI diadakan di lokasi-lokasi strategik seperti di outlet peruncitan agensi KPKM, sekitar kawasan perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kawasan bandar dan pinggir bandar yang berkepadatan tinggi dengan penduduk B40 dan M40. Selain itu, program jualan juga turut dilaksanakan di kompleks kerajaan (Kementerian/Agensi di sekitar Putrajaya).

Bahasa Malaysia | English

Portal Rasmi
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Soalan Lazim | Hubungi Kami | Aduan Maklum

LAMAN UTAMA | INFO KORPORAT | WARGA | SEKURITI MAKANAN | MEDIA | HUBUNGI KAMI

Program dan Inisiatif Kementerian / Jualan Agro MADANI / Pengenalan

Jualan Agro MADANI

Pengenalan

- Pengenalan
- Pelaporan
- Pelan Komunikasi
- Lokasi dan Tarikh Program
 - Kompleks Kementerian/ Agensi
 - Seluruh Negara
- Galeri Foto

Peta Lokasi
Direktori Kakitangan
Direktori Jabatan Dan Agensi

JUALAN AGRO MADANI

Pautan: <https://www.kpkm.gov.my//jualanagromadani>

Bagi tujuan hebahan, KPKM telah membangunkan laman mikro di Porta Rasmi KPKM yang bertujuan sebagai *one-stop centre* sebagai penyaluran informasi utama berkaitan Jualan Agro MADANI yang boleh dicapai menerusi carian online dengan menaip perkataan "Jualan Agro Madani". Laman mikro tersebut mengandungi maklumat terperinci termasuk Pengenalan, Jadual Pelaksanaan di setiap Kementerian/ Jabatan dan Seluruh Negara, Pelaporan Mingguan, Jadual Perancangan, Galeri Foto dan Soalan Lazim (FAQ). KPKM akan sentiasa mengemas kini laman mikro bagi memudahkan akses kepada orang ramai.

Sehingga **31 Disember 2023**, sebanyak **5,608 jumlah program** telah dilaksanakan di pelbagai lokasi dan kompleks Kementerian/Agensi Kerajaan dan Seluruh Negara, yang melebihi sasaran yang dirancang bagi tahun 2023 iaitu sebanyak 5,000 program.



Pelaksanaan jualan sepanjang tahun 2023 telah berjaya mengutip nilai jualan **RM93.74** juta dan penjimatan sebanyak **RM27.8** juta. Jumlah usahawan yang telah menyertai Program Jualan Agro MADANI adalah seramai **74,841** ribu usahawan dengan jumlah **2.90** juta pengunjung serta telah memberi manfaat kepada **11.6** juta isi rumah.

MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN KE TOKYO (SEKSYEN IV)

Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Tokyo, Jepun telah diadakan pada 1 hingga 5 November 2023 yang bertujuan untuk memperkasa ekosistem agromakanan negara melalui 5 kluster program utama seperti berikut:

Bil.	Kluster Program	Bilangan>Nama Syarikat
1.	Seminar pelaburan dan forum perniagaan (business forum) (Rabu) bertempat di TKP Garden City, Shibuya, Tokyo pada 1 November 2023	39
2.	Kunjungan Hormat ke atas H.E. Timbalan Menteri Hal Ehwal Antarabangsa Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun pada 2 November 2023	Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (MAFF) 1
3.	Promosi Perniagaan Dan Perdagangan In-store Promotion Don Quijote Nakameguro Honten, Tokyo pada 2 November 2023	Don Quijote Japan 1
4.	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha KPKM ke Syarikat Mirai Co. Ltd Plant Factory pada 3 November 2023	MIRAI Co. Ltd 1
5.	Malaysia Fair 2023, Shinjuku Park pada 3-5 November 2023	50
Jumlah Syarikat		92

Untuk misi kali ini, libat urus dengan 92 syarikat, individu perniagaan, pelabur dan Kementerian telah dilaksanakan bagi menjayakan keseluruhan segmen di atas yang menjurus kepada potensi pengukuhan kerjasama pelaburan agromakanan dua hala Malaysia dan Jepun. Delegasi misi ini telah diketuai oleh YBhg Datuk KSU KPKM yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama PPP Tokyo, MIDA Tokyo, MATRADE Tokyo, ECERDC, KUSKOP, KKDW dan FAMA Corporation.

Misi ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi dagangan Malaysia-Jepun terutama produk agromakanan dan industri halal agar terus meningkat secara konsisten terutama menjelang penganjuran acara bertaraf dunia di Jepun seperti World Expo Osaka 2025, Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026, Sukan Olimpik Musim Sejuk Hokkaido 2030 serta sasaran Jepun bagi menerima seramai 60 juta pelancong pada tahun 2030. Misi ini juga dilaksanakan antara lainnya sebagai langkah intervensi KPKM dalam menunjukkan komitmen serius Kerajaan terutama dalam isu bilateral Malaysia-Jepun. Antaranya penekanan kepada akses pasaran eksport produk poultri ke Jepun bagi memastikan prestasi eksport berjumlah USD3.4 juta (2022) tidak terjejas.

SEMINAR GALAKAN PELABURAN SEKTOR AGROMAKANAN

Peranan KPKM sebagai peneraju galakan pelaburan dalam sektor agromakanan turut diperkukuh melalui pelaksanaan Program Galakan Pelaburan dengan kerjasama strategik bersama jabatan, agensi serta pihak Koridor Ekonomi seperti NCIA, ECEDC, IRDA dan RECODA bagi mempromosi dan memberi pendedahan akan pelbagai bentuk insentif pelaburan dan khidmat sokongan teknikal yang disediakan oleh Kerajaan. Sejumlah lapan (8) program telah dilaksanakan secara interaktif melalui khidmat nasihat, pameran, seminar dan forum bagi menyebarkan capaian perkhidmatan galakan pelaburan Kerajaan.

PROMOSI PERDAGANGAN

Bil.	Nama Program	PPP	Tarikh	Tempat	Impak
1.	Taste of Malaysia: FBI International Night Quantico & Malaysian Festival Night, Ohio State University (In-Store Promotion)	WDC	22-26 Februari 2023	Maryland & Ohio, Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. MOU: tiada ii. Jualan: RM35,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 2,000 pengunjung 6 usahawan 17 SKUs
2.	Taste of Malaysia: Memphis in May Saluting Malaysia & Halal Expo Canada (In-Store Promotion)	WDC	10-18 Mei 2023	Memphis, Amerika Syarikat & Ottawa, Kanada	<ul style="list-style-type: none"> i. MOU: tiada ii. Jualan: RM350,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 4,500 pengunjung 10 usahawan 18 SKUs
3.	Skola Businest Training & US Market Immersion Program for LPP Agropenuer	WDC	16- 21 Mei 2023	Kuala Lumpur, Malaysia & Washington, D.C., Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. MOU: tiada ii. Jualan: RM150,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 25 usahawan 8 SKUs
4.	Summer Fancy Food Show 2023 (Pameran)	WDC	25- 27 Jun 2023	New York, Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. MOU: tiada ii. Jualan: RM350,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 3,500 pengunjung 2 usahawan 23 SKUs
5.	Networking Reception & Promotional Program For Malaysia Agroproducts and Agrotourism (In- Store Promotion)	WDC	18 Nov 2023	San Francisco, Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. MOU: tiada ii. Jualan: RM350,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 40 pengunjung 4 usahawan 31 SKUs

Bil.	Nama Program	PPP	Tarikh	Tempat	Impak
1.	The World Food And Beverage Great Expo 2023 (FABEX Japan)	Tokyo	12-14 April 2023	Tokyo Big Sight, Tokyo	1. Nilai Jualan : RM1.76 juta 2. Bilangan Syarikat menyertai: 14 3. Bilangan SKU: 150
2.	Program instore promotion Malaysia Fair 2023 (at Don Quijote)	Tokyo	Nov -Dis 2023	Nakameguro	1. Nilai Jualan : RM300 ribu 2. Bilangan Syarikat menyertai: 20 3. Bilangan SKU: 76
3.	Fruit Diplomacy Fresh Musang King	Tokyo	Mac - Dis 2023	Tokorozawa dan Tokyo	i. MOU: tiada ii. Jualan: RM150,000.00 iii. Bilangan pengunjung/syarikat yang menyertai : 25 usahawan 8 SKU
4.	Program Malaysia Fair 2023	Tokyo	3-5 Nov 2023	New York, Amerika Syarikat	1. Mempromosikan keunikan makanan dan buahan tropika kepada kehadiran sebanyak 50,000 (sepanjang 8 program) 2. Bilangan Syarikat menyertai: 4 3. Bilangan SKU: 11

Bil.	Nama Program	PPP	Tarikh	Tempat	Impak
1.	ANUFOOD China 2023	Beijing	10-12 Mei 2023	Shenzhen, China	i. 65 SKU ii. Jualan RM3,317,890.00 iii. Bilangan pengunjung: 800 orang iv. Syarikat yang menyertai : 7 Syarikat
2.	China-ASEAN Expo (CAEXPO) 2023	Beijing	16-19 Sep 2023	Nanning, China	i. 71 SKU ii. Jualan RM29,869,491.00 iii. Bilangan pengunjung : 1,100 orang iv. Syarikat yang menyertai : 5 Syarikat
3.	Seminar Exploring Malaysia's Agricultural Produce in the Vast Chinese Market	Beijing	18 Sep 2023	Nanning, China	i. Jualan RM3,864,691.00 ii. Bilangan Peserta :125 iii. Jumlah Business Meetings :10
4.	Sichuan Agricultural Expo (SAE)	Beijing	27-30 Okt 2023	Chengdu, China	i. 78 SKU ii. Jualan RM24,225,164.00 iii. Bilangan pengunjung : 1,200 orang iv. Syarikat yang menyertai: 7

Bil.	Nama Program	PPP	Tarikh	Tempat	Impak
1.	ANUFOOD China 2023	Beijing	10-12 Mei 2023	Shenzhen, China	<ul style="list-style-type: none"> i. 65 SKU ii. Jualan RM3,317,890.00 iii. Bilangan pengunjung: 800 orang iv. Syarikat yang menyertai : 7 Syarikat
2.	China-ASEAN Expo (CAEXPO) 2023	Beijing	16-19 Sep 2023	Nanning, China	<ul style="list-style-type: none"> i. 71 SKU ii. Jualan RM29,869,491.00 iii. Bilangan pengunjung : 1,100 orang iv. Syarikat yang menyertai : 5 Syarikat
3.	Seminar Exploring Malaysia's Agricultural Produce in the Vast Chinese Market	Beijing	18 Sep 2023	Nanning, China	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan RM3,864,691.00 ii. Bilangan Peserta :125 iii. Jumlah Business Meetings :10
4.	Sichuan Agricultural Expo (SAE)	Beijing	27 -30 Okt	Chengdu, China	<ul style="list-style-type: none"> i. 78 SKU ii. Jualan RM24,225,164.00 iii. Bilangan pengunjung : 1,200 orang iv. Syarikat yang menyertai: 7
5.	Jackfruit Promotion	Beijing	22,23, 25-26, 27-30 Oktober	Beijing, Xian, Chengdu	Mempromosi dan memperkenalkan Buah Nangka ke pasaran tempatan yang telah memperoleh Akses Pasaran pada 1 April 2023 dan penghantaran Nangka pertama ke China pada 17 September 2023.
6.	Malaysia Durian Festival 2023	Beijing	Majlis Perasmian: 29 Oktober 2022	Guangzhou	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat yang menyertai: 7 ii. Jualan :57,971 USD iii. Live Streaming Data: Total view of 1 million times in the Yi Zhi Bo live streaming platform.



Bil.	Nama Program	PPP	Tarikh	Tempat	Impak
1.	SEAFOOD EXPO GLOBAL (SEG) 2023	THE HAGUE	25-27 APRIL 2023	BARCELONA, SPAIN	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan -RM76 juta ii. Business matching – 26 syarikat dari seluruh Eropah iii. Syarikat yang menyertai- 10
2.	MALAYSIA FRUITS & FOODS EXPERIENCE (MFFE) 2023	THE HAGUE	15-16 SEPT 2023	MARKTHAL, ROTTERDAM NETHERLANDS	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan -RM30,000.00 ii. Business matching – 8 syarikat dari Netherlands iii. Bilangan pengunjung – 2,000 orang iv. Bilangan SKU : 35 v. Memperkenalkan bunga kantan kepada potensi
3.	MALAYSIAN TROPICAL FRUITS PROMOTION (MTFP) 2023, SCANDIC	THE HAGUE	21-22 SEPT 2023	MATVARLDEN, STOCKHOLM, SWEDEN	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan -RM25,000.00 ii. Business matching – 5 syarikat dari Sweden iii. Bilangan SKU : 25 iv. Bilangan pengunjung – 1,500 orang
4.	TASTE OF MALAYSIA (TOM) 2023, EASTERN EUROPE	THE HAGUE	20-21 OKT 2023	TAMDA UFTI, PRAGUE	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan -RM30,000.00 ii. Business matching – 5 syarikat dari Republik Check iii. Bilangan SKU : 30 iv. Bilangan pengunjung – 1,000 orang
5.	TASTE OF MALAYSIA (TOM) 2023, POLLAND	THE HAGUE	24-25 NOV 2023	WARSAW & KRAKOW, POLLAND	<ul style="list-style-type: none"> i. Jualan -RM30,000.00 ii. Business matching – 10 syarikat dari Polland iii. Bilangan SKU: 25 iv. Bilangan pengunjung – 500 orang





BAHAGIAN PEMODENAN PERTANIAN (BPP)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Melaksanakan hala tuju pemodenan sektor agromakanan ke arah menjayakan matlamat DAN 2.0 dan lain-lain dasar yang berkaitan; dan
- b. Meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam sektor agromakanan melalui peningkatan penerimgunaan teknologi.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Merangka, memantau dan menilai dasar, program dan projek pemodenan pertanian;
- b. Merangka hala tuju teknologi pertanian yang mampan dan berdaya saing;
- c. Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program inovasi pertanian ke arah menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam sektor agromakanan;
- d. Merancang dan mengurus Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan sejajar dengan hala tuju pemodenan negara;
- e. Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Projek Pertanian Moden (PPM) di Kluang;
- f. Menyelaraskan dan memantau aktiviti penyelidikan dan pembangunan pemodenan pertanian dalam sektor agromakanan; dan
- g. Menjalankan kolaborasi dengan Kementerian/Agensi berkaitan ke arah pemodenan sektor agromakanan.

KAJIAN PEMODENAN PERTANIAN – PATHWAY TOWARDS MODERNISING MALAYSIAN AGROFOOD SYSTEM THROUGH DIGITAL TRANSFORMATION DENGAN KERJASAMA WORLD BANK GROUP (WBG)

Bahagian Pemodenan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (BPP KPKM) dengan kerjasama The World Bank Group (WBG) telah menjalankan Kajian Pemodenan Pertanian – Pathway Towards Modernising Malaysian Agrofood System Through Digital Transformation yang bertujuan untuk menilai status semasa ekosistem pemodenan dan pendigitalan dalam sektor agromakanan di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah Program Kerjasama Teknikal Bank Dunia dengan Kerajaan Malaysia di bawah Framework Agreement for Reimbursable Advisory Services (FA RAS).

Sepanjang pelaksanaan kajian ini, beberapa sesi libat urus di antara pihak WBG bersama Bahagian, Jabatan dan Agensi KPKM telah diadakan bagi mendapatkan input dan gambaran keseluruhan terhadap program dan inisiatif yang telah dijalankan bagi mendokong agenda pemodenan dan pertanian pintar selaras dengan Teras 1, Dasar Agromakanan Negara, 2021 – 2030 (DAN 2.0). WBG seterusnya telah menghasilkan laporan dan pengesyoran kepada KPKM bagi meningkatkan adaptasi pendigitalan dalam sektor ini sebagai rujukan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi KPKM.



Sesi kunjungan hormat Ms. Anna Wellenstein, *Regional Director, Latin America and the Caribbean, Sustainable Development Practice Group* kepada Ketua Setiausaha KPKM.



Sesi kunjungan hormat Dr. Yasuhiko Matsuda, *Country Manager of Malaysia* kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM.



Sesi bengkel / *liat* urus wakil Bahagian, Jabatan dan Agensi KPKM bersama delegasi *World Bank*.

PROGRAM MEKANISASI DAN AUTOMASI AGROMAKANAN (M&A)

Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan (M&A) adalah satu inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi dalam sektor agromakanan yang merangkumi subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Program M&A adalah berbentuk perolehan jentera, pembekalan alat ganti jentera pertanian, pembangunan infrastruktur ladang dan kemudahan kejenteraan, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, kajian, promosi dan inovasi dalam bidang mekanisasi dan automasi pertanian melalui Jabatan dan Agensi di bawah KPKM untuk kegunaan golongan sasaran di seluruh negara.

Pada tahun 2023, seramai 58,813 orang di seluruh negara telah menerima manfaat daripada Program M&A yang berjumlah RM15 juta dengan pecahan seperti berikut :

Bil.	Subsektor	Nilai peruntukan (RM)	Penerima Manfaat (orang)
1.	Tanaman	10,312,000	53,509
2.	Ternakan	2,893,000	2,404
3.	Perikanan	1,260,000	1,684
4.	Industri Asas Tani	535,000	1,216
Jumlah		15,000,000	58,813



Penggunaan mekanisasi dan automasi mampu melonjakkan peningkatan hasil padi ke tahap yang lebih baik dengan meminimumkan kehilangan lepas tuai (*post harvest lost*) dan mengurangkan kos input pertanian dengan penggunaan teknologi pertanian tepat (*precision farming*).



Perolehan mesin peracik tanaman (chopper) dapat meningkatkan kecekapan pengurusan dan kapasiti pengeluaran makanan ternakan oleh para penternak lembu dan kambing di seluruh negara.




Kerja-kerja menaik taraf sistem mekanikal pam air bergerak di kawasan padi di luar jelang di seluruh negara dapat membantu meningkatkan mutu pengairan untuk industri padi negara.



Perolehan traktor generasi baharu dengan transmisi automatik jenis *full rubber track* mengatasi masalah tanah jertus.



Perolehan mesin penggredan ikan bilis membantu para pengusaha ikan bilis di seluruh negara dalam urusan penggredan ikan bilis mengikut saiz untuk dipasarkan.



PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM) KLUANG, JOHOR

Projek Pertanian Modern (PPM) di Kluang, Johor meliputi kawasan seluas 9,210 ekar yang menempatkan Pusat Pertanian Ayer Hitam, Institut Veterinar Malaysia, Pusat Ternakan Haiwan, Taman Kekal Pengeluaran Ruminan, PPM Ayer Hitam dan PPM Padang Hijau.


Di PPM Ayer Hitam dan PPM Padang Hijau, para peserta melaksanakan projek-projek agromakanan atau integrasi pertanian merangkumi subsektor tanaman singkat masa, ternakan ruminan dan akuakultur dengan menekankan penggunaan teknologi terkini.

Pada tahun 2023, terdapat seramai 28 peserta di PPM merangkumi:

- 17 peserta subsektor tanaman;
- 10 peserta subsektor ternakan; dan
- 1 peserta subsektor akuakultur.

PPM mencatatkan nilai pengeluaran hasil berjumlah RM51.4 juta bagi tahun 2023 seperti pecahan di bawah :

NILAI PENGELUARAN HASIL PPM TAHUN 2023





Projek-projek merangkumi sub-sektor tanaman, perikanan dan ternakan di PPM Kluang, Johor.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KPKM KE PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM) KLUANG, JOHOR

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Chan Foong Hin telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Pertanian Moden (PPM) di Kluang, Johor pada 20 Mei 2023.

YB Datuk Chan Foong Hin telah melawat beberapa peserta PPM iaitu:

- a. Hybrid Allied Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti ternakan ruminan;
- b. UTI Prestige (Asia) Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti ternakan ruminan;
- c. Xian Leng Holdings Bhd yang menjalankan aktiviti akuakultur;
- d. Zenxin Agri-Organic Food Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti tanaman organik dan agropelancongan;
- e. Angkasa Komardi Dairy Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti ternakan ruminan; dan
- f. Lembah Matanaga Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti tanaman nanas.



Lawatan kerja YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke atas peserta-peserta PPM Kluang.

LAWATAN KERJA YBHG. KETUA SETIAUSAHA KPKM KE PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM) KLUANG, JOHOR

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Pertanian Moden (PPM) di Kluang, Johor pada 16 September 2023.

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali telah melawat beberapa peserta PPM iaitu:

- a. UK Farm yang menjalankan aktiviti ternakan dan agropelancongan; dan
- b. Chin Sam Chiap Plantation yang menjalankan aktiviti tanaman.



Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM ke atas peserta-peserta PPM Kluang .



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Memastikan perancangan dan pembangunan organisasi yang mantap dan efektif.
- b. Memastikan pengurusan perkhidmatan sumber manusia yang cekap dan berkesan.
- c. Melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersikap positif melalui program latihan berkualiti.
- d. Memastikan keutuhan organisasi dan sumber manusia yang kompeten, berdisiplin serta bermotivasi.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Merancang tenaga kerja manusia dan pembaharuan organisasi kementerian.
- b. Mengurus pengambilan, pengisian jawatan, penempatan dan pertukaran pegawai bagi kementerian, jabatan dan agensi.
- c. Menguruskan dan menyelaras hal ehwal perkhidmatan pegawai kementerian, jabatan dan agensi.
- d. Menyelaras urusan kompetensi, pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai di kementerian, jabatan dan agensi.
- e. Melaksanakan penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan HRMIS di kementerian, jabatan dan agensi.
- f. Merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti latihan generik dan fungsian dalam dan luar negara.
- g. Menguruskan perkara berkaitan perkhidmatan kaunseling bagi pegawai kementerian, jabatan dan agensi.
- h. Mengurus hal ehwal Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

PENCAPAIAN UTAMA DAN PENGIKTIRAFAN SEPANJANG TAHUN 2023

Dalam usaha memperkasa penyampaian perkhidmatan, perancangan organisasi dari sudut tenaga kerja manusia perlu dirangka secara menyeluruh dan berkesan. Jumlah keseluruhan perjawatan di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut :

Bil.	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	JUMLAH			PERATUS PENGISIAN
		JAWATAN	ISI	KOSONG	
1.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1,778	1,597	181	90%
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)	2,500	2,144	356	86%
3.	Jabatan Pertanian (DOA)	3,121	2,609	512	84%
4.	Jabatan Perikanan (DOF)	2,590	2,365	225	91%
5.	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	550	527	23	96%
6.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	3,190	2,871	319	90%
7.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	3,054	2,552	502	84%
8.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	1,598	1,365	233	85%
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	2,585	2,311	274	89%
10.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	1,594	1,352	242	85%
11.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	1,024	821	203	80%
12.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	366	334	32	91%
JUMLAH		23,950	20,848	3,102	87%



BPSM juga telah melaksanakan Sesi Naziran bagi Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Latihan bagi memastikan tugas yang dilaksanakan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan peruntukan undang-undang semasa yang sedang berkuatkuasa di beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti berikut:

Bil.	TEMPAT NAZIRAN	TARIKH
1.	Unit Integriti	13 Apr 2023
2.	Bahagian Akaun	13 Apr 2023
3.	Bahagian Pembangunan Industri Padi	14 Apr 2023
4.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kalaka Saribas	10 Julai 2023
5.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar	11 Julai 2023
6.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Samarahan	12 Julai 2023
7.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud	13 Julai 2023

Selain itu, Seksyen Pengurusan Psikologi BPSM telah berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dari semasa ke semasa. Hasil daripada kesungguhan ini dapat dilihat dari pengiktirafan yang telah diterima sepanjang tahun 2023 seperti berikut :

- a. Penerimaan Sijil Penarafan 5 Bintang bagi Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) Tahun 2023 dari Jabatan Perkhidmatan Awam.
- b. Pencapaian terbaik AKRAB dan Pementoran KPKM iaitu dengan menyertai dan memenangi anugerah bersempena Konvenyen AKRAB Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2023. Berikut merupakan senarai penyertaan dan anugerah-anugerah yang telah dimenangi:



PENYERTAAN ANUGERAH AKRAB ORGANISASI

ORGANISASI GEMILANG	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
ORGANISASI INOVATIF	JABATAN PERIKANAN (DOF)
ORGANISASI DINAMIK	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

PENYERTAAN ANUGERAH AKRAB INDIVIDU

INDIVIDU BESTARI	MOHD ASRI BIN HJ BAHARUDIN (MARDI)
	ZULKEFLI BIN ABD RAHMAN (MARDI)
INDIVIDU PROAKTIF	MUHAMMAD AIZAT BIN HUSSNEY (MARDI)
	MOHAMMED SUHAIMEE BIN ABD. MANAF (DOF)
INDIVIDU UTAMA	CZAHARI@CZARHARI BIN MOHAMAD (MARDI)
	HASLINA BINTI JUNID (MADA)

PENYERTAAN ANUGERAH PEMENTORAN

MENTI TERBAIK

SITI AMIRA BINTI HAMDAN (KPKM)

MOHAMMAD SHAFIQ BIN MAT DAUD (FAMA)

NOOR AZYAN BINTI MUHAMMAD (DOA)

MENTOR TERBAIK

MOHAMED RIZAL BIN MUSTAFA@ MUSTAPHA (KPKM)

NURANIS MARHANA BINTI ABDUL AZIZ (FAMA)

NOR AZLINA BINTI JAMIL (DOF)

PEMENTORAN ORGANISASI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2023.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) KPKM

BPSM selaku urus setia MBJ Kementerian telah mengadakan Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2023 pada 10 Mac 2023 di Hotel Everly, Putrajaya dan mesyuarat ini merupakan mesyuarat MBJ pertama yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali setelah dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPKM. Mesyuarat MBJ Bil. 2 pula telah diadakan di Bilik Gerakan, Aras 7, Wisma Tani pada 20 Oktober 2023 yang turut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU manakala Mesyuarat MBJ Bil. 3 telah diadakan pada 20 Disember 2023 di Movenpick Hotel & Convention Centre dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk TKSU (D).

Kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pengurusan Kementerian dan Pihak Pekerja dalam mengemukakan pendapat dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernas telah berjaya meningkatkan keberkesanan forum MBJ.



Mesyuarat MBJ Bil. 1 2023



Mesyuarat MBJ Bil. 2 2023

Selain itu, BPSM sentiasa komited untuk memastikan KPKM mencapai KPI HRMIS dan selaku Pentadbir HRMIS untuk Kementerian serta jabatan dan agensi di bawahnya, beberapa siri bengkel dan program juga telah diadakan iaitu :

Bil.	Nama Program/Kursus	Tarikh
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia	21 Sept
2.	Bengkel Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience Share Bil 1/2023	28 Feb
3.	Bengkel Pengenalan HRMIS	25 Mei
4.	Bengkel Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience Share Bil 2/2023	14 Sept
5.	Bengkel Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience Share Bil 4/2023	12 Disember



Bengkel Pengenalan HRMIS pada 25 Mei 2023.



Bengkel Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience Share Bil 1/2023 pada 28 Februari 2023.



Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia pada 21 September 2023

SEKITAR MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022



Penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Tahun 2022



YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 .
pegawai kanan Kementerian.

MAJLIS MERAI BUDI MENGENANG JASA TAHUN 2023

Majlis Merai Budi Mengenang Jasa Tahun 2023 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) adalah untuk meraikan pesara bagi tahun 2023. Penganjuran majlis yang julung kalinya menggabungkan pesara di Ibu Pejabat KPKM, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Majlis yang berlangsung pada 6 Julai 2023 pada jam 11.00 pagi bertempat di Dewan D, MAEPS Serdang telah disempurnakan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Program ini juga dihadiri oleh pengurusan tertinggi Kementerian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi serta penyelia-penyelia kepada pesara terlibat.

Seramai 414 pesara di KPKM bagi tahun 2023 merangkumi pegawai yang bersara wajib, bersara pilihan, bersara atas sebab kesihatan dan juga kakitangan yang telah meninggal dunia semasa masih berkhidmat. Majlis ini sebagai penghargaan di atas khidmat bakti mereka sepanjang tempoh berkhidmat sebagai penjawat awam.



PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN GENERIK BAGI TAHUN 2023

Majlis Merai Budi Mengenang Jasa Tahun 2023 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) adalah untuk meraikan pesara bagi tahun 2023. Penganjuran majlis yang julung kalinya menggabungkan pesara di Ibu Pejabat KPKM, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

Bil.	PROGRAM / AKTIVITI	JUMLAH HARI
1.	Kursus Kemahiran Penulisan Berkualiti	15 - 16 Februari
2.	Kursus Microsoft Office "Tips & Tricks"	21 - 23 Februari
3.	Program Familiarisasi Organisasi KPKM (PERFORM) Siri I	14 - 16 Mac
4.	Kursus Pengurusan Konflik dan Trauma	10 - 12 Mei
5.	Kursus Pembangunan Bakat dan Kompetensi Pembantu Tadbir "A Good Team Starts With You"	18 - 20 Mei
6.	Kursus Bahasa Isyarat (Sign Language)	22 - 24 Mei
7.	Kursus Bahasa Jepun	29 - 30 Mei
8.	Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Gred 48 - 52 (Accelerated Leadership Skills Training Programme)	12 - 14 Jun
9.	Kursus Pembangunan Bakat dan Kompetensi Pemandu "Navigasi Efisien Dan Pemanduan Selamat"	15 - 17 Jun
10.	Kursus Pembangunan Bakat dan Kompetensi Setiausaha Pejabat	23 - 25 Jun
11.	Kursus Pembangunan Bakat dan Kompetensi Pemandu "4X4 Off Road Handling Skills"	13 - 15 Julai
12.	Program Familiarisasi Organisasi KPKM (PERFORM) 2.0	24 - 26 Julai
13.	Kursus Teknologi Multimedia Kreatif	10 - 11 Ogos
14.	Bicara Eksekutif Merdeka oleh YBhg. Tan Sri Ambrin Buang dan YBhg. Tan Sri Abu Kassim	17 Ogos
15.	Program Transformasi Minda	20 - 25 Ogos
16.	Kursus <i>Unlocking Your True Potential</i> Gred 41-44	8 - 10 September
17.	Bengkel Persediaan LO AMAF	12 - 13 September
18.	Kursus Kesihatan dan Kecergasan Fizikal " <i>Fitness And Mind Right @ Wellness</i> "	19 - 21 Oktober
19.	Kursus Minda dan Budaya Digital (Teknologi AI)	2 November
20.	Program Familiarisasi Organisasi KPKM (PERFORM) 3.0	21 - 22 November
21.	"Program Bicara Malaysia MADANI"	28 November
22.	Peningkatan Sahsiah Diri Transformasi Penampilan Dalam Pembentukan Imej Profesional	6 Disember

PROGRAM KESIHATAN DAN KECERGASAN

Bertemakan “Fitness And Mind Right @ Wellness”, Program Kesihatan dan Kecergasan Fizikal telah diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 19 hingga 21 Oktober 2023. Program ini merupakan program tahunan bagi menyokong bulan sukan negara dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera menerusi pembudayaan hidup sihat dari aspek fizikal dan mental.



Program Klinik Kayak di Pusat Rekreasi Air Sisiran Floria Putrajaya.



Barisan urus setia Bersama Dr. Malar Santhi.

Pada hari kedua, pihak Kementerian telah bekerjasama dengan pihak KKM bagi mengadakan pameran yang memberi tumpuan kepada kempen amalan tidak merokok dan pemakanan sihat, serta perkhidmatan saringan kesihatan secara percuma. Selain itu, empat (4) sesi ceramah dari KKM turut diadakan dengan topik penyakit tidak berjangkit (NCD), amalan pemakanan sihat, persekitaran tempat kerja sihat, dan amalan gaya hidup sihat.

Pada hari pertama program, beberapa slot aktiviti psikologi telah diadakan di Dewan Serbaguna KPKM melibatkan sesi ceramah berkenaan kekeluargaan serta tips keibubapaan. Terdapat juga penampilan khas oleh Dr. Malar Santhi dengan perkongsian bertajuk “Burn Out; How to beat it?”



Peserta berkumpul di checkpoint terakhir semasa mini marathon.



Peserta didedahkan dengan teknik senaman yang betul dalam slot gaya hidup sihat.

Pada hari terakhir, program Klinik Kayak dijalankan di Pusat Rekreasi Air Sisiran Floria Putrajaya dengan sesi menarik berkaitan kayak termasuk Modul Pengenalan Asas Kayak, Water Confidence, Sesi Praktikal Kayak, Mini Marathon sejauh 4km serta Mini Race melibatkan semua peserta.

PROGRAM FAMILIARISASI ORGANISASI (PERFORM) TAHUN 2023

Program Familiarisasi Organisasi KPKM atau nama singkatannya PERFORM disasarkan untuk pegawai-pegawai baharu yang telah melapor diri bagi memberikan pendedahan berkenaan fungsi dan peranan setiap Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKM. Tiga siri PERFORM telah berjaya diadakan pada Tahun 2023.

PERFORM Siri 1 Tahun 2023 telah diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2023 melibatkan 19 orang peserta. Peserta telah diberikan taklimat pada hari pertama oleh pihak UKK KPKM dan dibawa melawat ke DOA dan DOF. Pada hari kedua, kesemua peserta telah dibawa ke Pelabuhan Klang Utara bagi melihat bagaimana kawalan pintu masuk dilaksanakan oleh pihak MAQIS. Seterusnya peserta dibawa ke Kilang Kopi FAMA di Banting, Klang. Pada hari ketiga, peserta telah dibawa ke Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Kuala Langat dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sepang, Bagan Lalang.



Lawatan ke Kawalan Pintu Masuk Pelabuhan Klang Utara.

PERFORM Siri 2 tahun 2023 telah diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2023 di Institut Pertubuhan Peladang, Johor Bahru melibatkan 38 orang peserta.

Peserta telah dibawa melawat dan mendengar taklimat berkenaan fungsi dan latar belakang Jabatan dan Agensi KPKM di sekitar negeri Johor seperti DOA, DVS, MAQIS, LPP, LPNM dan juga Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor. Selain itu, peserta juga berpeluang turun ke lapangan bagi melihat sendiri aktiviti pertanian dan projek-projek melibatkan jabatan dan agensi bagi memahami proses kerja yang terlibat di setiap peringkat.



Peserta melihat demonstrasi bagi penanaman nanas di Taman Agroteknologi Nanas Alor Bukit.



Taklimat berkenaan projek pertanian di Southern Green Sdn Bhd, Ulu Tiram.

Sesi lawatan ke Southern Green Sdn Bhd di Ulu Tiram, Johor diadakan bagi melihat bagaimana pengurusan projek pertanian yang berskala besar dilaksanakan. Selain projek pertanian, peserta juga dibawa ke Osman Goat Farm bagi melihat ladang ternakan kambing serta UK Farm sebagai pusat agro tourism.

Seterusnya sesi taklimat pengenalan MAQIS telah diadakan di Kompleks Sultan Abu Bakar, Jambatan Kedua, Gelang Patah, Johor Bahru. Peserta dapat melihat sendiri bagaimana sesi pemeriksaan dibuat ke atas kenderaan yang membawa produk pertanian untuk dieksport ke negara jiran, Singapura.



Sesi lawatan di Osman Goat Farm, Johor Bahru.



Pemprosesan ubi kayu bagi penghasilan kerepek di Kilang Azhar Manufacturing Sdn. Bhd.

Manakala PERFORM Siri 2 Tahun 2023 telah diakhiri dengan taklimat di Pejabat Pertanian Moden (PPM) di Kluang, Johor disusuli dengan beberapa sesi lawatan ke projek-projek di bawah PPM iaitu Kilang Azhar Manufacturing Sdn. Bhd di Rengit, Johor serta Ladang Matanaga Nanas.

PERFORM Siri 3 Tahun 2023 telah diadakan pada 21 dan 22 November 2023. Sesi taklimat pengenalan fungsi Kementerian, Jabatan dan Agensi telah disampaikan oleh pihak UKK dan seterusnya peserta dibawa melawat ke ibu pejabat MAQIS, DOA dan DOF. Pada hari kedua, peserta telah dibawa ke Institut Teknologi Unggas, Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Melaka.



Lawatan ke Institut Teknologi Unggas, Melaka.

Selain itu, BPSM juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti/program/mesyuarat yang melibatkan empat (4) aplikasi psikologi sepanjang tahun 2023. Berikut merupakan aktiviti/program/mesyuarat yang telah dilaksanakan:

Bil.	PROGRAM/ KURSUS	TARIKH
APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENILAIAN PERSONEL		
1.	Pelaksanaan Ujian Psikometrik.	Sepanjang Tahun
APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PEMBANGUNAN PERSONEL		
2.	Program Jerayawara Psikologi, Human Resources Sharing & Caring Jabatan Veterinar Negeri Johor.	16 Februari
3.	Program Jerayawara Psikologi, Human Resources Sharing & Caring Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, Perak.	17 dan 18 Ogos
4.	Program Jerayawara Psikologi, Human Resources Sharing & Caring Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).	4 dan 5 September
5.	Program Jerayawara Psikologi, Human Resources Sharing & Caring Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Ketara, Terengganu.	20 dan 21 November
6.	Program Relax & Refresh (R&R): "Cipta Keseronokan Bekerja, Tenang Dengan Keberkatan Rezeki".	17 April
7.	Program Mind Right@Wellness: Burn Out: How To Beat It?	19 Oktober
APLIKASI PENYELIDIKAN PSIKOLOGI		
8.	Kajian Kepuasan Kerja Warga KPKM Tahun 2023 .	Sepanjang Tahun
9.	Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat KPKM Tahun 2023.	Sepanjang Tahun

Bil.	PROGRAM/ KURSUS	TARIKH
APLIKASI PSIKOLOGI DALAM INTERVENSI		
10.	Mesyuarat Penyelarasan Dasar Pemisah Tahun 2023.	23 Ogos
11.	Program Intensive Intervention Average Performer (IIAP) – PYD.	14 hingga 16 Mac
12.	Program Intensive Intervention Average Performer (IIAP) – C4M).	21 hingga 23 Jun
13.	Program Pengurusan Intervensi Kewangan.	31 Oktober
14.	Program Gotong-Royong Mangsa Banjir Persatuan AKRAB KPKM di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Kelantan.	4 Januari
15.	Persidangan AKRAB Tahun 2023 Peringkat KPKM.	9 Mac
16.	Majlis Pelepasan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam Pasca Banjir ke Johor.	21 Mac
17.	Program Profesional AKRAB: Pengurusan Emosi dan Kesihatan Mental .	21 hingga 23 Jun
18.	CSR: AKRAB KPKM Menyantuni Gelandangan Kota, Chowkit Road.	22 Jun
19.	Kursus Pasca AKRAB: Persediaan AKRAB Care Tahun 2023 .	12 hingga 14 Julai
20.	Program Pembangunan Modal Insan (PSYCARE AKRAB).	25 hingga 27 Julai
21.	CSR: Jelajah Akrab Menyantuni Pejuang Kecil di Seremban.	4 November
22.	CSR: Berkongsi Kisah Di Sebalik Tirai Besi, Penjara Bentong.	14 Dis
23.	Program Pementoran dalam Perkhidmatan Awam Peringkat KPKM Tahun 2023.	29 Mac hingga 29 September

PERSIDANGAN AKRAB TAHUN 2023 DAN ANUGERAH PEMENTORAN PERINGKAT KPKM

Persidangan ini telah diadakan pada 9 Mac 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Serbaguna Wisma Tani, Putrajaya. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha, KPKM. Turut hadir bersama majlis ini ialah YBhg. Dato Pauzan Bin Ahmar, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Habshah Ali, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Encik Nor Fadzli Bin Hasan, Pengerusi Persatuan AKRAB, KPKM, Puan Hidayatul Shuhaida binti Kamarudin, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPKM, Ketua-Ketua Pengarah dan wakil daripada Jabatan dan Agensi KPKM serta Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit, KPKM. Seramai 280 orang peserta telah menghadiri persidangan ini.



Barisan VVIP semasa Majlis Perasmian Persidangan.



YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM melancarkan Buku Pelan Strategik AKRAB 2023 – 2025.



Sebahagian peserta yang hadir memeriahkan lagi persidangan.

PERSIDANGAN AKRAB TAHUN 2023 DAN ANUGERAH PEMENTORAN PERINGKAT KPKM

Penyampaian Sijil Pentauliahkan AKRAB kepada 33 orang penerima adalah dari Ibu Pejabat KPKM, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Kesemua penerima telah lulus dengan jayanya Kursus Asas PRA AKRAB dan dianugerahkan Sijil Pentauliahkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Manakala, penyampaian Anugerah AKRAB pula diberikan mengikut kategori iaitu AKRAB Organisasi dan AKRAB Individu. Pemberian anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan serta dedikasi ahli-ahli AKRAB dalam mempraktikkan dan menerapkan pendekatan humanistik di kementerian/jabatan/agensi. Senarai penerima anugerah AKRAB adalah seperti berikut :

ANUGERAH AKRAB ORGANISASI

ANUGERAH AKRAB GEMILANG	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
ANUGERAH AKRAB INOVATIF	JABATAN PERIKANAN (DOF)
ANUGERAH AKRAB DINAMIK	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

ANUGERAH AKRAB INDIVIDU

AKRAB UTAMA	Encik Mohd Zafee Bin Hashim (AKRAB LPP)
AKRAB BESTARI	Encik Abdul Raiza Bin Ab. Manaf (AKRAB FAMA)
AKRAB PROAKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Mohammed Suhaimee Bin Abd. Manaf (AKRAB DOF) 2. Puan Hery Marini Binti Mhd Hisham (AKRAB DOA) 3. Puan Nik Fazlina Binti Nik Ahmad (AKRAB MADA)
ANUGERAH KHAS SERI NILAM	Puan Azwa Binti Abdul Hamid (AKRAB DOF)



Penerima Anugerah AKRAB Peringkat KPKM Tahun 2023.

Selain itu, penganugerahan turut diberikan kepada 22 pasangan Mentor Menti sebagai menghargai komitmen, kerjasama, kesungguhan dan efisien mereka dalam menjayakan Program Pementoran bagi tahun 2022. Kesemua pemenang anugerah AKRAB dan Mentor Menti membawa pulang sijil dan trofi penghargaan. Program ini juga merupakan program dwi tahunan yang perlu diteruskan dan ditambahbaik dalam usaha memberi penghargaan kepada pegawai yang telah memberikan khidmat bimbingan sebagai ahli AKRAB dan juga Mentor Menti. yang menggerakkan inisiatif dalam peningkatan kompetensi personal dan profesional agar meneruskan perkhidmatan dengan lebih cemerlang dan mengamalkan budaya kerja yang positif.



Penerima Anugerah Mentor Menti Peringkat KPKM Tahun 2023.

BAHAGIAN KEWANGAN (K)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan yang menepati keperluan dan kehendak pihak 'stakeholders'.
- b. Memberi perkhidmatan pengurusan perolehan dan aset yang cekap dan menguntungkan kerajaan mengikut prosedur kewangan yang berkuat kuasa.
- c. Menyedia, memantau dan mengawal peruntukan dan perbelanjaan tahunan agar mencapai penggunaan optima yang berkesan.
- d. Meningkatkan kompetensi dan kecekapan kakitangan Kementerian dalam pengurusan kewangan menerusi latihan yang berterusan

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Mengurus terimaan & pembayaran bil-bil dan bayaran gaji bagi Ibu Pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Malaysia (KPKM);
- b. Memastikan Akaun Amanah di bawah KPKM diselenggara mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan;
- c. Melaksanakan mekanisma kawalan kewangan & perbelanjaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) peringkat Ibu Pejabat & Kementerian setiap suku tahun, Januari, April, Julai, Oktober;
- d. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) peringkat Ibu Pejabat & Kementerian setiap suku tahun Januari, April, Julai, Oktober;
- e. Mengemukakan laporan JPKA setiap suku tahun ke Perbendaharaan Januari, April, Julai, Oktober;
- f. Mengurus dan menyelaras perkara-perkara berkaitan pertanyaan Audit dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara termasuk pertanyaan Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam;
- g. Mengurus urusan perolehan Ibu Pejabat Kementerian dan menjadi urus setia Lembaga Perolehan KPKM (LP KPKM);
- h. Urus setia Pengurusan Aset (UPA) Kementerian;
- i. Menyedia dan menguruskan Anggaran Belanjawan Tahunan Kementerian;
- j. Melaksanakan kawalan perbelanjaan peruntukan Kementerian;
- k. Menyelaraskan pembentangan Laporan Tahunan & Penyata Kewangan Badan-Badan Berkanun di bawah KPKM ke Mesyuarat Jemaah Menteri & Persidangan Parlimen; dan
- l. Mengurus laporan penyesuaian peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan.


AKTIVITI DAN PENCAPAIAN DARI JANUARI 2023 HINGGA DISEMBER 2023

Belanjawan 2023



Carta 1 : Peruntukan Belanjawan Tahun 2023/2024

Prestasi Belanja Mengurus 2023



PRESTASI PEROLEHAN 2023

Pelaksanaan perolehan di Kementerian ini meliputi perolehan bagi kategori bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan menggunakan kaedah pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender seperti yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan.

Sepanjang tahun 2023, Kementerian ini telah melaksanakan sebanyak 2,090 perolehan bernilai RM681,921,502.03. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 106 perolehan bernilai RM304,327,086.70 dilaksanakan secara tender dan 1,984 perolehan bernilai RM377,594,415.33 dilaksanakan secara sebut harga.

Perolehan kerja mencatatkan jumlah perolehan tertinggi dengan pelaksanaan sebanyak 829 yang bernilai RM248,944,799.98. Ini diikuti dengan pelaksanaan perolehan perkhidmatan sebanyak 597 yang bernilai RM222,556,225.86 dan perolehan bekalan sebanyak 664 yang bernilai RM210,420,476.19.

Pada tahun 2023, semua 201 PTJ di peringkat Kementerian dan Jabatan telah bertransaksi menggunakan sistem ePerolehan. 201 PTJ ini terdiri daripada 42 PTJ di peringkat Kementerian, 29 PTJ di Jabatan Perikanan, 83 PTJ di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 35 PTJ di Jabatan Pertanian dan 12 PTJ di MAQIS.

Melalui sistem ePerolehan, Kementerian ini telah melaksanakan sejumlah 30,025 transaksi dengan nilai **RM337,769,338.48**.

KURSUS DAN BENGKEL ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN TAHUN 2023

a. KURSUS TATACARA PENGURUSAN PEMBAYARAN (TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DAN ELAUN LEBIH MASA) KPKM ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN TAHUN 2023

Kursus Tatacara Pengurusan Pembayaran (Tuntutan Elaun Perjalanan dan Elaun Lebih Masa) KPKM Tahun 2023 telah diadakan di The Straits Hotel & Suites pada 11 hingga 13 Februari 2023. Seramai 45 orang peserta yang mewakili semua Bahagian, Jabatan dan IADA Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menghadiri kursus ini. Objektif kursus adalah untuk :

- Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada para peserta berhubung tatacara pengurusan pembayaran (TNT dan OT) agar pembayaran tuntutan mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa;
- Memberi pendedahan kepada peserta berhubung penambahbaikan yang boleh dibuat terhadap pengurusan pembayaran (TNT dan OT) bagi meningkatkan keberkesanan dalam menguruskan pembayaran tersebut; dan
- Memberi pendedahan secara praktikal melalui case study dan latihan agar peserta lebih memahami kelayakan dan kaedah pengiraan yang tepat berdasarkan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.

b. BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN SIRI 2: PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Kursus Tatacara Pengurusan Pembayaran (Tuntutan Elaun Perjalanan dan Elaun Lebih Masa) KPKM Tahun 2023 telah diadakan di The Straits Hotel & Suites pada 11 hingga 13 Februari 2023. Seramai 45 orang peserta yang mewakili semua Bahagian, Jabatan dan IADA Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menghadiri kursus ini. Objektif kursus adalah untuk :

- Memberi taklimat dan kefahaman kepada semua peserta mengenai Pengurusan ABT seperti mengenalpasti jenis ABT, kaedah perekodan ABT dan lain-lain selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Akaun Belum Terima WP10.6 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2019; dan
- Memberi penerangan berkaitan proses hapus kira bagi ABT yang melebihi Akta Had Masa selaras dengan pekeliiling Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam (WP10.3).



c. KURSUS PEMANTAPAN PEROLEHAN PERINGKAT ZON

Kursus Pemantapan Perolehan anjuran Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan telah diadakan sebanyak lima (5) Siri melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Malaysia Timur. Secara keseluruhan, seramai 239 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Objektif kursus ini adalah untuk:

- Meningkatkan kefahaman dan kesedaran peserta berkaitan dasar, kaedah dan tatacara pengurusan perolehan Kerajaan;
- Meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta dalam pengurusan perolehan Kerajaan berpandukan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- Meningkatkan kefahaman dan kecekapan peserta bagi melaksanakan pengurusan perolehan Kerajaan yang mematuhi legaliti, akauntabiliti dan integriti.



d. KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN: TATACARA PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN KPKM TAHUN 2023

Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun: Tatacara Pengurusan Aset dan Stor anjuran Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan telah diadakan pada 15 hingga 18 Ogos 2023 di Kinta Riverfront Hotel & Suites, Perak yang melibatkan kehadiran seramai 56 orang peserta. Objektif bengkel ini adalah untuk:

- Memberi kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab peserta mengenai arahan terkini Pekeliling Perbendaharaan (PP) Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan;
- Meningkatkan kemahiran dalam pengurusan aset dan stor Kerajaan supaya lebih cekap dan berkesan;
- Memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan pengurusan aset alih dan stor Kerajaan agar dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan;
- Mengenal pasti punca-punca berlakunya ketidakakuran dalam pengurusan aset dan stor; dan
- Menerangkan amalan-amalan pengurusan aset dan stor yang terbaik melalui perkongsian ilmu dan pengalaman.

e. KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN SIRI 3: SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun: Sistem ePerolehan (eP) anjuran Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan ini telah diadakan di Hotel Grand Barakah, Selangor pada 20 hingga 22 Jun 2023. Seramai 62 orang peserta yang mewakili Bahagian, Jabatan dan IADA telah menyertai kursus ini. Objektif utama kursus ini adalah untuk:

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menggunakan Sistem ePerolehan;
- Meningkatkan kefahaman dan kecekapan peserta mengenai peranan pengguna dan aliran proses yang terlibat dalam Sistem ePerolehan; dan
- Meningkatkan kefahaman dan penguasaan peserta ke atas modul-modul yang terdapat di dalam Sistem ePerolehan berpandukan peraturan yang berkuatkuasa.



f. KURSUS INTEGRITI KEWANGAN DAN PEROLEHAN BAHAGIAN KEWANGAN TAHUN 2023

Kursus Integriti Kewangan dan Perolehan Bahagian Kewangan anjuran Unit Khidmat Sokongan, Bahagian Kewangan telah diadakan di Pulau Spring Resort, Johor Bahru pada 3 hingga 5 November 2023. Seramai 43 orang peserta yang terdiri dari semua Pegawai dan kakitangan Bahagian Kewangan telah menyertai kursus ini. Fokus utama kursus ini adalah untuk :

- Memberi kefahaman tentang konsep integriti dan nilai-nilai integriti;
- Mempunyai akauntabiliti semasa menjalankan tugas;
- Memahami dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa; dan
- Menelusuri isu-isu integriti berkaitan Perolehan dan Kewangan.

g. PERSIDANGAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2024 DAN KOORDINASI PEMASARAN DAN EKSPORT PRODUK PERTANIAN DAN AGROMAKANAN NEGARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Persidangan Pengurusan Kewangan Tahun 2024 dan Koordinasi Pemasaran dan Eksport Produk Pertanian dan Agromakanan Negara, KPKM anjuran Seksyen Belanjawan, Bahagian Kewangan telah diadakan pada 7 hingga 10 Disember 2023 di Movenpick Hotel and Convention Centre, KLIA, Selangor yang melibatkan kehadiran seramai 130 orang peserta. Objektif persidangan ini adalah untuk :

- Mengenal pasti cadangan penambahbaikan ke atas pencapaian pengurusan kewangan tahun 2023;
- Meningkatkan kesedaran Bahagian/Jabatan/Agensi dan Penyelaras Program berkenaan dasar dan pelaksanaan Bajet Berasaskan Outcome (Outcome Based Budgeting - OBB);
- Menyelaraskan dan menjajarkan perancangan program/aktiviti tahun 2024 selaras dengan dasar dan hala tuju Kementerian;
- Menghasilkan laporan-laporan yang selaras dengan ketetapan Perbendaharaan; dan
- Menambahbaik kaedah pemantauan penyaluran peruntukan Kementerian kepada Agensi Pelaksana.

h. BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN: PINDAAN ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 2 TAHUN 2017 BAGI TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun: Sistem ePerolehan (eP) anjuran Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan ini telah diadakan di Hotel Grand Barakah, Selangor pada 20 hingga 22 Jun 2023. Seramai 62 orang peserta yang mewakili Bahagian, Jabatan dan IADA telah menyertai kursus ini. Objektif utama kursus ini adalah untuk :

- Memberi pendedahan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Jabatan berhubung penambahbaikan dan pindaan WP 1.4; dan
- Melaksanakan pindaan dan penambahbaikan terhadap Arahan Ketua Setiausaha Bilangan 2 Tahun 2017 bagi tuntutan elaun perjalanan dalam negeri bagi tujuan rujukan dan edaran kepada warga KPKM.



BAHAGIAN AKAUN (BA)

OBJEKTIF BAHAGIAN

- a. Melaksanakan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan dengan cekap dan berkesan;
- b. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian yang tepat dan boleh dipercayai kepada pemegang taruh;
- c. Memastikan transaksi kewangan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa;
- d. Memberi khidmat nasihat yang berkualiti dan berkesan dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik; dan
- e. Menyediakan maklumat dan laporan pengurusan perakaunan bagi membantu Pengurusan Atasan dalam pembuatan keputusan.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Menyedia maklumat dan laporan serta menasihati pengurusan atasan dalam membuat keputusan;
- b. Menjalankan pemantauan terhadap pematuhan peraturan kewangan yang berkuat kuasa melalui pelaksanaan naziran pematuhan akruan di semua Pusat Tanggungjawab di bawah Kementerian;
- c. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian secara bulanan/tahunan berdasarkan polisi perakaunan yang ditetapkan;
- d. Mengurus pengiktirafan, pengukuran dan perekodan aset dan liabiliti berdasarkan MPSAS dan polisi perakaunan yang berkaitan; dan
- e. Memastikan aktiviti pembayaran, terimaan dan perakaunan seperti di bawah disediakan dengan tepat dan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

MAJLIS PERJUMPAAN KETUA AKAUNTAN BERSAMA PEGAWAI PERAKAUNAN KPKM



4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

Dewan Serbaguna, KPKM.

- Majlis perjumpaan ini diadakan bertujuan sebagai sesi berkenalan dengan Ketua Akauntan yang baru dilantik di Bahagian Akaun dan pada masa yang sama diadakan taklimat Penutupan Akhir Tahun (PAT) bagi tahun 2023.
- Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 150 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai perakaunan dari kalangan Jabatan, PTJ dan Kementerian.
- Objektif majlis ini adalah bagi memastikan pegawai perakaunan di KPKM sentiasa menerapkan nilai bersama yang diterapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, disamping pematuhan kepada arahan penutupan akaun 2023.

- Puan Ketua Akauntan menyeru agar pegawai yang hadir untuk sama-sama memperkukuhkan budaya kerja yang berintegriti semasa melaksanakan tugas harian.
- Dengan cara ini, produktiviti kerja di kalangan pegawai perakaunan dapat ditingkatkan dan Sasaran Kerja Utama (SKU) tercapai. Secara tidak langsung juga dapat melahirkan penjawat awam yang bebas daripada gejala penyelewangan dan tidak beramanah.



TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) BAGI TAHUN 2023

- Penutupan akaun akhir tahun di sistem iGFMAS telah bermula sejak tahun 2018 dan pada tahun 2023 merupakan tahun keenam (ke-6) menggunakan asas yang sama merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) yang diperincikan.
- Taklimat PAT ini diadakan bagi memberikan penerangan yang jelas kepada PTJ/Jabatan di KPKM mengenai PAT bagi tahun 2023.
- Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan surat berkenaan Tarikh Akhir Bayaran Tahun 2023 dan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 bertarikh 24 November 2023.



- Tarikh akhir bayaran bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) tahun 2023 adalah pada 15 Disember 2023 atau tarikh akhir yang dimaklumkan oleh MOF dari semasa ke semasa.
- Dimaklumkan juga bahawa tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) selepas tarikh tersebut.



PELAKSANAAN NAZIRAN

Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memantau pengurusan kewangan PTJ terutama pematuhan terhadap polisi/ pekeliling/ peraturan perakaunan akruan yang berkuatkuasa.

Objektif naziran adalah untuk mengenal pasti isu dan masalah yang berlaku setelah PTJ melaksanakan proses mengikut Perakaunan Akruan mulai tahun 2018 serta memastikan PTJ mengambil tindakan penambahbaikan sewajarnya ke atas setiap penemuan dan teguran yang telah dikenal pasti oleh pasukan naziran. Selain itu, pasukan naziran juga bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada PTJ bagi memastikan proses bayaran dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.

<p>Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Skop Pengurusan Aset, Belanja & Liabiliti</p> <p>20 PTJ</p>	<p>Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Skop Pengurusan Hasil</p> <p>12 PTJ</p>	<p>Semakan Dokumen Kewangan Dokumen kewangan PTJ Luar Negara</p> <p>7 PTJ</p>
--	--	---

Secara keseluruhannya, bagi naziran pematuhan perakaunan aset, belanja dan liabiliti, di dapati sebanyak enam (6) PTJ berprestasi 'Cemerlang', sembilan(9) PTJ menunjukkan prestasi 'Baik' dan lima(5) PTJ berprestasi 'Sederhana'.

Manakala kesemua dua belas (12) PTJ berprestasi 'Baik' bagi naziran pematuhan perakaunan hasil dan prestasi naziran iSPLN pula mencatat empat (4) PTJ berprestasi 'Cemerlang' dan tiga (3) PTJ berprestasi 'Baik'.



KURSUS KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Bahagian Akaun turut berperanan untuk menganjurkan kursus dan latihan dalam bidang perakaunan dan kewangan kepada kakitangan kementerian. Kursus dan latihan ini dilaksanakan bertujuan meningkatkan kompetensi pegawai perakaunan dan kewangan terhadap pematuhan kepada prosedur dan peraturan kewangan. Berikut adalah kursus dan latihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023:

Tajuk Kursus	JUMLAH HARI
Kursus Refresher Sistem Mycoat Modu PBC Siri 1	13-14 Feb 2023
Bengkel MyPortfolio	24 Feb 2023
Taklimat Pengurusan Kewangan kepada Ketua Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ)	21 Jun 2023
Kursus iGFMS Perakaunan Aset : Pelaporan dan Tindakan Perakaunan (KPKM)	21 & 22 Jun
Bengkel Penyelesaian Pengumpulan Data Migrasi Aset Tak Alih Tanah dan Bangunan	10 Ogos 2023
Bengkel Penyediaan Laporan PBC Mycost	17 Ogos 2023
Kursus iGFMS Perakaunan Aset : Pelaporan dan Tindakan Perakaunan (DOF)	Makmal Kontigensi Bahagian Akaun
Kursus iGFMS Perakaunan Aset : Pelaporan dan Tindakan Perakaunan (DVS)	12-13 Sept 2023
Kursus iGFMS Perakaunan Aset : Pelaporan dan Tindakan Perakaunan (MAQIS)	19-20 Sept 2023



PEMANTAUAN TERHADAP PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN DI AGENSI-AGENSI PERAKAUNAN DI AGENSI-AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN

Kesemua tujuh (7) agensi kerajaan di bawah KPKM menggunakan sistem perakaunan yang dipantau oleh Jawatankuasa Pemantau Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) di peringkat Kementerian. Bahagian Akaun sebagai urus setia mesyuarat Jawatankuasa Pemantau SAGA melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak dua (2) kali setahun berdasarkan Surat Pekeliling ANM Bil.3 Tahun 2018.

Mesyuarat diadakan bertujuan memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan sistem perakaunan dan persijilan SAGA di kesemua agensi kerajaan di bawah KPKM dalam memastikan penyata kewangan asas dapat disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan maklumat dan data perakaunan yang tepat, berintegriti dan mematuhi Piawaian Perakaunan ditetapkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau (MJP) SAGA telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2023 iaitu :

- Mesyuarat MJP SAGA Bil 1 Tahun 2023 telah diadakan pada 25 Mei 2023 bertempat di Ibu Pejabat MADA, Kedah; dan
- Mesyuarat MJP SAGA Bil. 2 Tahun 2023 telah diadakan pada 14 November 2023 bertempat di Bilik Gerakan Aras 7, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Putrajaya.

Agensi yang menggunakan SAGA
7 AGENSI

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau SAGA

2 KALI SETAHUN



PENGEKOSAN



KEMENTERIAN TELAH MENGENAL PASTI SEBANYAK 21 PTJ BAGI MELAKSANAKAN PENGEKOSAN PTJ BASED COSTING (PBC) SISTEM MYCOST PADA TAHUN 2023.

Pengekosan adalah teknik untuk mengenal pasti secara terperinci jumlah kos yang terlibat dalam menghasilkan bekalan/perkhidmatan. Ia merangkumi proses pengelasan, perekodan dan pengagihan perbelanjaan kepada output dan keberhasilan yang telah dicapai oleh sesebuah Program/Aktiviti/Projek Kementerian/PTJ dalam tempoh yang ditetapkan. Ia bertujuan mengenal pasti dan menentukan kos akhir setiap output dan keberhasilan yang dihasilkan bagi menyediakan analisis pengekosan untuk membantu Kementerian/PTJ membuat keputusan secara efektif.

21 PTJ YANG MELAKSANAKAN PBC MYCOST

1. Bahagian Akaun.
2. Bahagian Kewangan.
3. Bahagian Pembangunan.
4. Bahagian Pembangunan Industri Padi.
5. Bahagian Pembangunan Kapasiti Dan Latihan Pertanian.
6. Bahagian Pengurusan Maklumat.
7. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
8. Bahagian Pentadbiran.
9. Bahagian Antarabangsa.
10. Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian.
11. Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik.
12. Bahagian Sekuriti Makanan.
13. Bahagian Industri Makanan Dan Asas Tani.
14. Bahagian Pembangunan Perniagaan Dan Pelaburan.
15. Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Serdang.
16. Biosekuriti Tumbuhan Kuala Lumpur.
17. Jabatan Perikanan.
18. Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
19. MAQIS.
20. Jabatan Pertanian.
21. Kejuruteraan Pertanian Serdang.



PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023



PENYATA KEWANGAN KEMENTERIAN PRA PERALIHAN (ASAS AKRUAN)

Penyata Kewangan Kementerian Pra Peralihan (Asas Akruan) merupakan produk utama yang dihasilkan oleh Bahagian Akaun. Penyata Kewangan ini menunjukkan kedudukan kewangan, prestasi hasil dan belanja Kementerian serta kedudukan Akaun Amanah Awam yang diuruskan oleh Kementerian selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyediaan Penyata Kewangan Kementerian dibuat secara teratur berdasarkan amalan tadbir urus terbaik bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kementerian. Maklumat yang dipersembahkan di Penyata Kewangan ini dapat membantu pemegang taruh dalam membuat keputusan strategik untuk Kementerian.

Penyata Kewangan Kementerian Tahun 2023 disediakan secara bulanan dan dikemukakan kepada KSU dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Seterusnya, Penyata Kewangan Kementerian dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara Malaysia untuk tujuan pengauditan secara keseluruhan bagi memastikan akauntabiliti dan ketepatan Penyata Kewangan yang telah disediakan.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (ASAS TUNAI)

Pematuhan terhadap penutupan akaun akhir tahun 2023 serta penghantar Kertas Kerja Sokongan (KKS) oleh Kementerian membolehkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Asas Tunai) pada masa yang ditetapkan untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

Ketepatan penyediaan maklumat di Penyata Kewangan ini turut menyumbang kepada pengeluaran Sijil Audit Bersih oleh Jabatan Audit Negara.



PELAKSANAAN EKSA BAHAGIAN AKAUN

PENGIKTIRAFAN SUDUT EKSA TERBAIK BAGI AUDIT DALAM EKSA KPKM SIRI 2/2023

Zon Heliconia, Bahagian Akaun telah menerima pengiktirafan Sudut EKSA Terbaik semasa sesi Audit Dalam EKSA KPKM Siri 2/2023 yang telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2023. Sudut EKSA Zon Heliconia mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam garis panduan EKSA seperti carta organisasi zon dan carta perbatuan yang lengkap dan dikemaskini sentiasa. Begitu juga di Sudut Maya yang merupakan salah satu inovasi zon iaitu blog berkaitan EKSA Zon Heliconia. Disamping itu aktiviti-aktiviti EKSA secara bergambar juga dipamerkan di ruang EKSA.





BAHAGIAN PERKHIDMATAN DIGITAL (BPD)

OBJEKTIF BAHAGIAN

Menerajui dalam perancangan dan pengurusan ICT yang berkualiti, selamat dan efisien serta membudayaikan penggunaan ICT kepada warga Kementerian.

FUNGSI BAHAGIAN

- Merancang, merangka dan melaksana Pelan Strategik ICT KPKM.
- Menganalisis, mereka bentuk, membangun atau memantau, menguji dan menyelenggara sistem aplikasi yang dibangunkan secara dalaman atau 'out source'.
- Merangka dan melaksana Polisi Keselamatan Siber KPKM.
- Menyedia, mengendali dan menyelenggara infrastruktur dan perkhidmatan ICT untuk Kementerian.
- Mengawal selia kualiti sistem dan keselamatan ICT.
- Membudayaikan penggunaan ICT di Kementerian.
- Memberi khidmat nasihat ICT kepada Kementerian.
- Menjadi Urus setia kepada Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian.
- Merancang dan mengurus hal-hal pentadbiran dan belanjawan Bahagian.

AKTIVITI UTAMA


PENGURUSAN PROJEK ICT

Terdapat dua (2) peringkat jawatankuasa di KPKM yang mengesyorkan dan meluluskan projek-projek ICT iaitu Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPKM dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKM.


Sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKM dengan meluluskan sebanyak 31 projek ICT bernilai RM62,416,433.00 dengan pecahan butiran seperti berikut.

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Projek	Bahagian Jabatan/ Agensi	Jumlah Anggaran Kos (RM)
1.	24 Mac 2023	12	BPD, BPKLP, UKK, DVS, FAMA dan MADA	15,234,218.00
2.	12 Jun 2023	3	DVS dan FAMA	9,291,868.00
3.	17 Ogos 2023	5	DOF, FAMA, LKIM dan LPNM	13,764,747.30
4.	1 Disember 2023	11	BPD, DOA, DOF, DVS, FAMA dan MADA	24,125,600.00


RINGKASAN PROJEK YANG DILULUSKAN JPICT KPKM 2023



STATUS KELULUSAN JPICT KPKM 2023



JUMLAH ANGGARAN KOS DILULUSKAN JPICT KPKM 2023



BIL. MESYUARAT	ANGGARAN KOS DILULUSKAN (SELESAI)	ANGGARAN KOS MENUNGGU KELULUSAN
JPICT KPKM Bil. 1/2023 24/03/2023	RM15,234,218.00	
JPICT KPKM Bil. 2/2023 12/06/2023	RM9,291,868.00	
JPICT KPKM Bil. 3/2023 17/08/2023	RM13,764,747.30	
JPICT KPKM Bil. 4/2023 01/12/2023	RM24,125,600.00	
JUMLAH RM62,416,433.30		

JENIS PERMOHONAN		
Pembangunan Sistem	9	RM8,289,368.00
Naik Taraf Sistem	7	RM3,038,600.00
Sewaan Perkakasan ICT	9	RM41,892,348.00
Perolehan Perkakasan ICT	3	RM5,250,000.00
Langganan Perisian	1	RM546,117.30
Rangkaian	1	RM2,600,000.00
Perkhidmatan ICT	1	RM800,000.00
JUMLAH	31	RM62,416,433.30

DATA PERUNTUKAN		
DE - Pembangunan	17	RM18,700,368.00
OE - Mengurus	11	RM42,293,348.00
Lain - Lain	3	RM1,422,717.30
JUMLAH	31	RM62,416,433.30

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR, INFOSTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT

Untuk memastikan perkhidmatan ICT dapat disediakan dengan sempurna, selamat dan boleh digunakan bila diperlukan. Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD) telah mengambil inisiatif dengan membangun Infrastruktur, Infostruktur dan Keselamatan ICT dengan sokongan kewangan yang mencukupi dari peruntukan RMKe-12(2021-2025).

Bil.	Projek	Kos (RM)
1.	Perolehan Sewaan Perkakasan Komputer Peribadi, Komputer Riba dan Pencetak	3,505,020.00
2.	Perolehan Perkakasan Keselamatan Firewall dengan Keboleh Fungsian High Availability (HA)	428,280.00

BENGKEL PEMUKIMAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Perkhidmatan Digital telah dipilih menjadi urus setia bagi Bengkel Pemukiman Sektor Pengurusan 2023 yang diadakan di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur dari 10 hingga 12 Mac 2023. Bengkel ini dihadiri oleh semua pegawai Bahagian di bawah Bahagian Sektor Pengurusan KPKM iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan, Bahagian Akaun, Bahagian Perkhidmatan Digital dan Bahagian Pentadbiran.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membuat perancangan dan pelaksanaan setiap projek/program pembangunan tahun 2023 bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pencapaian prestasi yang cemerlang serta menambah baik proses kerja sedia ada ke arah meningkatkan kecekapan tatakelola serta penyampaian perkhidmatan.

Bengkel ini turut mendapat perkongsian pengisian daripada Tabung Haji dengan tajuk "Perkongsian Amalan Tadbir Urus Terbaik Dalam Pengurusan Haji" dan perkongsian *Awantec Systems* berkenaan *Google Workspace (GWS)*.



MESYUARAT PENGURUS ICT KPKM

Mesyuarat Pengurus ICT KPKM telah diadakan di Raia Hotel & Convention Centre, Kedah dari 27 hingga 29 Oktober 2023. Bengkel ini dihadiri oleh semua Pengurus ICT dan wakil IT daripada Jabatan serta Agensi di KPKM.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah menghimpunkan penyertaan inklusif Pengurus ICT Kementerian / Jabatan / Agensi di bawah KPKM, disamping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara Kementerian dan pentadbiran ICT di Jabatan / Agensi. Pelbagai pengisian telah dilaksanakan sepanjang mesyuarat ini berlangsung seperti pembentangan kertas kerja, perkongsian maklumat dan perbincangan usul daripada Jabatan / Agensi.

Selain itu, mesyuarat ini turut dilengkapkan dengan lawatan kerja ke Projek Ladang IR 4.0 MADA di Kepala Batas MADA dan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Kedah bagi melihat dan memberi pendedahan terhadap teknologi ICT terkini, penggunaan Internet of Things (IOT) dan pengurusan tatakelola yang cekap.

Mesyuarat turut melaksanakan perkongsian pengisian daripada Perunding ICT MAMPU dengan tajuk "Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPriSA)" dan perkongsian daripada Jabatan Audit Negara (JAN) berkenaan Sesi Perkongsian Penemuan Audit Projek ICT.



NAZIRAN SISTEM-SISTEM APLIKASI DI BAWAH KPKM

Pada tahun 2023, Bahagian Perkhidmatan Digital telah melaksanakan naziran sistem aplikasi di agensi KPKM iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Naziran ini bertujuan memastikan pengauditan secara efisien, efektif dan sistematik mengikut sistem arahan kerja yang ditetapkan bagi memastikan semua sistem aplikasi di bahagian/jabatan/agensi berjalan dengan lancar, aktif penggunaannya dan menyokong bisnes KPKM bagi mencapai visi, misi dan objektif KPKM.

BIL.	TARIKH	AGENSI	SISTEM
1.	10 Jul 2023	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Peladang Agrofood Contribution Update (PACU) Sistem Peladang Klik (Pklik)
2.	20 Jul 2023	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Pengurusan Agropreneur Muda MARDI (e-Youth) Sistem Pemantauan Rancangan Operasi Korporat MARDI (PROPER) Sistem Pengurusan Latihan Industri (e-LI)
3.	19 Sep 2023	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	<ul style="list-style-type: none"> Sistem AGROFUN Sistem ePASARTANI 2.0
4.	26 Sep 2023	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	<ul style="list-style-type: none"> Sistem eNelayan Sistem Pengurusan Kawalan Kompleks (SPKK)



BAHAGIAN PENTADBIRAN (T)

OBJEKTIF BAHAGIAN

Memberi khidmat sokongan dari segi pengurusan pentadbiran kepada bahagian/jabatan/agensi dalam usaha untuk mencapai objektif kementerian.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Menguruskan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun KPKM;
- b. Menguruskan kewangan Bahagian;
- c. Menguruskan perolehan bekalan/perkhidmatan Kementerian;
- d. Menguruskan rekod Kementerian di Bilik Fail dan pelaksanaan Sistem DDMS
- e. Menguruskan pelupusan rekod;
- f. Melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan bagi Mesyuarat peringkat Bahagian dan Kementerian;
- g. Menguruskan sewa ruang Premis Kementerian;
- h. Menguruskan aset alih Kementerian;
- i. Menguruskan penyelenggaraan Bangunan;
- j. Menguruskan kenderaan Kementerian dan Jabatan;
- k. Menguruskan keselamatan Bangunan;
- l. Menyelaras dan melaksanakan semua program kualiti dan inovasi di Kementerian;
- m. Menyelaras Program MS ISO 9001:2015 Kementerian;
- n. Menyelaras Pelaksanaan Majlis Rasmi atau Program Kementerian seperti Perhimpunan Bulanan, Majlis Amanat YB Menteri, Majlis Berbuka Puasa, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, MAHA, HPPNK, KIK dan sebagainya;
- o. Menguruskan pendokumentasian bahan perpustakaan seperti pengkelasan, pengkatalogan dan input entri bahan ke dalam Sistem Perpustakaan Bersepadu (VIRTUA);
- p. Menguruskan Perkhidmatan Perpustakaan seperti Keahlian, Perkhidmatan Pinjaman, Perkhidmatan Rujukan dan Perujukan, Pengguna, Keratan Akhbar;
- q. Melaksanakan Pogram/Aktiviti Galakan Membaca@Perkongsian Ilmu; dan
- r. Menyelaras Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kementerian.

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERSAMA WARGA KPKM

Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah diadakan pada 16 Januari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPKM. Majlis ini merupakan program tahunan yang diadakan sebagai platform untuk YB Menteri menyampaikan amanat dan hala tuju Kementerian bagi tahun 2023 kepada semua warga KPKM termasuk warga Jabatan dan Agensi di bawah KPKM.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2023.



Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2023 oleh YB Menteri KPKM.

MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERSAMA WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) SEMPENA RAMADAN TAHUN 2023

Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Warga KPKM Sempena Ramadan Tahun 2023 telah diadakan pada 12 April 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPKM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan ukhwa dan jalinan kerjasama dalam kalangan warga KPKM dengan YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi KPKM. Selain itu, majlis ini juga melibatkan sesi Bedah Buku Warkah Saidina 'Ali kepada Malik Al-Ashtar oleh Ustaz Ridzwan bin Abu Bakar, Felo Akademi NUNJI sebagai salah satu pengisian majlis. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran anak yatim dan sesi penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf, anak yatim dan warga Kementerian.



Ucapan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



Sesi Bedah Buku Warkah Saidina 'Ali kepada Malik Al-Ashtar oleh Ustaz Ridzwan bin Abu Bakar.

MAJLIS PERHIMPUNAN DAN RAMAH MESRA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERSAMA WARGA WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) SEMPENA AIDILFITRI TAHUN 2023

Majlis Perhimpunan dan Ramah Mesra YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Warga KPKM Sempena Aidilfitri Tahun 2023 telah diadakan pada 11 Mei 2023 bertempat di Dewan C, MAEPS Serdang. Majlis ini telah dihadiri oleh seluruh warga kerja KPKM termasuk Jabatan dan Agensi di bawah KPKM. Semua Jabatan dan Agensi di bawah KPKM telah terlibat dalam penyediaan pelbagai menu juadah raya sebagai elemen tarikan buat semua warga yang hadir. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran anak-anak yatim dari Rumah Kasih Harmoni dan sesi penyampaian duit raya oleh YB Menteri. Sebagai tanda penghargaan di atas usaha Jabatan dan Agensi menghias gerai masing-masing, dua (2) kategori anugerah telah disediakan iaitu Anugerah Gerai Tercantik yang telah dimenangi oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Anugerah Gerai Ter'Havoc' yang telah dimenangi oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Menyampaikan Sumbangan Duit Raya Kepada Anak Yatim



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Warga KPKM

PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG SEMPERNA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) TAHUN 2023



Warga KPKM Menunjukkan Semangat Patriotik Semasa Kibaran Jalur Gemilang

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2023. Program ini diadakan sebagai salah satu pengisian bagi menyambut kehadiran panel juri penilai bagi Program Keceriaan Antara Kementerian anjuran Jabatan Penerangan Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Digital. Kehadiran panel juri telah disambut oleh YBrs. Puan Habshah binti Ali, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) diiringi YBrs. Puan Azura binti Abdullah, Setiausaha Bahagian Pentadbiran. Program ini telah diserikan dengan penyampaian deklamasi sajak oleh Encik Muhammad Hilmi bin Nordin dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang merupakan pemenang pertandingan menulis dan mendeklamasikan sajak peringkat Kementerian Tahun 2022. Sebagai acara kemuncak, semua warga KPKM bersama-sama panel juri telah menyanyikan lagu Jalur Gemilang dan mengibarkan bendera Jalur Gemilang. Selain itu, Perpustakaan KPKM turut menganjurkan Program “MyLib2u@ lobi” bertujuan untuk membolehkan semua warga KPKM meminjam atau memulangkan buku serta berpeluang membuat pendaftaran sebagai Ahli Perpustakaan KPKM.



Penyampaian Deklamasi Sajak oleh Encik Muhammad Hilmi bin Nordin dari DVS



Program MyLib2U Anjuran Perpustakaan KPKM

PROGRAM CERGAS BERSAMA KPKM SEMPERNA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA TAHUN 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Program Cergas Bersama KPKM peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah dilaksanakan pada 13 Oktober 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPKM sempena Sambutan Hari Sukan Negara. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk menyokong usaha Kerajaan dalam membudayakan gaya hidup sihat dan aktif bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan terutama di kalangan Penjawat Awam di Malaysia. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah senamrobik yang diketuai oleh tiga (3) orang jurulatih dan pertandingan tanggathon bagi kategori lelaki dan wanita. Terdapat 10 orang pemenang bagi kedua-dua kategori pertandingan tanggathon dan sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Azura binti Abdullah, Setiausaha Bahagian Pentadbiran.



Aktiviti Senamrobik Bersama Warga KPKM .



Pertandingan Tanggathon.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG (PUU)

OBJEKTIF BAHAGIAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (PUU) merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan perundangan yang profesional dan cekap kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi-agensi di bawahnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Semua Pegawai Undang-undang yang ditempatkan di KPKM oleh Jabatan Peguam Negara bertugas sama ada sebagai Peguam Persekutuan atau Peguam Kanan Persekutuan atau Timbalan Pendakwa Raya dan tertakluk kepada semua Arahan Peguam Negara, Arahan Pendakwa Raya dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara dari semasa ke semasa. PPUU KPKM antara lainnya berperanan untuk :

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Memastikan perjanjian, memorandum persefahaman dan instrumen perundangan yang mempunyai implikasi undang-undang kepada Kerajaan adalah teratur dan selaras dengan undang-undang sedia ada dan mematuhi dasar Kerajaan yang berkuat kuasa;
- b. Memastikan khidmat nasihat undang-undang yang diberi secara lisan dan bertulis kepada KPKM, Jabatan dan Agensi di bawah KPKM adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang sedia ada dan dasar Kerajaan yang berkuat kuasa;
- c. Menggubal, menyemak dan meminda perundangan utama dan perundangan subsidiari mengikut Perlembagaan Persekutuan, undang-undang sedia ada dan mematuhi dasar Kerajaan yang berkuat kuasa;
- d. Mengendalikan kes-kes pendakwaan dan guaman yang melibatkan KPKM, Jabatan atau Agensi di bawah KPKM di Mahkamah Jenayah dan Sivil mengikut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- e. Memastikan tadbir urus Pejabat Penasihat Undang-Undang yang cekap dan berintegriti.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN DARI JANUARI 2023 SEHINGGA DISEMBER 2023

- a. Nasihat dan Pandangan Undang-Undang Antara peranan utama PPUU KPKM adalah memberi khidmat nasihat dan pandangan undang-undang sama ada secara bertulis atau lisan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan peruntukkan undang-undang lain berhubung isu undang-undang yang berbangkit seperti draf rang undang-undang, perjanjian, memorandum persefahaman, memorandum Jemaah Menteri, tafsiran perundangan atau apa-apa isu perundangan yang melibatkan KPKM serta agensi-agensi di bawahnya.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 167 pandangan dan nasihat perundangan bertulis telah dikeluarkan oleh PPUU KPKM dan dalam masa yang sama sebanyak 392 mesyuarat telah dihadiri yang memerlukan PPUU KPKM bagi memberikan nasihat dan pandangan perundangan ke atas pelbagai isu di KPKM dan agensi-agensi di bawahnya.

- b. Mengendalikan prosiding litigasi di mahkamah PPUU KPKM terlibat dalam membantu KPKM dan agensi-agensi di bawahnya untuk mengendalikan prosiding litigasi di mahkamah seperti berikut:
- mengambil tindakan guaman di mahkamah bagi pihak KPKM dan agensi-agensi di bawahnya;
 - mewakili KPKM dan agensi-agensi di bawahnya dalam tindakan guaman yang dimulakan terhadapnya; dan
 - menjalankan pendakwaan dan perbicaraan kes-kes jenayah bagi kesalahan-kesalahan di bawah perundangan yang dikawal selia oleh KPKM serta agensi-agensi di bawahnya.

Pengendalian prosiding litigasi merangkumi penyediaan dan pemfailan kertas kausa di mahkamah, sebagai contoh, pernyataan tuntutan, pembelaan, afidavit, notis permohonan, hujahan bertulis, ikatan autoriti dan pernyataan saksi, menghadiri pengurusan dan perbicaraan kes di mahkamah serta kajian perundangan yang mendalam berhubung kes tersebut.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 10 prosiding litigasi melibatkan KPKM serta Jabatan dan agensi di bawahnya telah dimulakan di Mahkamah. Daripada jumlah ini, 4 prosiding adalah dalam tindakan Jabatan Peguam Negara yang dibantu oleh PPUU KPKM manakala 6 prosiding adalah dalam tindakan PPUU KPKM. Daripada 6 prosiding tersebut PPUU KPKM telah berjaya menyelesaikan 3 kes dan mendapatkan keputusan yang memihak kepada Kerajaan Malaysia dan lagi 3 kes masih di dalam tindakan PPUU KPKM.

a. Penggubalan dan Penyemakan Dokumen Perundangan


PPUU KPKM juga berperanan untuk meneliti, menyemak dan menyediakan draf perjanjian dan memorandum persefahaman yang melibatkan KPKM dan agensi-agensi di bawahnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 204 Arahan Perbendaharaan.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 265 instrumen perundangan seperti perjanjian perolehan KPKM, memorandum persefahaman domestik dan antarabangsa serta dokumen prosedur tatatertib telah disemak dan disediakan oleh PPUU KPKM.


**STATISTIK TAHUNAN AKTIVITI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG,
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) TAHUN 2023**

SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI 2023 - MAC 2023)	Ulasan Undang- Undang	Warta/Akta/ Subsid	Pendakwaan	Sivil	Kontrak/MOU/ Tatatertib	Mesyuarat/Taklimat/ Bincang/Lain-lain	JUMLAH KESELURUHAN
	27	6	0	7	42	90	172
SUKU TAHUN KEDUA (APRIL 2023 - JUN 2023)	Ulasan Undang- Undang	Warta/Akta/ Subsid	Pendakwaan	Sivil	Kontrak/MOU/ Tatatertib	Mesyuarat/Taklimat/ Bincang/Lain-lain	JUMLAH KESELURUHAN
	41	4	2	6	72	105	230
SUKU TAHUN KETIGA (JULAI 2023 - SEPTEMBER 2023)	Ulasan Undang- Undang	Warta/Akta/ Subsid	Pendakwaan	Sivil	Kontrak/MOU/ Tatatertib	Mesyuarat/Taklimat/ Bincang/Lain-lain	JUMLAH KESELURUHAN
	51	7	0	2	74	75	209
SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER 2023 - DISEMBER 2023)	Ulasan Undang- Undang	Warta/Akta/ Subsid	Pendakwaan	Sivil	Kontrak/MOU/ Tatatertib	Mesyuarat/Taklimat/ Bincang/Lain-lain	JUMLAH KESELURUHAN
	48	8	0	3	77	122	258
JUMLAH	167	25	2	18	265	392	869


STATISTIK TAHUNAN AKTIVITI PEJABAT PENASAHAT UNDANG-UNDANG KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) TAHUN 2023




SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI 2023 - MAC 2023)




SUKU TAHUN KEDUA (APRIL 2023 - JUN 2023)



SUKU TAHUN KETIGA (JULAI 2023 - SEPTEMBER 2023)



SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER 2023 - DISEMBER 2023)



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

OBJEKTIF UNIT

- a. Memastikan aktiviti-aktiviti Kementerian mendapat publisiti meluas melalui media massa;
- b. Memastikan khlayak sasaran Kementerian memahami dan menerima program-program Kementerian;
- c. Memastikan acara-acara Majlis Rasmi dan kempen-kempen Kementerian dan acara antarabangsa mendapat publisiti meluas secara professional melalui media massa;
- d. Memberi khidmat sokongan kepada 13 Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

FUNGSI UNIT

- a. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program perhubungan awam dan publisiti Kementerian secara sistematik dan teratur;
- b. Memantau isu dan memberi maklumbalas mengenai aduan dan pertanyaan orang ramai berkaitan Kementerian, Jabatan dan Agensi;
- c. Merancang dan menyelaras strategi media melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian;
- d. Memberi khidmat nasihat mengenai publisiti dan promosi kepada Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian;
- e. Menjadi urusetia kepada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam Kementerian, Jabatan dan Agensi;
- f. Membantu Kementerian dalam urusan penerbitan bahan-bahan bercetak;
- g. Menyelaras permohonan lawatan dari dalam dan luar negara ke Kementerian;
- h. Mengendalikan urusan perkhidmatan kaunter dan Pegawai Khidmat Pelanggan Kementerian;
- i. Melaksanakan kajian maklum balas pelanggan mengenai perkhidmatan yang diberikan.

LAPORAN ADUAN BAGI TAHUN 2023

Jumlah keseluruhan aduan yang diterima pada tahun 2023 adalah sebanyak 310 aduan merangkumi Cadangan (21), Maklum balas/ aduan (23), Penghargaan (5) dan Pertanyaan (51).

Sebanyak 233 aduan berkenaan Maklum balas/ aduan dan 52 Pertanyaan pelanggan dapat diselesaikan dalam tempoh tiga hari bekerja.



Cadangan



Maklumbalas
/Aduan



Penghargaan



Pertanyaan

JUMLAH
KESELURAHAN
310

STATISTIK SIARAN/KENYATAAN MEDIA

Bulan	Jumlah
Januari	8
Februari	14
Mac	8
April	7
Mei	3
Jun	8
Julai	5
Ogos	6
September	7
Oktober	14
November	5
Disember	-
JUMLAH	85



*STATISTIK LAPORAN PEMANTAUAN AKHBAR HARIAN /MEDIA CETAK/MEDIA ONLINE

Bulan	Jumlah Keratan Akhbar
Januari	321
Februari	317
Mac	313
April	131
Mei	407
Jun	457
Julai	197
Ogos	255
September	v608
Oktober	438
November	274
Disember	151
JUMLAH	3869

Bulan	Jumlah Keratan Akhbar	Media Online
Januari	159	162
Februari	148	169
Mac	236	77
April	65	66
Mei	267	140
Jun	246	211
Julai	164	33
Ogos	170	85
September	446	162
Oktober	353	85
November	247	27
Disember	138	13
JUMLAH	2639	1230

LAPORAN PRESTASI MEDIA SOSIAL

2023



Follower	155,473	3,436	12,784	-
Posting	557	458	957	2350
Impression	5,198,236	67,862	727,692	281,217

Statistik Foto :

Bulan	Jumlah Program
Januari	33
Februari	27
Mac	24
April	18
Mei	22
Jun	24
Julai	37
Ogos	36
September	46
Oktober	34
November	25
Disember	20
JUMLAH	346

Statistik Video :

Bulan	Jumlah Program
Januari	3
Februari	8
Mac	8
April	8
Mei	9
Jun	8
Julai	13
Ogos	5
September	8
Oktober	21
November	12
Disember	12
JUMLAH	115

UNIT AUDIT DALAM (UAD)

OBJEKTIF UNIT

UAD KPKM berperanan untuk membantu KPKM mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menambahbaik keberkesanan tadbir urus kewangan seperti merancang, melaksanakan dan melaporkan penemuan Audit kepada jabatan/agensi di bawah KPKM serta memberi khidmat nasihat mengenai isu-isu prosedur dan peraturan kewangan kepada jabatan/agensi di bawah KPKM.

FUNGSI UNIT

- Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (P.S 3.1) UAD merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk mendapat nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi;
- UAD bertanggungjawab menjalankan audit pengurusan kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang peraturan dan arahan yang berkaitan; dan
- UAD juga turut menjalankan Audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

PENCAPAIAN UTAMA

Pelaksanaan Pengauditan Setakat 31 Disember 2023, pengauditan yang dilaksanakan secara keseluruhan bagi tahun 2023 adalah sebanyak 31 pengauditan. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual berikut:

PENCAPAIAN PELAKSANAAN PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2023

JENIS PENGAUDITAN	SASARAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN (%)	Beza
Pengurusan Kewangan	8	8	100	-
Prestasi	3	2	67	(1)
Pengurusan Pematuhan (Perolehan)	4	4	100	-
Pengauditan ICT	1	1	100	-
Penampilan Audit	8	8	100	-
Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti (Akruan)	5	5	100	-
Pejabat Perwakilan Pertanian Luar Negara	2	2	100	-
JUMLAH	31	30	97	(1)

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan dijalankan untuk menilai tahap prestasi pematuhan terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Penilaian dijalankan berdasarkan kawalan dalaman yang diwujudkan dan pematuhan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemaskini dalam aspek pengurusan organisasi, bajet, pungutan hasil, perbelanjaan, amanah serta aset dan stor.

Antara perkara utama yang disemak adalah seperti berikut :

- a. Wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan terhadap sistem dan prosedur organisasi.
- b. Undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dipatuhi.
- c. Wujud struktur dan sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.
- d. Rekod kewangan dan perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan yang dijalankan meliputi lapan kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Kumpulan Wang/ Akaun Amanah dan Deposit, Kawalan Pengurusan Aset dan Stor serta Kawalan Pengurusan Kenderaan. Pengauditan ini dilaksanakan secara manual dengan menggunakan Senarai Semak Kertas Kerja UAD KPKM (Mac 2023). Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh tahun 2022 sehingga tempoh pengauditan tahun 2023. Rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun sebelum juga akan disemak, sekiranya berkaitan.

Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan bagi pengesahan dan perakuan maklumat yang diperolehi. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit. Pada tahun 2023, Pengauditan Pengurusan Kewangan Penuh dan Kawalan Tertentu serta Susulan Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan di peringkat Jabatan dan Bahagian di bawah KPKM melibatkan PTJ seperti berikut:

Bil.	JENIS PENGAUDITAN	PTJ TERLIBAT
1.	Kawalan Tertentu	Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan.
2.	Pegauditan Pengurusan Kewangan di Pejabat Perwakilan Pertanian Luar Negara	Pejabat Perwakilan Pertanian Tokyo, Jepun.
		Pejabat Perwakilan Pertanian Bangkok, Thailand.
3.	Susulan Pengurusan Kewangan	Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) Lundang, Kelantan.
		Pejabat IADA Batang Lupar, Sarawak.
		Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar .
4.	Penampilan Audit	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Johor.
		Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Lundang.
		Pejabat Perikanan Negeri (PPN) Pulau Pinang.
		Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung.
		Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar, Sarawak.
		Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT), Sungai Burong, Tanjong Karang, Selangor.
		Pusat Operasi Kawasan Tumpuan Sasaran VetEC Selatan.
Pejabat Penguatkuasa Veterinar Negeri Perak.		
5.	PSAA Projek Rintis	Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh.
		Jabatan Pertanian Negeri Melaka.
		Jabatan Perikanan Negeri Melaka.
		Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Selangor.
		Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor.
		Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Negeri Sembilan.
6.	Pengesahan Audit SAA	Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh.
		Jabatan Pertanian Negeri Melaka.
		Jabatan Perikanan Negeri Melaka.
		Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Selangor.

PENGAUDITAN PRESTASI

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1, antara tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah untuk menjalankan pengauditan prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti KPKM untuk menentukan matlamat telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Pengauditan Prestasi adalah suatu pemeriksaan untuk menentukan sama ada urusan Kerajaan, sistem, operasi, program, aktiviti atau organisasi beroperasi mengikut prinsip ekonomi, kecekapan dan keberkesanan serta adanya ruang untuk penambahbaikan. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan memberi penekanan kepada elemen 3E iaitu Economy, Efficiency dan Effectiveness, pencapaian objektif yang ditetapkan bagi membantu ke arah tadbir urus yang baik serta meningkatkan akauntabiliti sektor awam. Pemilihan tajuk pengauditan prestasi adalah berdasarkan kepada risk assessment iaitu pemilihan berasaskan matriks tertinggi yang merangkumi tujuh kriteria iaitu:

- a. Impak berpotensi kepada pengauditan (ekonomi, kecekapan dan keberkesanan);
- b. Risiko kepada pengurusan yang baik;
- c. Materialiti kewangan;
- d. Signifikan (kepentingan dari sudut dalaman);
- e. Visibiliti (kepentingan dari sudut luaran);
- f. Auditabiliti; dan
- g. Liputan.

Pada tahun 2023, pengauditan prestasi telah dijalankan di peringkat Kementerian dan Jabatan KPKM seperti berikut:

- a. Pengauditan Terhadap Pembangunan Semula Infrastruktur Tanaman di Taman Botani Negara, Shah Alam (TBNSA).
- b. Projek Pengeluaran Benih Tanaman Berkualiti (DOA).



Lawatan Fizikal bagi pengauditan di TBNSA Shah Alam.



Lawatan Fizikal bagi pengauditan Terhadap Projek Pengeluaran Benih Tanaman Berkualiti (DOA).

PENGAUDITAN ICT

Pengauditan ICT dijalankan untuk memastikan pengurusan ICT dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mematuhi garis panduan dan peraturan yang berkuatkuasa serta rekod dan dokumen berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pada tahun 2023, hanya satu pengauditan ICT dilaksanakan iaitu pengauditan terhadap sistem I-MAQIS (MAQIS Integrated Information System) di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Objektif pengauditan tersebut adalah untuk menilai sama ada sistem I-MAQIS dibangunkan dan diuruskan dengan cekap, berkesan, berkualiti dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain itu, ianya juga untuk menilai kebolehpercayaan sistem dan integriti data terpelihara.



iMAQIS



PENGAUDITAN PEMATUHAN (PEROLEHAN)

Pengauditan Pematuhan terhadap Pengurusan Perolehan dilaksanakan bagi memastikan ia dilaksanakan secara teratur selaras dengan peraturan dan undang-undang bagi mengelakkan berlakunya pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan. Pengauditan ini akan dilaksanakan secara berfokus (*deep dive*) bagi mengenal pasti kelemahan yang wujud dan membantu Kerajaan untuk mengurangkan nilai kerugian yang timbul akibat daripada elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan (*fraud*) dan ketirisan (3PIK). Elemen 3PIK merupakan kelemahan dalam pengurusan wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Sebanyak empat tajuk pengauditan perolehan telah dirancang dan telah dilaksanakan dalam tahun 2023 seperti berikut:

- a. Pembangunan Agrofood Park (AFP) Sedia Ada (DOA).
- b. Perolehan Perkhidmatan Menaiktaraf, Menguji, Mengintegrasikan, Melaksana Dan Mentauliah Sistem Pengurusan Ebiosekuriti Perikanan (Eletronik Biosekuriti Perikanan Management System – e-KANMAS) Untuk Jabatan Perikanan Malaysia.
- c. Perolehan Membekal Input Kesuburan Tanah Bagi Kawasan IADA Barat Laut, Selangor.
- d. Perolehan Membekal Dan Menghantar 420 Ekor Induk Lembu Pedaging Baka Kacukan Tempatan Bagi Tujuan Pembiakan Kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



Lawatan fizikal bagi Pengauditan terhadap Projek Pembangunan Agrofood Park (AFP) Sedia Ada (DOA).



Lawatan Fizikal bagi pengauditan Perolehan Perkhidmatan Menaiktaraf, Menguji, Mengintegrasikan, Melaksana Dan Mentaulliah Sistem Pengurusan Ebiosekuriti Perikanan (Electronic Biosekuriti Perikanan Management System – e-KANMAS) Untuk Jabatan Perikanan Malaysia.



Entrance Conference bagi pengauditan Perolehan Membekal Input Kesuburan Tanah Bagi Kawasan IADA Barat Laut, Selangor.



Lawatan Fizikal bagi Perolehan Membekal Dan Menghantar 420 Ekor Induk Lembu Pedaging Baka Kacukan Tempatan Bagi Tujuan Pembiakan Kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

PENGESAHAN BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI (AKRUAN)

Perakaunan Akruan merupakan asas perakaunan bagi pelaporan kedudukan dan prestasi Kerajaan yang lebih tepat dan telus. Perubahan perakaunan tunai ubah suai kepada perakaunan akruan adalah menjurus kepada pengurusan fiskal yang lebih cekap dan berkesan. Mulai tahun 2021, UAD KPKM telah dipertanggungjawabkan menerima data aset alih daripada Bahagian Akaun, KPKM untuk disahkan.

Salah satu tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam memastikan pelaksanaan perakaunan akruan dibuat sewajarnya adalah dengan memastikan daftar aset dan liabiliti di Kementerian/ Jabatan/PTJ dikemas kini selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengemaskinian ini bertujuan untuk mendapatkan baki awal bagi pelaksanaan perakaunan akruan untuk dimasukkan ke sistem iGFMAS.

Objektif pengauditan adalah untuk mengesahkan data baki awal aset dan liabiliti yang disediakan oleh Bahagian Akaun, KPKM adalah tepat dan bebas daripada sebarang kesilapan material sebelum data dimasukkan ke iGFMAS.

Pada tahun 2023, UAD telah selesai menjalankan pengesahan data baki awal aset dan liabiliti bagi kedudukan sehingga 31 Disember 2023 seperti jadual berikut.

KEMENTERIAN/JABATAN/PTJ YANG TERLIBAT DENGAN PENGAUDITAN

JENIS PENGAUDITAN	PTJ	TARIKH LAPORAN DIKELUARKAN
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	1. Bahagian Dasar dan Pengurusan Strategik, KPKM.	16.06.2023 (AA) 27.06.2023 (ABT dan ATAT) 21.07.2023 (AA dan ATK)
	2. Bahagian Pembangunan, KPKM.	
	3. Bahagian Kewangan, KPKM.	
	4. Ibu Pejabat Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP).	
	5. IADA Kalaka Saribas, Sarawak.	
	6. IADA Samarahan, Sarawak.	
	7. IADA Batang Lupar.	
	8. IADA Ketara.	
	9. IADA Pulau Pinang.	
	10. Pejabat Perwakilan Pertanian, Tokyo.	
	11. Projek Pertanian Moden, Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor.	

JENIS PENGAUDITAN	PTJ	TARIKH LAPORAN DIKELUARKAN
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu Pejabat MAQIS. 2. Pejabat MAQIS Wilayah Tengah. 3. Pejabat MAQIS Pelabuhan Klang Utara. 	<p>16.06.2023 (AA) 27.06.2023 (ABT)</p>
Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)	<ol style="list-style-type: none"> 1. DOA (Penghutang Lain). 2. DOA Johor (Muar dan Tangkak). 3. DOA Melaka. 4. DOA Selangor. 5. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT). 6. Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) Pulau Gadong. 7. BPIT Lundang, Kelantan. 8. BPIT Sendayan. 9. BBT Johor 10. Projek Pertanian Moden, Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor. 	<p>23.06.2023 (ATA&AA) 27.06.2023(ABT) 21.07.2023 (AA dan ATK)</p>
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Khidmat Pengurusan, DVS. 2. Unit Tensu, DVS. 3. Pejabat Bahagian Penguatkuasa Negeri Melaka. 4. DVS Negeri Terengganu. 5. DVS Negeri Kelantan. 6. Pusat Ternakan Haiwan Air Hitam, Johor. 7. Institut Teknologi Unggas, Melaka. 8. Rumah Sembelih Alor Gajah, Melaka. 9. Makmal Veterinar Zon Utara, Pulau Pinang. 10. Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh. 	<p>27.06.2023 (ATA&ABT) 30.06.2023 (ATA&AA)</p>

JENIS PENGAUDITAN	PTJ	TARIKH LAPORAN DIKELUARKAN
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)	1. Bahagian Khidmat Pengurusan, DOF.	26.06.2023 (ATA,AA&ABT)
	2. Jabatan Perikanan Laut Sarawak.	
	3. Limbongan Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor.	
	4. Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	
	5. Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan.	
	6. Pejabat Perikanan Negeri Sembilan.	
	7. Pejabat Perikanan Negeri Melaka.	
	8. Pejabat Perikanan Negeri Kelantan.	
	9. Pejabat Perikanan Negeri Kedah.	
	10. Pejabat Perikanan Negeri Selangor.	
	11. Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang.	
	12. Pejabat Perikanan Negeri Sarawak.	
	13. Pejabat Perikanan Negeri Pahang.	
	14. Pengarah Perikanan Johor.	
	15. Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang.	

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah ditubuhkan pada tahun 2009 selaras dengan kehendak Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009 mengenai Penubuhan JKA di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Peringkat Kerajaan Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian dan dianggotai seramai 14 ahli di mana Ketua Audit Dalam bertindak sebagai Setiausaha. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2, tanggungjawab JKA adalah seperti berikut :

- a. Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi;
- b. Melaporkan sama ada wujudnya sistem perakaunan dan kewangan yang efektif serta kawalan-kawalan tertentu sebagai satu amaran awal mengenai kelemahan di Kementerian Persekutuan;
- c. Mengkaji Rancangan Tahunan yang disediakan Unit Audit Dalam (UAD) dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum diluluskan oleh KSU dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia;

- d. Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan audit dalaman dan UAD diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya;
- e. Memastikan UAD mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan;
- f. Mengkaji laporan daripada UAD dan Jabatan Audit Negara untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan; dan
- g. Menimbang hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalaman untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalaman.

JKA dipengerusikan oleh KSU dan keahlian tetap adalah Timbalan KSU (Pembangunan), Timbalan KSU (Dasar), SUBK Pengurusan, SUB Pembangunan, SUB Sekuriti Makanan, SUB Kewangan, SUB Pengurusan Manusia, SUB Pentadbiran, SUB Pengurusan Maklumat, Ketua Akauntan, Penasihat Undang- Undang, Ketua Unit Integriti dan Ketua Unit Audit Dalam. Sebagai Pengerusi ganti, salah seorang daripada Timbalan KSU akan mempengerusikan Mesyuarat JKA semasa ketiadaan Pengerusi.

Pada tahun 2023, JKA telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali bagi membentangkan laporan pengauditan seperti dalam Jadual berikut.



Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM.

BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Bil.	MESYUARAT JKA	TARIKH MESYUARAT	TARIKH MINIT JKA DIHANTAR KE PERBENDAHARAAN	BILANGAN LAPORAN DIBENTANG
1.	Bilangan 1 Tahun 2023	10.01.2023	12.01.2023	1
2.	Bilangan 2 Tahun 2023	10.04.2023	14.04.2023	2
3.	Bilangan 3 Tahun 2023	10.07.2023	14.07.2023	3
4.	Bilangan 4 Tahun 2023	12.10.2023	14.10.2023	6

UNIT INTEGRITI (UI)

OBJEKTIF UNIT

- a. Bertanggungjawab melaksanakan inisiatif penginstitutionian integriti.
- b. Meningkatkan tadbir urus, pematuhan, pengesanan salah laku dengan lebih fokus, terancang, cekap dan mencapai keberhasilan yang optimum.

FUNGSI UNIT

- a. Pengurusan Aduan
 - Bertanggungjawab dalam pengurusan penerimaan maklumat/ aduan mengenai salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika agensi bagi memastikan tindakan diambil ke atas setiap maklumat/ aduan. Pengurusan aduan yang cekap adalah perlu dilaksanakan dan tidak terbatas kepada menyelia dan memantau pengurusan penerimaan aduan tetapi juga bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan sistem aduan dilaksanakan.
- b. Pematuhan
 - Bertanggungjawab dalam melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di setiap agensi awam bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk penjawat awam melakukan kesalahan dari segi jenayah mahupun tatakelakuan dan etika.
- c. Tadbir Urus
 - Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di samping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam agensi.
- d. Pengesanan dan Pengesahan
 - Bertanggungjawab dalam melaksanakan pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima dan seterusnya memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil.
- e. Pengukuhan Integriti
 - Bertanggungjawab dalam memastikan pembudayaan, penginstitutionian dan pelaksanaan budaya integriti dalam agensi melalui program-program pengukuhan dan penerapan nilai murni.
- f. Tatatertib
 - Bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan kerja-kerja pengurusan tatatertib.

PENARAFAN SEMULA RISIKO KPKM DAN AGENSI BAGI TAHUN 2023–2025

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan penilaian risiko setiap tiga tahun. Bagi tahun 2023 hingga 2025, senarai penuh penilaian risiko KPKM dan agensi di bawah KPKM adalah seperti yang berikut :

RISIKO TINGGI	RISIKO SEDERHANA	RISIKO RENDAH
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	i. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	Jabatan Perikanan (DOF)
	ii. Jabatan Pertanian (DOA)	
	iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Putrajaya	
	iv. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	
	v. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	
	vi. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	
	vii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	
	viii. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	
	ix. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	
	x. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	
	xi. Agrobank	

PEMATUHAN KAD PERAKAM WAKTU (KPW) TAHUN 2022

Unit Integriti KPKM bagi tahun 2023 berjaya melaksanakan sesi penelitian, pemantauan dan pemeriksaan urusan dan rekod dokumen pentadbiran berkaitan pengurusan dan penggunaan Kad Perakam Waktu (KPW), pengurusan fail dan dokumen berkaitan cuti, kebenaran keluar pejabat, kebenaran keluar tugas rasmi dan semua perkara berkaitan pematuhan kehadiran pegawai dan pelaksana ke pejabat; dan pematuhan waktu bekerja tahun 2022 pegawai dan pelaksana di semua 24 bahagian/unit/pejabat di KPKM bermula Januari hingga Disember 2023.

Sesi yang melibatkan semua pegawai dan pelaksana di Bahagian/Unit/Pejabat di KPKM ini bertujuan :

- a. Memantau dan menyelia
- b. memeriksa dokumen
- c. mengesan; dan
- d. mengesyorkan penambahbaikan berkaitan pematuhan KPW

Hasil daripada pemeriksaan di semua bahagian, UI KPKM mendapati bahawa sesi ini berjaya :

- a. Memperkukuh kawalan dalaman dan pemantauan kepada pengurusan dan pentadbiran serta penyeliaan oleh Ketua Jabatan/ Penyelia secara berterusan merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan Surat Pekeliling Am Bil.11 Tahun 1981 – “Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (Punch Card) di Pejabat-Pejabat Kerajaan”; dan
- b. Pada keseluruhannya, pengurusan dan pentadbiran KPW di semua bahagian & unit di KPKM adalah di tahap baik dan mempunyai ruang dan masa untuk penambahbaikan dalam pengurusan, pemantauan dan penggunaan KPW sejajar dengan kepatuhan dan penetapan peraturan waktu bekerja yang berkuatkuasa.

Manfaat kepada kumpulan sasaran:

- i. Pengurusan Tertinggi KPKM: Meneliti dan mengkaji keperluan untuk mewujudkan penggunaan sistem kehadiran secara elektronik/digital di semua bahagian/unit selaras perkembangan teknologi dan era digitalisasi, dengan mengambil kira kos yang bersesuaian;
- ii. Khidmat Pengurusan: Mewujudkan satu dasar atau polisi dalaman di KPKM berkaitan tatacara kehadiran ke pejabat dengan mengutamakan aspek penyeliaan dan pemantauan secara berterusan.
- iii. Warga KPKM: Mempertingkatkan kerjasama dan kebersamaan bahagian/ unit di KPKM dengan UI dalam melaksanakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut analisa keperluan dan kehendak yang telah dikenal pasti secara kolektif.



SEMAKAN SEMULA KALAM ANTIRASUAH MAFI (KARMA) 2021-2025 BAGI TAHUN 2023

Program semakan semula ini mengandungi 3 siri:

Klinik 1: Pemahaman dan Pra Semakan.

Siri ini diadakan pada 16 Februari 2023 bertempat di Perpustakaan Wisma Tani bagi membincangkan:

- a. Pengenalan mengenai kepentingan dan fungsi KARMA 2021-2025.
- b. Penerangan mengenai peranan penyelarasa pelaporan KARMA.
- c. Penetapan hala tuju pelaksanaan pelaporan semasa KARMA.

Klinik 2: Pengemaskinian Kebolehlaksanaan Inisiatif KARMA.

Siri ini diadakan pada 21 Mac 2023, di Perpustakaan Wisma Tani bagi membincangkan :

- a. Penerangan kaedah penyediaan pelaporan.
- b. Semakan kebolehlaksanaan dan pengemaskinian pelaporan KARMA.
- c. Pelan tindakan pelaksanaan dan penyiapan inisiatif KARMA.

Klinik 3: Penilaian Semula Pengurusan Risiko MAFS.

Siri ini diadakan pada 20-22 Ogos 2023 di iBis Hotel, Kuala Lumpur bagi membincangkan:

- a. Membuat penilaian semula risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan bagi Kementerian
- b. Mencadangkan tadbir urus yang terkini bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berdasarkan situasi/keperluan semasa.
- c. Menyediakan deraf pelan pengurusan risiko rasuah Kementerian.

Program ini melibatkan semua penyelarasa KARMA daripada bahagian yang bertanggungjawab dengan tujuan seperti yang berikut:

- a. Mengemaskini pemantauan, penilaian dan pelaporan pencapaian pelaksanaan KARMA bagi tempoh 24 bulan.
- b. Sebagai koordinasi dan keterlibatan bagi memastikan kebolehlaksanaan pelan tindakan dengan lebih berkesan.

Program ini berhasil menjadi medium pemudah cara dalam penyediaan pelaporan pencapaian KARMA dan memastikan keberkesanan KARMA berjaya menangani permasalahan yang timbul. Impak daripada program ini juga mendapati:

- a. Hala tuju pelaksanaan inisiatif KARMA ditetapkan.
- b. Kebolehlaksanaan inisiatif KARMA bagi tahun 2023 disemak dan dikemaskini.
- c. Risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan bagi KPKM dinilai semula dan cadangan penambahbaikan inisiatif disyorkan.

BICARA INTEGRITI BERDASARKAN MODUL PENGHAYATAN NILAI ISLAM (PNI)

Bagi melaksanakan arahan dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2022: Garis Panduan Pelaksanaan Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 2 Mac 2022, UI KPKM telah menganjurkan sebanyak tiga (3) siri program Bicara Integriti yang terbuka kepada semua warga KPKM seperti berikut:

- Siri 1: Forum bertajuk Mengintai Tabir Langit sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 2023M/1444H pada 21 Februari 2023 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Putrajaya.
- Siri 2: U-Turn ke Syurga sempena sambutan Ma'al Hijrah 1445H pada 1 Ogos 2023 yang dilaksanakan dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad. Siri ini disampaikan oleh Ustaz Haris Ismail (PU Riz) di Dewan Serbaguna KPKM, Wisma Tani.
- Siri 3: Kekasih Awal dan Akhir sempena sambutan Maulidur Rasul SAW Tahun 1445H/2023M merupakan ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya. Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, Timbalan Dekan UKM; yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia dan Surau al-Kautsar, Wisma Tani.

Objektif pelaksanaan program Bicara Integriti berdasarkan PNI adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap amalan nilai-nilai murni agama Islam dalam perkhidmatan bagi melahirkan warga KPKM mempunyai kekuatan spiritual, intelektual dan emosi yang seimbang;
- Meningkatkan motivasi warga KPKM berasaskan nilai-nilai murni agama Islam bagi meningkatkan produktiviti organisasi ini ke arah mencapai tadbir urus terbaik dalam perkhidmatan (good governance);
- Memupuk nilai-nilai unggul berteraskan Maqasid Syariah ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera khususnya dalam kalangan penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya; dan
- Mengurangkan salah faham terhadap Islam sebagai cara hidup khususnya dalam kalangan warga KPKM.

Pencapaian dan manfaat kepada kumpulan sasaran:

- Jumlah kehadiran mencecah 250 orang bagi setiap siri terdiri daripada warga KPKM dan agensi di bawah KPKM.
- Peserta mendapat kefahaman mengenai amalan dan nilai Islam dalam perkhidmatan awam untuk melaksanakan integriti dan amalan terbaik sebagai budaya kerja warga Kementerian ini.



Forum bertajuk Mengintai Tabir Langit



U-Turn ke Syurga

IKRAR BEBAS RASUAH

Berlangsung sempena Forum Eksekutif Merdeka, satu program Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang melibatkan seramai 180 orang pegawai pengurusan tertinggi Kementerian, jabatan dan agensi termasuk anak syarikat telah dilaksanakan di hadapan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki pada 17 Ogos 2023 di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Lumpur.

IBR ini turut disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Haji Mohamad bin Sabu, yang hadir menyampaikan ucapan sempena perasmian penutup program tersebut.



Forum Eksekutif Merdeka & Ikrar Bebas Rasuah KPKM

KARNIVAL INTEGRITI PERINGKAT KPKM TAHUN 2023

Bertemakan Integriti: Buat Betul-betul!, UI KPKM dengan kerjasama semua UI di bawah KPKM buat julung-julung kalinya telah berjaya menganjurkan Karnival Integriti KPKM Tahun 2023.

Karnival ini diadakan bersempena sambutan Hari Integriti yang diraikan pada 5 November setiap tahun, bertujuan memperkasa imej Kementerian sebagai organisasi yang berintegriti, selain mengukuhkan sinergi dan semangat kekitaan serta nilai kebersamaan dalam membudayakan kerja secara berpasukan dalam kalangan bahagian, agensi dan seluruh warga KPKM, termasuk dengan Kelab, PUSPANITA dan Surau.

Tarikh	: 12 Oktober 2023
Masa	: 8.00 Pagi – 6.00 Petang
Tempat	: Dewan Serbaguna KPKM, Wisma Tani
Nama perasmii	: YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Sasaran	: Semua warga KPKM dan agensi
Objektif:	: Membudayakan integriti dalam kalangan penjawat awam di KPKM dengan penganjuran aktiviti pencegahan dan pendidikan melalui pameran dan aktiviti sepanjang karnival ini.

Kandungan Karnival Integriti :

- Bicarawara Integriti: Berpijak Pada Bumi Yang Sama. Forum santai ini merupakan perkongsian pengalaman yang disampaikan oleh bekas-bekas penjawat awam yang telah menjalani hukuman atas kesalahan rasuah.
- Pertandingan video Tiktok berkaitan integriti.
- Pameran dari agensi kerajaan dan badan berkanun
- Jualan Agro Madani dan usahawan asas tani
- Integrity games
- Persembahan khas anak-anak Taska Si Comel

Pencapaian Karnival Integriti :

- Kehadiran sesi pagi: 250 orang. Kehadiran sesi petang: 150 orang
- Pengisian: 70% sangat memuaskan dan 30% memuaskan
- Komitmen serius pengurusan tertinggi Kementerian dalam membudayakan integriti dalam kalangan seluruh warga KPKM dizahirkan.
- Pembudayaan integriti terbaik dan menyeluruh dalam perkhidmatan (*good governance*) dijadikan amalan kerja warga KPKM.

SEKITAR PROGRAM KARNIVAL INTEGRITI PERINGKAT KPKM TAHUN 2023



LENSA HPPNK 2023





LENSA AMAF 2023





Sidang Editorial

Penasihat

DATUK LOKMAN HAKIM BIN ALI

Ketua Penyelaras

ENCIK MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN | ENCIK MAHAZIR BIN YUSUFF

Penyelaras

ENCIK MOHD HAFIZ BIN MOHD ISA | PUAN ZURIA BINTI BAKERI

PUAN SARI NOR AMRIYAH BINTI MUHAMMAD ISA | PUAN SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

PUAN SAIYASWARY A/P SURNARAYANA | ENCIK MOHAMAD YASIN BIN JAMAL

CIK NOOR AMIRA NABILLAH

Penyelaras Bahagian / Unit

ENCIK HAZAM BIN MUHAMMAD HAJANAN | PUAN SITI NURUL SYAZWANI BINTI ZAINAL ABIDIN

ENCIK MATURUNI BIN TUKIMAN

ENCIK MUHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL AZIZ | ENCIK FAIRUL HAFIFI BIN KASIM

ENCIK ANWAR FAIZ BIN OTHMAN | PUAN SUHAILI BINTI MOHAMAD ZAHIDI

ENCIK IDRIS BIN HASYIN | PUAN HAZLIN ARINI BINTI KAMARUDDIN

ENCIK MUHAMMAD FARHAN BIN AZMI | PUAN NUR PARISAH BINTI PAUZI | ENCIK MAHRUZAHIRIN BIN MASKAN

PUAN HELENA BINTI MOHA MAD | PUAN NUURAUHA BINTI MD ISA

PUAN NOORUL HUDA ASYIKIN BINTI MOHD FAUZI | PUAN TAN BEE SIM

PUAN NUR SUHAILA BINTI SALLEHUDDIN | ENCIK MUHAMMAD AFANDI BIN CHE WAHAB

ENCIK MOHD FARIDZULLAH BIN MOHD SHAH | PUAN NOORAIDA BINTI MOKHTAR

ENCIK ISYAMUDDIN BIN AHMAD | PUAN KAMILAH NAZIFAH BINTI KAMIN

PUAN NORAINI BINTI MOHD YUSOF | PUAN SITI FAIRUS BINTI ISMAIL | PUAN SITI NOORANIZA BINTI ABU BAKAR

PUAN NORAIDA BINTI ALIAS | PUAN NOOR AZLIN BINTI ABDUL AZIZ

ENCIK MUHAMMAD NUR HAFIZ BIN KAMID | ENCIK NUR IKHRAM BIN MOHD NOR

PUAN AMIRAH HAZWANI BINTI ISMAIL

PUAN NOORLAILI BINTI MD NOOR | PUAN NUR FATHIAH BINTI MARZUKI

ENCIK KHAIRUL NAIM BIN KHAIRUL ANUAR | PUAN NIK NORWATI BINTI NIK HARUN

PUAN SYUHAIDA BINTI ATAN | PUAN SUZANA BINTI MOHAMED ALI

ENCIK MUHAMMAD LUKMAN HAKIM BIN MOHD ISNAINI

Indeks

Jabatan

Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Agensi


Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
Bank Pertanian (Agrobank)
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)





WISMA TANI

WISMA TANI



www.kpk.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Aras 1, Blok 4G1, Wisma Tani,
No. 28, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

Telefon : +603-8000 8000
Email : pro@kpk.gov.my

      [@kpkmalaysia](https://www.instagram.com/kpkmalaysia)

